05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PEMIKIRAN MENCIPTA DALAM PENULISAN SAJAK MURID BERDASARKAN TAKSONOMI BLOOM (SEMAKAN ANDERSON)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ZARINA BINTI ABU HASSAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PEMIKIRAN MENCIPTA DALAM PENULISAN SAJAK MURID BERDASARKAN TAKSONOMI BLOOM (SEMAKAN ANDERSON)

ZARINA BINTI ABU HASSAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus ✓
Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 09 (hari bulan) Ogos (bulan) 2022

**i. Perakuan Pelajar :**

Saya, **ZARINA BINTI ABU HASSAN**, **NO. MATRIK M20181000751 dari FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk **PEMIKIRAN MENCIPTA DALAM PENULISAN SAJAK MURID BERDASARKAN TAKSONOMI BLOOM (SEMAKAN ANDERSON)** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia :**

Saya, **DR. ARIFF BIN MOHAMAD** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMIKIRAN MENCIPTA DALAM PENULISAN SAJAK MURID BERDASARKAN TAKSONOMI BLOOM (SEMAKAN ANDERSON)** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU).

1.9.2022
Tarikh

DR. ARIFF BIN MOHAMAD
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa & Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak

Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
اونيۏرسيتي ڤندidikan سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /**
**INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK**
***DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM***

Tajuk / *Title:* **PEMIKIRAN MENCIPTA DALAM PENULISAN SAJAK MURID BERDASARKAN TAKSONOMI BLOOM (SEMAKAN ANDERSON)**

No. Matrik / *Matric's No.:* **M20181000751**

Saya / *I:* **ZARINA BINTI ABU HASSAN**

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
*Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
   *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
   *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD.**
   *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL***
Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/*RESTRICTED***
Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*.

☑ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 1.9.2022

DR. ARIFF BIN MOHAMAD
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa & Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD.**

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentially or restriction.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan rahmat-Nya, akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ini. Perjalanan untuk menyiapkan disertasi ini mengambil masa yang agak panjang kesan daripada pandemik Covid-19.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih buat penyelia akademik saya, Dr. Ariff Mohamad atas bimbingan dan tunjuk ajar dalam usaha menyempurnakan kajian ini. Beliau banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat untuk mengekalkan momentum perjalanan kajian ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada peserta kajian di SMK King George V, Seremban, pensyarah dan kakitangan Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI yang banyak membantu saya.

Terima kasih sekalung budi buat kedua ibu bapa tersayang, Abu Hassan Baharom dan Siti Udoh yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, buat suami tercinta, Ahmad Effendy Abdul Razak yang sentiasa menyokong dan menyuntik kata-kata semangat kepada saya, dua putera kesayangan saya, Ahmad Amsyar dan Ahmad Arasyh yang selalu menceriakan hari-hari saya serta ahli keluarga saya dan mertua.

Kepada rakan seperjuangan, Noraziemah dan Haslinda, terima kasih atas segala sokongan dan perkongsian ilmu sepanjang pengajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyempurnakan kajian saya ini. Semoga hasilnya akan memberi manfaat terhadap guru-guru dan pencinta Bahasa Melayu. Sekian, terima kasih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## ABSTRAK

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ialah keupayaan seseorang murid untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk membuat penaakulan serta refleksi bagi menyelesaikan masalah. Murid yang menguasai KBAT ini akan berupaya untuk membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson, KBAT terdiri daripada empat aras teratas tahap pemikiran iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Pemikiran mencipta ialah aras tertinggi yang melibatkan proses menghasilkan idea, produk dan kaedah secara kreatif serta inovatif. Penerapan pemikiran mencipta kepada murid boleh dilakukan melalui penggunaan pelbagai bahan termasuk bahan komponen sastera. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Amalan pemikiran mencipta ini merangkumi pemahaman murid tentang pemikiran mencipta, proses menyusun idea dan bahasa semasa menulis sajak serta kaedah pengajaran guru dalam penerapan pemikiran mencipta kepada murid. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif untuk memerhati dan menganalisis data secara mendalam tentang makna dan proses pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid. Kaedah pengumpulan data adalah melalui pemerhatian turut serta, temu bual dan analisis dokumen. Seramai enam orang peserta yang terdiri daripada pelajar tingkatan dua dan seorang guru Bahasa Melayu di sebuah sekolah di Seremban. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa murid dapat memahami makna dan mengaplikasi pemikiran mencipta dalam penulisan sajak berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Guru juga melakukan pelbagai kaedah pengajaran dalam usaha untuk menerapkan pemikiran mencipta kepada murid. Kesimpulannya, penulisan sajak menjadi salah satu medium penting dalam penerapan pemikiran mencipta kepada murid. Melalui penulisan sajak telah memperlihatkan beberapa elemen dan proses dalam pemikiran mencipta berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Implikasi kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan bahan komponen sastera adalah sangat berkesan dalam usaha untuk menerapkan KBAT kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**CREATING THOUGHT IN STUDENT'S POEM COMPOSITION BASED ON ANDERSON'S REVISION OF BLOOM'S TAXONOMY**

## ABSTRACT

Higher Order Thinking Skills (HOTS) defines the ability of a pupil to apply the knowledge, skills and values in reasoning and making reflection to solve problems. Pupils who master HOTS will be able to make decisions, innovate and create something. Based on Anderson's Revision of Bloom's Taxonomy Model, HOTS consists of four top thinking levels which are applying, analyzing, assessing and creating. Creating thought is the highest level which involves the process of constructing idea, product and method creatively and innovatively. Instillment of creating thought towards pupils may be accomplished by using various learning materials including the Literature Component materials. This study aims to assess creating thought among pupils while composing poems based on Anderson's Revision of Bloom's Taxonomy Model. The application of this creating thought encompasses pupils' understanding towards creating thought, idea and language organization process during composing poems and the teacher's teaching methods in instilling creating thought towards pupils. This study utilizes the qualitative approach to observe and analyze data in depth about the meaning and process of creating thought in pupils' poem composition. The data collection method is done through participating observation, interview and document analysis. Six participants are involved consisting of Form Two students and a Malay language teacher at a school in Seremban. Results revealed that the pupils could understand the meaning and apply the creating thought in composing poems based on Anderson's Revision of Bloom's Taxonomy Model. The teacher also implements various teaching methods as an effort to instill the creating thought towards the pupils. In conclusion, poem composition is one of the key media in imparting creating thought towards the pupils. Several elements and processes of creating thought are illustrated through poem composition. The implication of this study suggests that utilization of Literature Component materials is effective in imparting HOTS towards the pupils.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| **PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** | | ii |
| **PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS** | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | iv |
| **ABSTRAK** | | v |
| **KANDUNGAN** | | vii |
| **SENARAI JADUAL** | | xii |
| **SENARAI RAJAH** | | xv |
| **SENARAI SINGKATAN** | | xvi |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | 1 |
| | 1.1 Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 8 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 14 |
| | 1.5 Soalan Kajian | 14 |
| | 1.6 Kerangka Konseptual Kajian | 15 |
| | 1.7 Kepentingan Kajian | 17 |
| | 1.7.1 Murid | 18 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



1.7.2 Guru Bahasa Melayu 18

1.7.3 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 19

1.7.4 Ilmu komsas dalam Bahasa Melayu 20

1.7.5 Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Teori Konstruktivisme 21

1.8 Batasan Kajian 22

1.9 Definisi Operasional 24

1.9.1 Pemikiran Mencipta 24

1.9.2 Penulisan Sajak 25

1.9.3 Taksonomi Bloom Semakan Anderson 26

1.10 Rumusan 27

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR** 28

2.1 Pendahuluan 28

2.2 Tinjauan Literatur 28

2.2.1 Kajian KBAT dan pemikiran mencipta dalam PdPc Bahasa Melayu 29

2.2.2 Kajian Komsas dan sajak 37

2.2.3 Kajian Model Taksonomi Bloom 42

2.2.4 Kajian Teori Konstruktivisme 45

2.3 Rumusan 49

**BAB 3 METODOLOGI** 50

3.1 Pendahuluan 50

3.2 Pendekatan Kajian 50

3.2.1 Kriteria Pemilihan Peserta 54


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



3.3 Instrumen Kajian 56

3.4 Kajian Rintis 58

3.5 Prosedur Pengumpulan Data 59

3.5.1 Pemerhatian Turut Serta 64

3.5.2 Analisis Dokumen 65

3.5.3 Temu Bual Mendalam 66

3.6 Kaedah Menganalisis Data 67

3.6.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan 71

3.7 Model Taksonomi Bloom 73

3.8 Teori Konstruktivisme 82

3.9 Kerangka Kajian 87

3.10 Rumusan 90

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN** 91

4.1 Pengenalan 91

4.2 Dapatan Kajian 92

4.2.1 Soalan Kajian 1 : Apakah makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom (Semakan Anderson)? 92

4.2.1.1 Menjana 94

4.2.1.2 Merancang 123

4.2.1.3 Menghasilkan 136

4.2.2 Soalan Kajian 2 : Apakah yang difahami tentang jenis gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom? 154


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.2.2.1 Personifikasi 155

4.2.2.2 Metafora 164

4.2.3 Soalan Kajian 3 : Bagaimanakah kaedah pengajaran guru untuk menerapkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua? 166

4.2.3.1 Pembelajaran berpusatkan bahan 167

4.2.3.2 Pembelajaran berpusatkan murid 170

4.2.3.3 Pembelajaran berasaskan aktiviti 171

4.2.3.4 Pembelajaran berpusatkan guru 173

4.3 Rajah dapatan kajian 176

4.4 Rumusan 179

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN** 180

5.1 Pengenalan 180

5.2 Perbincangan 181

5.2.1 Makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson 181

5.2.2 Gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson 183

5.2.3 Kaedah pengajaran guru untuk menerapkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua? 185

5.3 Kesimpulan 187

5.4 Implikasi 190

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan 191

5.6 Rumusan 193

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**RUJUKAN** 195

**LAMPIRAN** 201

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI JADUAL


| No. Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Tahap pemikiran dalam KBAT berdasarkan DSKP Bahasa Melayu tingkatan dua | 6 |
| 3.1 | Jadual pelaksanaan pemerhatian | 63 |
| 3.2 | Jadual pelaksanaan temu bual | 63 |
| 3.3 | Perkaitan antara objektif kajian, kaedah dan alat kajian, pelaksanaan dan analisis data. | 89 |
| 4.1 | Tema bahan rangsangan penulisan sajak | 92 |
| 4.2 | Idea berdasarkan bahan rangsangan bagi tema Jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan | 95 |
| 4.3 | Idea berdasarkan bahan rangsangan bagi tema alam sekitar dan teknologi hijau | 106 |
| 4.4 | Mesej berdasarkan bahan rangsangan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan | 114 |
| 4.5 | Mesej dan pengajaran berdasarkan bahan rangsangan bagi tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan | 118 |
| 4.6 | Proses merancang dalam penulisan sajak berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan: | 124 |
| 4.7 | Proses merancang dalam penulisan sajak berdasarkan alam sekitar dan teknologi hijau | 131 |
| 4.8 | Proses menghasilkan dalam penulisan sajak berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan | 137 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.9 Perincian sajak peserta P1 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan 139

4.10 Perincian sajak peserta P2 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan 140

4.11 Perincian sajak peserta P3 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan 142

4.12 Perincian sajak peserta P4 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan 143

4.13 Perincian sajak peserta P5 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan 144

4.14 Proses menghasilkan dalam penulisan sajak berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 145

4.15 Perincian sajak peserta P1 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 147

4.16 Perincian sajak peserta P2 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 148

4.17 Perincian sajak peserta P3 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 150

4.18 Perincian sajak peserta P4 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 152

4.19 Perincian sajak peserta P5 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 153

4.20 Gaya bahasa Personifikasi dalam penulisan sajak peserta P1 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan 157

4.21 Gaya bahasa Personifikasi dalam penulisan sajak peserta P2 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan 157

4.22 Gaya bahasa Personifikasi dalam penulisan sajak peserta P3 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan 158

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.23 Gaya bahasa Personifikasi dalam penulisan sajak peserta P4 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan 159

4.24 Gaya bahasa Personifikasi dalam penulisan sajak peserta P5 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan 159

4.25 Gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak peserta P1 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 160

4.26 Gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak oleh peserta P2 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 161

4.27 Gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak oleh peserta P3 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 162

4.28 Gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak peserta P4 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 163

4.29 Gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak peserta kelima berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 163

4.30 Gaya bahasa Metafora dalam penulisan sajak oleh peserta P3 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan 165

4.31 Gaya bahasa Metafora dalam penulisan sajak oleh peserta P2 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 165

4.32 Gaya bahasa Metafora dalam penulisan sajak oleh peserta P3 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau 166

4.33 Pembelajaran berpusatkan bahan 167

4.34 Strategi pembelajaran berpusatkan murid 170

4.35 Strategi pembelajaran berasaskan aktiviti 172

4.36 Strategi pembelajaran berasaskan guru 174

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI RAJAH


| No. Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka Konseptual Kajian | 17 |
| 3.1 | Proses dalam analisis *constant comparative* (Perbandingan Konstan) | 69 |
| 3.2 | Aras pemikiran dalam Model Taksonomi Bloom | 75 |
| 3.3 | Aras Pemikiran dalam Taksonomi Bloom semakan Anderson | 77 |
| 3.4 | Kerangka Kajian | 88 |
| 4.1 | Rajah dapatan kajian | 178 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| AD | Analisis Dokumen |
| BLS | Borang Lakaran Sajak |
| BPS | Borang Penulisan Sajak |
| DKSP | Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran |
| FPK | Falsafah Pendidikan Kebangsaan |
| G1 | Gambar 1 |
| G2 | Gambar 2 |
| G3 | Gambar 3 |
| G4 | Gambar 4 |
| G5 | Gambar 5 |
| G6 | Gambar 6 |
| IOT | *Internet Of Things* |
| KBAR | Kemahiran Berfikir Aras Rendah |
| KBAT | Kemahiran Berfikir Aras Tinggi |
| KBKK | Kemahiran Berfikir Kreatif Kritis |
| Komsas | Komponen Sastera |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KSSM | Kurikulum Standard Sekolah Menengah |
| P1 | Peserta 1 |
| P2 | Peserta 2 |
| P3 | Peserta 3 |
| P4 | Peserta 4 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| P5 | Peserta 5 |
| PdPc | Pembelajaran dan Pemudahcaraan |
| PISA | *Programme for International Student Assessment* |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| R1 | Rangkap 1 |
| R2 | Rangkap 2 |
| R3 | Rangkap 3 |
| R5 | Rangkap 5 |
| R6 | Rangkap 6 |
| SJKT | Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| T1 | Tema 1 |
| T-1 | Temu bual 1 |
| T2 | Tema 2 |
| TB | Temu bual |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI LAMPIRAN


A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

C Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Kajian di SMK King George V

D Surat Kebenaran Ibu bapa

E Borang Kebenaran Ibu bapa

F Borang Persetujuan Murid

G Surat Pelantikan Sebagai Pakar Kesahan Instrumen kepada Dr. Ghazali bin Din

H Surat Pelantikan Sebagai Pakar Kesahan Instrumen kepada Prof. Madya Dr. Dahlia binti Janan

U Surat Pelantikan Sebagai Pakar Kesahan Instrumen kepada Prof. Madya Dr. Mohd Mursyid bin Arshad

J Protokol Pemerhatian

K Protokol Temu bual Murid

L Protokol Temu bual Guru

M Senarai Semak

N Tema Sajak

O Borang Lakaran Sajak


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


P Borang Penulisan Sajak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan

Revolusi Perindustrian 4.0 yang tercetus di Eropah telah mempengaruhi perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat dunia. Penciptaan produk berteknologi tinggi dan sistem automasi yang lebih pintar melalui kewujudan *Internet of Things* (IOT) atau Internet Kebendaan yang menjadi teras utama dalam hampir semua aspek kehidupan manusia. Rakyat Malaysia juga tidak terkecuali menerima kesan ledakan kemajuan ini dan perlu bersedia mendepani cabaran daripada ledakan kemajuan. Oleh itu, sebuah sistem pendidikan yang lebih fleksibel perlu diwujudkan bagi menyediakan murid ke arah melahirkan tenaga kerja yang mampu mendepani cabaran baharu ini agar tidak terpinggir dalam era globalisasi dan digital ini. Hakikat yang perlu disedari adalah pengetahuan yang ada pada kita hari ini hanyalah menyumbang kepada satu peratus sahaja menjelang 30 tahun akan datang dan ketika itu pasaran kerja akan dipenuhi dengan individu atau tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, kreatif dan mempunyai pemikiran kritis (Nadia Hamid, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Rentetan daripada fenomena ini, sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami transformasi yang besar. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mewujudkan sebuah sistem pendidikan yang dapat melahirkan golongan murid untuk memenuhi keperluan negara pada masa hadapan dan berupaya untuk bersaing di peringkat global. Berdasarkan PPPM 2013-2025 ini, terdapat enam aspirasi yang perlu dimiliki oleh setiap murid supaya mereka berupaya untuk bersaing pada peringkat global iaitu kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir. Penekanan terhadap penguasaan kemahiran berfikir terutama sekali kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) perlu diberi perhatian supaya generasi yang akan datang berupaya berfikir secara kreatif, kritis dan konstruktif. Hal ini adalah penting untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berupaya menunaikan tanggungjawab dan amanah untuk mencari penyelesaian yang kreatif dan inovatif di luar kelaziman (Lembaga Peperiksaan, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KBAT merangkumi pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Penerapan KBAT di sekolah dilaksanakan melalui penggubalan kurikulum, pedagogi di dalam ataupun luar bilik darjah dan pentaksiran bagi melahirkan murid yang mempunyai keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta berupaya untuk mencipta sesuatu produk. Dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), elemen KBAT ini ditulis secara eksplisit iaitu jelas dan berstruktur dalam dokumen kurikulum iaitu Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP). Penggunaan pelbagai strategi pengajaran dipaparkan melalui DSKP ini untuk dijadikan panduan kepada guru dalam menerapkan elemen KBAT seperti alat berfikir, soalan aras tinggi dan inkuiri serta penggunaan soalan yang berbentuk aras tinggi dalam peperiksaan pusat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak negara kita mencapai kemerdekaan, pelbagai perubahan telah berlaku dalam sistem pendidikan. Perkara yang menjadi fokus utama dalam sistem pendidikan ini adalah usaha untuk melahirkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang dihasratkan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan(FPK). Pada tahun 1990, transformasi pendidikan negara yang berteraskan FPK telah diperkemas lagi agar seiring dengan hasrat gagasan Wawasan 2020 iaitu untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi politik, sosial, rohani, psikologi dan budaya. Maka, atas dasar keperluan untuk memenuhi segala visi dan misi yang dihasratkan ini, pengajaran kemahiran berfikir diperkenalkan dengan lebih menyeluruh di semua sekolah di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KBAT adalah kemahiran yang mengorganisasikan pemikiran berdasarkan keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Penekanan KBAT dalam sistem pendidikan negara kita adalah lanjutan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis (KBKK) yang bermula pada tahun 1993. Kepentingan kemahiran berfikir dalam kalangan murid telah mendorong KPM untuk memantapkan lagi usaha melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif. Usaha ini adalah bagi menghadapi cabaran abad ke-21 yang memerlukan murid mampu berfikir dengan aras yang tinggi. KBAT yang dilaksanakan ini adalah bersumberkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson yang merangkumi kemahiran menganalisis, mengaplikasi, menilai dan mencipta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Peranan dan kepentingan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu telah dinyatakan dengan jelas dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Objektif kurikulum Bahasa Melayu ini diwujudkan adalah untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di samping menyediakan murid untuk menguasai kecekapan berbahasa dan komunikasi serta mengembangkan kemahiran berfikir murid (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000). Seterusnya, penegasan terhadap penguasaan KBAT dalam kurikulum ini dimantapkan lagi melalui pelaksanaan KSSM secara berperingkat mulai tahun 2016 di semua sekolah menengah di seluruh Malaysia. KBAT diterapkan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Berdasarkan KSSM ini, KBAT merangkumi empat aspek yang utama iaitu kemahiran berfikir kritis dan kreatif, menaakul dan strategi berfikir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran berfikir secara kritis adalah kebolehan seseorang murid untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah manakala kemahiran berfikir kreatif pula merujuk kepada kemampuan seseorang murid untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman. Kemahiran menaakul pula ialah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional. Seterusnya, strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Oleh itu, aktiviti berbentuk penaakulan, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek dalam kelas perlu menjadi fokus utama oleh guru untuk mengaplikasi KBAT kepada murid. Selain itu, guru dan murid juga perlu menggunakan alat berfikir seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

Dalam kerangka kurikulum kebangsaan, mata pelajaran Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras dan wajib bagi setiap murid di peringkat sekolah rendah dan menengah. Pada tahun 2000, terdapat perubahan dalam kurikulum Bahasa Melayu apabila komponen sastera (komsas) dimasukkan ke dalam mata pelajaran ini. Oleh itu, komsas menjadi perkara yang wajib dipelajari oleh semua murid kerana sudah disepadukan dengan mata pelajaran Bahasa Melayu. Selaras dengan kesepaduan ini, aspek pedagogi, kaedah, teknik dan pentaksiran guru dalam mata pelajaran Bahasa Melayu juga turut mengalami perubahan. Unsur dalam komsas seperti kemahiran berfikir kreatif dan kritis digantikan dengan KBAT pada 2013 dan menjadi elemen yang penting sehingga kini. Karya sastera yang dipelajari oleh murid dalam komsas bukan sahaja dapat menggalakkan budaya minat membaca, memahami budaya dan cita rasa masyarakat di negara ini malah dapat meningkatkan kemahiran berbahasa serta menarik minat murid untuk mengembangkan bakat penulisan dengan berkarya bagi melahirkan idea mereka sendiri.

Terdapat empat tahap kemahiran berfikir yang difokuskan dalam DSKP iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta untuk melahirkan golongan murid yang mampu mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Rajah di bawah menunjukkan tahap pemikiran KBAT yang terdapat dalam DSKP Bahasa Melayu tingkatan dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 1.1

*Tahap pemikiran dalam KBAT berdasarkan DSKP Bahasa Melayu tingkatan dua*

| Tahap Pemikiran | Penerangan |
|---|---|
| Mengaplikasi | Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara. |
| Menganalisis | Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan. |
| Menilai | Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberikan justifikasi. |
| Mencipta | Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif. |

Setiap tahap pemikiran KBAT diberikan penekanan dalam DSKP melalui pengorganisasian standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi yang merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis dan aspek tatabahasa serta seni bahasa. Kemahiran bahasa ini merupakan teras kepada kurikulum Bahasa Melayu untuk memperkukuh kemahiran berbahasa murid. Pengukuhan kecekapan ini mencakupi kemahiran mendengar, pengujaran dan penyampaian lisan dalam pelbagai situasi, penguasaan pembacaan dan pemahaman teks bacaan yang pelbagai serta mampu menghasilkan bahan kreatif pelbagai genre. Minat murid terhadap bahan sastera melalui pengajaran komsas juga akan dapat dipupuk selain meningkatkan penguasaan kosa kata dan ungkapan serta penggunaan tatabahasa dalam lisan dan penulisan.

Kurikulum standard Bahasa Melayu menengah rendah ini juga memberikan fokus terhadap aspek penguasaan tatabahasa yang baik bagi membantu murid berkomunikasi menggunakan sistem bahasa yang betul dan tepat serta menghasilkan penulisan yang berkualiti, kritis dan kreatif. Selain itu, melalui aspek seni bahasa pula, murid akan dapat mengapresiasi, menghayati, menikmati, mencipta dan mempersembahkan karya dalam pengucapan kreatif dengan menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keindahan Bahasa Melayu melalui pelbagai teknik persembahan yang santai dan menyeronokkan. Penekanan pelbagai strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang menarik secara didik hibur bagi semua kemahiran dan aspek seni bahasa serta tatabahasa akan dapat merangsang dan membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Bahan yang terdapat dalam teks komsas yang ditetapkan oleh KPM adalah bersesuaian untuk dijadikan bahan dalam pengajaran setiap kemahiran Bahasa Melayu seperti mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Oleh itu, kajian ini akan meneliti kemahiran penulisan sajak murid hasil daripada proses pemikiran mencipta. Pembelajaran komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah bertujuan untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa, memupuk minat membaca dan penghayatan terhadap karya sastera serta menyerapkan ilmu dan kemahiran sastera. Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) komsas ini juga adalah untuk menyokong pembentukan individu, pembangunan minda, sosioemosi, estetik, kreativiti dan nilai diri bersesuaian dengan budaya dan citra masyarakat negara ini (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Rahman Shaari (2018) berpendapat bahawa pengajaran komsas di sekolah adalah wajar supaya murid dapat memahami nilai keindahan, pengajaran moral dan kebijaksanaan menulis pada suatu masa. Selain itu, penggunaan bahan komsas juga adalah untuk merangsang pembentukan jati diri individu yang seimbang dan menyeluruh. KPM telah menetapkan dua buah teks untuk digunakan dalam sesi PdPc iaitu sebuah novel dan sebuah antologi (Sulaiman Masri, Abdullah Yusof dan Mohd Ra'in Shaari, 2006). Jenis karya atau genre yang dipelajari dalam komsas ialah novel, cerpen, puisi moden, puisi tradisional, drama dan prosa tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Namun begitu, pelaksanaan KBAT melalui PdPc komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu masih mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki bagi mencapai matlamat yang ditetapkan oleh FPK iaitu untuk melahirkan golongan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi menyumbang ke arah keharmonian negara. Seterusnya, murid ini dapat mendepani pasaran kerja yang menuntut seseorang itu mampu mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Kelemahan dan kekangan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pedagogi atau kaedah pengajaran guru, sikap dan amalan murid terhadap KBAT ini. Oleh itu, pengkaji ingin meneliti penguasaan pemikiran mencipta iaitu aras tertinggi KBAT berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson melalui penulisan sajak murid tingkatan dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.3 Pernyataan Masalah

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menekankan lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid dalam usaha meningkatkan kualiti dan kecemerlangan pendidikan negara kita secara menyeluruh pada masa hadapan. Antara keberhasilan daripada pelaksanaan transformasi pendidikan ini ialah KPM berhasrat untuk meletakkan negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti *Programme for International Student Assessment* (PISA) yang dijalankan dalam tempoh 15 tahun yang bermula pada tahun 2009 hingga 2024. Keputusan pencapaian dalam PISA ini akan menunjukkan keupayaan murid untuk mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran utama, menganalisis, menaakul dan berkomunikasi secara efektif dan mengenal pasti,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mentafsir dan menyelesaikan masalah dalam pelbagai situasi melalui tiga domain iaitu literasi bacaan, saintifik dan Matematik. Dalam domain bacaan, seseorang murid perlu mengaplikasi pengetahuan KBAT mereka untuk memahami, mengaplikasi, menaakul dan mendalami teks bertulis bagi mencapai matlamat, membina pengetahuan dan potensi diri untuk turut serta dalam masyarakat (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar pendidikan, 2016).

Pencapaian Malaysia dalam PISA 2018 dalam domain literasi bacaan telah menunjukkan bahawa pencapaian murid di Malaysia telah meningkat kepada 438 mata berbanding hanya 398 mata pada tahun 2012. Peningkatan ini menunjukkan jurang pencapaian antara Malaysia dengan negara-negara *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) semakin mengecil dan telah berjaya mencapai 30 peratus pada peringkat pertengahan. Secara keseluruhannya, 54 peratus murid yang berumur 15 tahun di Malaysia mencapai sekurang-kurangnya aras dua daripada enam aras dalam literasi bacaan. Pada aras dua ini, murid boleh mengenal pasti idea utama dalam karangan yang sederhana panjang dan mencari maklumat eksplisit yang terkandung dalam kriteria yang kompleks serta membuat refleksi apabila diarahkan dengan jelas (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Namun begitu, pencapaian ini masih berada pada tahap yang masih rendah kerana terdapat 46 peratus lagi murid yang masih tidak mencapai aras dua bagi domain bacaan ini. Hal ini sudah tentu akan menjejaskan usaha pihak KPM untuk mencapai sasaran 30 peratus teratas. Oleh itu, terdapat pelbagai usaha yang perlu dimantapkan oleh institusi pendidikan terutama sekali dalam pengorganisasian kurikulum yang melibatkan KBAT untuk melahirkan murid yang berdaya saing dan mempunyai kemahiran bernilai tambah dalam mendepani zaman *IOT* yang semakin mencabar ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, penguasaan KBAT murid semasa menjawab soalan dalam peperiksaan awam masih berada pada tahap sederhana. Berdasarkan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), penguasaan KBAT murid pada tahun 2017 adalah 66 peratus manakala pada tahun 2018 pula adalah 61.1 peratus (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Hal ini jelas menunjukkan bahawa penguasaan KBAT murid masih lagi belum mencapai tahap cemerlang seperti yang dihasratkan oleh sistem pendidikan kita. Dalam PPPM 2013-2025, elemen KBAT adalah sangat penting bagi menghasilkan modal insan yang kreatif, kritis dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21 agar dapat memacu negara untuk bersaing di persada dunia. Dengan itu, usaha ke arah meningkatkan penguasaan murid dalam KBAT ke tahap yang cemerlang haruslah dilakukan segera oleh guru-guru melalui aktiviti dan pedagogi yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Antaranya ialah guru perlu membiasakan murid dengan soalan aras tinggi, mempelbagaikan aktiviti penyelesaian masalah, memperbanyak teknik menyoal, melaksanakan pembelajaran berasaskan projek dan menggunakan alat berfikir seperti topi pemikiran, peta minda, pengurusan grafik dan peta pemikiran.

Tambahan pula, terdapat sesetengah murid kurang menguasai elemen yang terdapat dalam KBAT seperti menganalisis, mengaplikasi, menilai dan mencipta untuk memproses maklumat yang sedia ada di dalam minda untuk menghasilkan sesuatu kandungan yang baharu dan asli. Hal ini disebabkan oleh murid kurang didedahkan dengan aktiviti yang berteraskan KBAT. KBAT memerlukan seseorang pelajar yang kreatif untuk menghasilkan idea, produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif. Namun begitu, berdasarkan keputusan peperiksaan SPM 2018 telah dilaporkan bahawa 70.1 peratus calon telah menguasai kemahiran menilai, 63.2 peratus calon pula telah menguasai kemahiran mencipta, 56.9 peratus calon menguasai kemahiran menganalisis manakala 54.3 peratus calon menguasai kemahiran mengaplikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran mencipta ini masih lagi kurang dikuasai oleh murid.

Seterusnya, penggunaan bahan komsas dalam PdPc Bahasa Melayu bukan sahaja untuk membolehkan murid memahami dan menghayati karya sastera dari aspek sinopsis, tema, persoalan, watak dan perwatakan, nilai dan pengajaran dengan memberikan respons yang betul dan rasional malahan penggunaan genre atau teks komsas seperti novel, cerpen, sajak, puisi tradisional, drama dan prosa tradisional ini juga adalah untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa yang merupakan teras bagi Standard Kurikulum Bahasa Melayu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Semasa proses pengajaran, aspek KBAT ini diaplikasikan oleh guru melalui aktiviti berbentuk penaakulan, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek untuk meningkatkan kecekapan berbahasa murid dengan merangsang tahap pemikiran murid. Empat tahap pemikiran KBAT iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta perlu diaplikasikan oleh guru semasa PdPc bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid.

Pengaplikasian setiap tahap pemikiran KBAT ini terutamanya pemikiran mencipta melibatkan beberapa elemen yang perlu dipatuhi oleh murid supaya hasilnya benar-benar mencapai hasil pemikiran yang dihasratkan. Namun begitu, masih terdapat murid yang kurang mahir mengaplikasikan kemahiran mencipta melalui kemahiran menulis terutama sekali dalam penulisan sajak. Hal ini demikian kerana dalam proses mencipta sesuatu produk termasuk sajak, seseorang murid itu mempunyai kebolehan untuk menyatukan elemen untuk membentuk sesuatu, menyusun, menjana, merancang atau menghasilkan semula elemen ke dalam corak atau struktur yang baharu (Abdul Halim Ali, 2004). Oleh itu, murid sewajarnya mempunyai kemahiran yang kreatif untuk memilih dan menyusun kata-kata ataupun diksi untuk menjadikan sesebuah puisi itu menjadi indah dan puitis serta berupaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyampaikan maksud dan idea yang ingin disampaikan. Menurut Azmi Rahman (2016), murid selaku penulis sajak perlu bijak menggunakan atau menyusun diksi bahasa dan sensitif terhadap bahasa yang digunakan untuk melahirkan karyanya. Perkara inilah yang menjadi cabaran kepada murid kerana mereka tidak mahir untuk memilih dan menyusun diksi yang indah dan kadang kala terpengaruh dengan susunan tatabahasa Bahasa Melayu sebenar sedangkan sifat sebenar puisi adalah berbentuk bebas dan tidak terikat dengan hukum tatabahasa.

Selain meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa dan melatih diri untuk menguasai KBAT, penggunaan genre komsas seperti puisi juga akan dapat membantu murid untuk menghayati karya komsas dan menghasilkan pelbagai bentuk penulisan seperti sajak dengan kreatif dan berkesan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Hal ini bermaksud seseorang murid itu perlu menggunakan bahasa yang indah dan puitis agar sajak yang dihasilkannya akan memberi kesan kepada pembaca iaitu guru dan rakan. Namun begitu, dalam penulisan sajak ini masih terdapat murid yang tidak dapat menggunakan bahasa yang sesuai, puitis dan indah sehingga sajak yang dihasilkan kurang memberi kesan kepada pembaca ataupun audiens**.** Hal ini dikatakan demikian kerana sajak atau puisi Melayu moden lebih mementingkan keberkesanan pengucapan melalui pemilihan dan pemakaian kata-katanya yang saling menumpang dan terjalin menurut erti dan ritma (Ariff Mohamad dan Siti Khariah Mohd Zubir, 2009). Menurut Ani Omar (2011) pula, bahasa yang terdapat di dalam sajak perlulah memperlihatkan kehalusan, kesempurnaan dan kemuliaan pembentukan serta susunannya bagi memenuhi syarat-syarat keindahan bahasa sastera supaya menimbulkan kepelbagaian kesan kepada pembacaan atau pendengarnya. Murid perlulah mempunyai kebolehan untuk memilih dan menggunakan bahasa yang puitis bagi menggambarkan dengan lebih mendalam idea ataupun perasaan yang ingin disampaikan kerana sesebuah puisi terhasil daripada keupayaan bahasa yang dimanipulasikan oleh seseorang penulis (Azmi Rahman,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2016). Hal ini dikatakan demikian kerana daya cipta dan kreativiti dalam bahasa sudah terbentuk dalam diri murid apabila mereka dapat menghasilkan sebuah karya seperti sajak. Hassan Ahmad (1988) berpendapat bahawa daya cipta dan kreativiti ini adalah berkaitan dengan kebolehan bahasa untuk hidup dan berkembang sebagai alat perhubungan manusia seperti penghasilan karya sastera.

Kejayaan penerapan kemahiran mencipta dalam kalangan murid bukan sahaja ditentukan oleh murid sebaliknya guru yang perlu memainkan peranan sebagai pemudahcara bagi memastikan kemahiran ini dapat diaplikasikan oleh pelajar dalam proses PdPc. Terdapat sebahagian daripada guru tidak menguasai teknik untuk menerapkan kemahiran berfikir kepada murid dan juga kurang menguasai ilmu sastera. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Shamsudin Othman, Ghazali Lateh dan Nurul Faidzah Ab Hadi (2014) yang menunjukkan bahawa terdapat sebilangan kecil guru yang mengalami kesukaran untuk mengaplikasi gaya bahasa sastera dalam pengajarannya. Hal ini berpunca daripada guru Bahasa Melayu sendiri yang kurang menguasai isi pengajaran dan pedagogi komsas ini terutama guru bukan opsyen dalam Bahasa Melayu tetapi terpaksa mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Faktor kurang pendedahan tentang komsas, sikap dan motivasi guru dalam PdPc komsas ini juga secara tidak langsung akan menjejaskan penguasaan KBAT murid terutamanya pemikiran mencipta. Oleh itu, guru-guru perlu mengambil masa untuk menilai amalan pedagogi ataupun kaedah pengajaran yang berkaitan dengan amalan kemahiran berfikir mereka dalam bilik darjah (Rajendran, 2017).

Justeru, kajian ini perlu dilakukan untuk meneliti amalan pemikiran mencipta dalam KBAT melalui penulisan sajak dalam kalangan murid tingkatan dua. Berdasarkan penulisan sajak oleh murid ini, elemen pemikiran mencipta pelajar akan dapat dicungkil melalui proses merancang, menyusun dan menghasilkan atau menyatukan elemen iaitu perkataan ataupun diksi serta idea bagi membentuk sebuah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sajak. Selain itu, kajian ini juga akan menganalisis gaya bahasa yang digunakan oleh murid agar sajak yang dihasilkan dapat memberi kesan kepada pembaca. Kejayaan penerapan amalan KBAT dalam PdPc komsas ini bukan sahaja ditentukan oleh murid semata-mata malahan guru juga turut berperanan penting untuk menggalakkan murid berfikir. Oleh itu, kaedah atau teknik yang digunakan oleh guru untuk menerapkan pemikiran mencipta dalam sesi PdPc penulisan sajak juga akan diteliti melalui kajian ini.

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson.
2. Menganalisis jenis gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson.
3. Menjelaskan kaedah pengajaran guru untuk menerapkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua.

## 1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Apakah makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2. Apakah yang difahami tentang jenis gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson?

3. Bagaimanakah kaedah pengajaran guru untuk menerapkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua?

## 1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, kerangka konseptual kajian dibina berdasarkan model Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan teori Konstruktivisme. Taksonomi Bloom Semakan Anderson digunakan bagi menghuraikan dengan lebih jelas tentang aras pemikiran dalam KBAT iaitu kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta manakala teori Konstruktivisme pula akan menjelaskan proses penulisan sajak oleh murid. Gabungan daripada model Taksonomi Bloom dan teori Konstruktivisme mendasari kajian ini. Dalam proses pembelajaran secara konstruktivisme, pengetahuan tidak akan dipindahkan ke dalam minda kanak-kanak sepenuhnya tetapi mereka membina makna daripada perkataan atau imej visual yang dilihat di sekeliling mereka. Hal ini bermaksud pengetahuan dibina sendiri oleh murid secara aktif berdasarkan pengetahuan sedia ada.

Berdasarkan teori Konstruktivisme, perkembangan intelektual seseorang kanak-kanak itu tidak bergantung kepada pengajaran atau didikan secara langsung daripada orang dewasa ataupun guru sebaliknya bergantung kepada interaksi antara dua faktor utama iaitu keturunan dan persekitaran manakala bagi Vygosky pula, setiap orang mempunyai *Zone of Proximal Development* (ZPD) iaitu potensi kognitif pada tahap yang lebih tinggi dan boleh dicapai melalui proses *scaffolding*. *Scaffolding* bermaksud bimbingan yang diberikan oleh orang yang lebih berpengalaman untuk meningkatkan tahap pemikiran ataupun pembelajaran seseorang kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Teori Konstruktivisme yang diaplikasikan dalam kajian ini akan mencungkil pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid. Penggunaan gaya bahasa dan idea yang disampaikan melalui penulisan sajak adalah berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada yang diserap daripada alam sekeliling mereka sama ada melalui pengalaman sendiri ataupun orang lain, pembacaan dan rujukan daripada Internet. Pengubahsuaian diri dalam alam sekitar, pembelajaran sebenarnya telah apabila individu memperoleh pengalaman daripada proses interaksinya dengan orang lain, perkara atau benda yang terdapat dalam alam sekitar. Oleh itu, penulisan sajak oleh murid dalam kajian ini adalah berdasarkan bahan rangsangan yang terdiri daripada dua tema yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu tingkatan dua iaitu jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan dan alam sekitar dan teknologi hijau yang berkisar tentang pengalaman murid.


Taksonomi Bloom telah diperkenalkan oleh Benjamin Bloom dan rakan-rakannya pada tahun 1956 (Bloom, 1956) yang menekankan proses mental dan kemahiran berfikir. Proses berfikir ini disusun dari peringkat rendah hingga peringkat tinggi bermula daripada pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Aras kesukaran ini dijadikan panduan oleh guru untuk menerapkan KBAT kepada murid. Namun begitu, Taksonomi Bloom ini disemak semula oleh Anderson, Krathwohl dan rakan-rakan (Norafidah Noralidin, 2017) dengan mengubah bentuk kata nama kepada kata kerja pada tahap pemikiran tersebut dan mewujudkan enam aras baharu iaitu mengetahui, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Taksonomi Bloom Semakan Anderson menjadi dasar dalam pelaksanaan kajian yang melibatkan pemikiran mencipta ini. Pemikiran mencipta merupakan aras kognitif yang tertinggi dan paling sukar serta memerlukan murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta menjana idea baharu. Dalam proses PdPc, penulisan sajak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


digunakan sebagai medium penerapan KBAT kepada murid. Penganalisisan terhadap sajak murid akan menunjukkan penguasaan amalan kemahiran mencipta dalam kalangan murid. Kemahiran mencipta melalui kajian ini memerlukan seseorang murid itu berupaya memilih dan menyusun bahasa untuk membentuk satu kesatuan bagi menyampaikan idea berdasarkan bahan rangsangan. Pemilihan bahasa yang puitis dan indah juga menunjukkan murid itu dapat menguasai kebolehan menyusun atur dengan kreatif bagi membentuk idea baharu iaitu sajak. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini:




*Rajah 1.1.* Kerangka Konseptual Kajian

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian berkaitan amalan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid ini diharapkan dapat membantu golongan murid, guru Bahasa Melayu dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, kajian ini juga diharapkan akan membantu dalam perkembangan ilmu komsas dan Bahasa Melayu, Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan teori Konstruktivisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.7.1 Murid

Dapatan kajian ini dapat membantu murid-murid untuk meningkatkan penguasaan setiap pemikiran dalam KBAT iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Hai ini demikian kerana kelemahan penguasaan KBAT oleh murid akan menyebabkan mereka gagal untuk mentafsir, menganalisis dan menilai kandungan teks kajian (Arfah Ahamad, Fadzilah Amzah & Rohizani Yaakub, 2019). Murid yang menguasai setiap pemikiran KBAT ini akan berupaya untuk menilai sesuatu secara logik dan rasional, menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi, membuat pertimbangan secara logik serta berfikir secara berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi dalam kehidupan. Selain itu, murid juga akan dapat mengetahui dengan lebih mendalam dan mengaplikasi setiap tahap pemikiran KBAT yang menjadi teras dalam kurikulum Bahasa Melayu, seterusnya mengaplikasi elemen-elemen bagi setiap pemikiran KBAT ini semasa PdPc komsas dan aktiviti penulisan kreatif di luar kelas. Penguasaan KBAT ini terutamanya pemikiran mencipta juga akan memberikan peluang kepada murid untuk menceburi bidang penulisan karya kreatif seperti cerpen, novel dan puisi sebagai kerjaya pada masa hadapan.

### 1.7.2 Guru Bahasa Melayu

Kajian ini juga dapat memberi panduan kepada guru Bahasa Melayu untuk merancang kaedah pedagogi secara menyeluruh dan terancang bagi memastikan setiap tahap pemikiran KBAT dapat dipelajari oleh murid. Guru dapat mengetahui kaedah pengajaran yang sesuai digunakan bagi menerapkan pemikiran menganalisis, mengaplikasi, menilai dan mencipta semasa sesi PdPc komsas dan Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


KBAT boleh diaplikasikan kepada pelajar di dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk penaakulan, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek dengan menggunakan pelbagai bahan pengajaran. Dapatan kajian ini juga akan membantu guru untuk memilih dan menggunakan alat berfikir yang sesuai dengan tahap penguasaan murid seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi serta aktiviti berbentuk penyelesaian masalah untuk menggalakkan dan merangsangkan daya pemikiran pelajar dalam mengaplikasi kemahiran ini. Menurut Mazlan Ismail (2016), pemilihan dan penyediaan bahan adalah penting untuk disesuaikan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Oleh itu, dapatan kajian ini juga akan dapat membantu guru dalam mengenal pasti bahan bantu mengajar yang sesuai seperti bahan teks prosa ataupun puisi agar penerapan amalan KBAT kepada murid dapat dibuat dengan lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.7.3 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan panduan oleh pihak KPM khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum untuk menggubal kerangka kurikulum Bahasa Melayu yang berkaitan dengan kepentingan dan keperluan penggunaan bahan komsas untuk menerapkan elemen KBAT dalam PdPc Bahasa Melayu. Kajian terhadap tahap pemikiran mencipta dengan menggunakan sajak ini dilihat akan dapat merangsang penguasaan KBAT murid. Hal ini menunjukkan bahawa bahan komsas adalah menjadi sumber penting dalam PdPc kemahiran berbahasa dalam Bahasa Melayu. Dengan ini, penetapan matlamat, objektif, kaedah dan pemilihan teks komsas memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju dan matlamat penerapan eleman KBAT melalui penggunaan bahan komsas seperti yang terdapat di dalam buku teks KSSM ataupun teks komsas yang telah melalui proses pertukaran secara berperingkat mulai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tahun 2010 dari Tingkatan Satu dan Empat, Dua dan Lima pada tahun 2012. Perubahan teks yang baharu ini menekankan tiga dimensi penting iaitu dimensi bahan, guru dan murid (Siti Khariah Mohd Zubir, 2016). Oleh itu, kajian ini diharapkan akan menjadi rujukan bagi KPM. Dapatan kajian berkaitan kemahiran mencipta menggunakan bahan komsas ini akan dilaporkan dengan terperinci supaya boleh dijadikan panduan semasa penggubalan kurikulum.

### 1.7.4 Ilmu komsas dalam Bahasa Melayu

Dalam kurikulum Bahasa Melayu, genre komsas digunakan sebagai bahan dalam PdPc Bahasa Melayu dan guru boleh menyesuaikannya mengikut kemahiran yang akan diajar kepada murid. Selain untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa, memupuk minat membaca dan penghayatan terhadap karya sastera, genre komsas ini juga diaplikasikan untuk menerapkan ilmu dan kemahiran sastera kepada murid. Dalam KSSM Bahasa Melayu di sekolah rendah dan sekolah menengah, genre komsas ini digolongkan dalam aspek seni bahasa yang terkandung dalam DSKP Bahasa Melayu. Seni bahasa ini bukanlah merupakan kemahiran bahasa yang tersendiri tetapi aspek yang membantu untuk mengukuhkan lagi kemahiran dan aktiviti berbahasa dalam kalangan murid (Mazlan Ismail, 2016). Selain mempelajari unsur yang terkandung dalam sesebuah teks atau genre komsas, seseorang murid juga akan mengaplikasi segala ilmu komsas yang dipelajari untuk menghasilkan dan mempersembahkan karya mereka serta meningkatkan KBAT mereka. Ariff Mohamad dan Siti Khariah Mohd Zubir (2009) berpendapat bahawa penggunaan bahan sastera dalam PdPc Bahasa Melayu akan dapat membantu untuk mengembangkan daya pemikiran murid kerana terdapat unsur lain yang boleh dipelajari melalui sesebuah karya tersebut selain mengenali penulis dan karya mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh itu, kajian ini diharapkan akan dapat mengembangkan lagi fungsi dan peranan teks ataupun genre komsas dalam aspek seni bahasa yang menjadi komponen yang perlu diajarkan kepada murid. Pengenalan aspek seni bahasa ini adalah untuk mewujudkan satu medium aktiviti berbahasa iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan melafazkan puisi dengan mengaplikasikan genre komsas yang ditambah baik untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan menghiburkan melalui didik hibur. Hal ini perlu disedari oleh guru Bahasa Melayu bahawa seni bahasa ini bukan sahaja berperanan untuk mengukuhkan kemahiran bahasa murid melalui aktiviti yang berkaitan dengan seni sebaliknya untuk membentuk emosi, idea dan kemahiran yang memberikan ruang dan peluang kepada murid untuk membina keyakinan diri, kreativiti, nilai dan jati diri.

### 1.7.5 Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Teori Konstruktivisme

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini diharapkan akan dapat memanjangkan lagi ilmu, idea dan pemikiran yang terdapat dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan teori Konstruktivisme dalam bidang komsas dan Bahasa Melayu. Berdasarkan pendapat oleh Krathwohl (2010), pemikiran mencipta Taksonomi Bloom Semakan Anderson mempunyai elemen menjana, merancang dan menghasilkan untuk menghasilkan keseluruhan idea yang koheren ataupun sesuatu produk yang asli. Oleh itu, melalui kajian ini, tiga elemen ini akan diaplikasikan oleh murid melalui penulisan sajak. Seterusnya, pengkaji akan meneliti elemen tersebut. Dengan ini, dapatan kajian ini akan dapat menjelaskan bahawa pemikiran mencipta ini bukan sahaja menghasilkan produk yang bersifat konkrit sebaliknya membentuk kesatuan idea yang abstrak iaitu sajak. Berdasarkan teori Konstruktivisme pula, murid membina pengetahuan atau pengalaman baharu adalah berdasarkan pengetahuan dan pengalaman lampau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mereka (Norafidah Noralidin, 2017). Perkara ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara termasuklah penulisan kreatif dan penciptaan puisi. Oleh itu, murid akan menghasilkan sajak yang merupakan idea baharu mereka berdasarkan pengetahuan dan pengalaman lampau dari aspek idea dan bahasa. Dengan ini, jelaslah bahawa dapatan kajian ini dapat mengayakan dan memperluas lagi bidang ilmu yang berkaitan dengan Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan teori Konstruktivisme dalam bidang Bahasa Melayu dan komsas.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan berdasarkan pendekatan fenomenologikal. Pendekatan ini digunakan adalah untuk meneroka makna amalan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua dan kaedah pengajaran guru terhadap pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid ini. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini dibataskan kepada tiga kaedah iaitu pemerhatian turut serta, analisis dokumen dan temu bual semi struktur untuk mendapatkan data daripada peserta. Kaedah pemerhatian digunakan untuk meneliti elemen pemikiran mencipta iaitu menjana, merancang dan menghasilkan semasa penulisan sajak oleh murid manakala analisis dokumen pula digunakan untuk menganalisis gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta yang digunakan oleh murid semasa menulis sajak. Seterusnya, kaedah temu bual semi struktur juga digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh data berkaitan dengan elemen pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid dan kaedah pengajaran guru.

Selain itu, kajian ini dibataskan kepada lima orang murid dan seorang guru yang mengajar Bahasa Melayu di salah sebuah sekolah menengah. Bilangan peserta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang sedikit dan terbatas ini adalah kerana kajian ini akan meneroka secara mendalam tentang makna pemikiran mencipta murid. Pemilihan peserta dalam kalangan murid dan guru ini adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji bagi memastikan dapatan kajian dapat menjawab soalan kajian ini. Kajian ini hanya melibatkan murid tingkatan dua sahaja. Kewajaran murid tingkatan dua dipilih sebagai peserta kajian adalah kerana penulisan sajak digunakan dalam proses penyerapan KBAT iaitu pemikiran mencipta bagi aspek seni bahasa terkandung dalam DSKP Bahasa Melayu tingkatan dua (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Bahan rangsangan yang akan digunakan oleh murid dalam penulisan sajak ini adalah berdasarkan dua tema yang menerapkan pemikiran mencipta di dalam buku teks iaitu jati diri, patriotisme dan kewarnegaraan dan alam sekitar dan tema teknologi hijau. Kriteria pemilihan peserta bagi guru pula ialah guru yang mengajar Bahasa Melayu di kelas murid berkenaan dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lokasi kajian ini ialah di sebuah sekolah menengah di Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Sekolah ini merupakan sekolah kluster kecemerlangan yang menjadi pilihan murid-murid cemerlang di sekitar Negeri Sembilan dan telah mencapai banyak kejayaan dalam bidang kurikulum dan kokurikulum termasuklah aktiviti koakademik Bahasa Melayu seperti pertandingan bahas ala parlimen, deklamasi sajak dan berbalas pantun di peringkat Negeri Sembilan. Dalam bidang kurikulum, murid sekolah ini telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Murid yang terdiri daripada pelbagai kaum juga menjadi faktor pemilihan sekolah ini sebagai lokasi kajian.

Kajian berkaitan pemikiran mencipta murid ini merangkumi aspek penulisan sajak berdasarkan aspek seni bahasa dalam DSKP Bahasa Melayu tingkatan dua. Dalam kerangka kurikulum DSKP ini, penulisan sajak digunakan sebagai medium

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk menerapkan pemikiran mencipta kepada murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Kajian ini tidak melibatkan aktiviti penulisan sajak oleh murid semasa PdPc di dalam kelas sebaliknya dilaksanakan di luar waktu PdPc. Seterusnya, murid akan mencipta sajak berdasarkan bahan rangsangan daripada dua tema yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu tingkatan dua dengan menggunakan kemahiran berbahasa, pengetahuan, pengalaman dan perasaan mereka.

## 1.9 Definisi Operasional

Beberapa konsep yang digunakan dalam kajian ini diberikan definisi operasional dan dijelaskan mengikut konteks untuk memudahkan pemahaman dan perbincangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.1 Pemikiran Mencipta

Krathwohl (2010) telah mendefinisikan pemikiran mencipta sebagai proses penyusunan elemen-elemen untuk membentuk satu keseluruhan idea yang koheran ataupun produk yang asli yang merangkumi elemen menjana, merancang dan menghasilkan manakala Mohd Nasrudin Basar dan Siti Halimah Md Yassin (2012) menyatakan maksud mereka cipta sebagai penghasilan sesuatu benda yang baharu pertama kali dicipta. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum, (2014) pula, pemikiran mencipta bermaksud kemahiran murid untuk menghasilkan idea, produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif. Selain itu, Sulaiman Tajularipin dan Aminuddin Hassan (2009) mendefinisikan pemikiran mencipta sebagai proses menyatukan kesemua elemen bagi membentuk satu perkaitan yang logik atau yang berfungsi sekaligus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sehubungan dengan itu, pemikiran mencipta dalam konteks kajian ini merujuk kepada proses yang melibatkan tiga elemen utama yang terdapat dalam pemikiran ini iaitu menjana, merancang dan menghasilkan untuk membentuk kesatuan idea yang baharu dengan kreatif dan inovatif iaitu penulisan sajak.

### 1.9.2 Penulisan Sajak

Rahman Shaari (2001) mendefinisikan sajak sebagai puisi yang mempunyai bentuk yang tidak terikat pada pola yang khusus untuk mengungkapkan perasaan dan pengalaman serta merangsang pembaca untuk membuat tafsiran manakala Ismail Yusoff (2008) menyatakan maksud sajak ialah karangan berangkap yang bebas dan tidak terikat tetapi masih mementingkan pilihan kata untuk membawa kesan yang mendalam. Seterusnya, sajak menurut Harun Mat Piah (1989) adalah bentuk pengucapan bahasa dalam susunan yang istimewa berbanding dengan pengucapan biasa seperti yang digunakan dalam pertuturan sehari-hari manakala Dharmawijaya (1989) telah mendefinisikan sajak sebagai cipta sastera yang sentiasa mengutamakan penggunaan bahasa, irama dan bentuk yang indah.

Justeru, dalam konteks kajian ini, penulisan sajak bermaksud menghasilkan atau mencipta puisi bebas yang tidak terikat dengan sejumlah rangkap, perkataan dan suku kata yang tertentu serta mengandungi bahasa indah dan disusun dengan cara yang istimewa yang dicipta oleh murid menggunakan pengetahuan dan pengalaman berbahasa, perasaan dan pemikiran mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.9.3 Taksonomi Bloom Semakan Anderson

Menurut Krathwohl (2010), Taksonomi Bloom yang asal iaitu taksonomi sebelum semakan adalah sebuah kerangka yang menyatakan definisi dengan mendalam tentang enam domain kognitif iaitu kategori pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian bagi mengklasifikasikan objektif dan matlamat pendidikan. Taksonomi Bloom Semakan Anderson pula menekankan aspek pengetahuan dan kognitif yang terdiri daripada tahap pemikiran mengingati, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Tajularipin Sulaiman & Aminuddin Hassan (2009) pula menjelaskan bahawa Taksonomi Bloom kognitif merujuk kepada pemikiran dan daya intelek kerana memberikan penekanan terhadap perkembangan otak dan minda seseorang murid. Keupayaan kognitif seseorang murid telah diklasifikasikan kepada enam aras atau tahap iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Namun begitu, dalam taksonomi Bloom semakan ataupun Semakan Anderson, perubahan telah berlaku dalam terminologi taksonomi yang asal apabila bentuk kata nama ditukarkan kepada kata kerja. Terminologi baharu ini adalah mengingati, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Dalam konteks kajian ini, Taksonomi Bloom Semakan Anderson akan dijadikan sebagai landasan kajian dengan memberikan tumpuan yang terperinci terhadap tahap pemikiran mencipta. Berdasarkan taksonomi ini, pemikiran mencipta merujuk proses penyusunan elemen-elemen untuk membentuk satu keseluruhan idea yang koheren ataupun produk yang asli yang merangkumi proses menjana, merancang dan menghasilkan. Oleh itu, elemen dan proses ini akan diteliti melalui penulisan sajak murid melalui kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.10 Rumusan

Dalam bab ini dapat dirumuskan bahawa kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti pemikiran mencipta melalui penulisan sajak murid tingkatan dua. Tiga elemen atau proses dalam pemikiran mencipta iaitu menjana, merancang dan menghasilkan akan diteliti semasa proses penulisan sajak. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran guru untuk meningkatkan pemikiran mencipta dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun banyak kajian tentang amalan dan pelaksanaan KBAT telah dilakukan, namun kajian secara terperinci tentang tahap-tahap pemikiran dalam KBAT adalah masih kurang dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Oleh itu, kajian tentang pemikiran mencipta ini adalah perlu dilakukan supaya tahap penguasaan murid terhadap pemikiran ini akan meningkat dan murid dapat mengaplikasikan kemahiran ini dalam kehidupan mereka. Seterusnya, matlamat untuk melahirkan murid-murid yang mempunyai kemahiran kreatif dan kritis, bijak menyelesaikan masalah, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu sesuatu produk yang baharu akan terlaksana.

Selain itu, bab ini juga menjelaskan beberapa aspek yang merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Pengkaji akan menggunakan definisi operasional iaitu pemikiran mencipta, sajak dan murid bagi memudahkan pemahaman terhadap aspek kajian, seterusnya pengkaji akan melakukan penelitian terhadap masalah yang terdapat dalam kajian lepas yang dijelmakan dalam penyataan masalah bagi membina tiga soalan kajian. Tiga objektif kajian ini akan menjawab tiga soalan kajian tentang amalan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 2

# TINJAUAN LITERATUR

## 2.1 Pendahuluan

Bab Dua ini akan membincangkan hasil rumusan maklumat yang dikumpulkan daripada pelbagai kajian yang telah dijalankan oleh sarjana dan penyelidik yang lalu. Tinjauan literatur disusun mengikut tema yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu KBAT dan pemikiran mencipta serta komsas dan sajak akan diperincikan perkaitannya dengan kajian ini. Maklumat yang diperoleh ini menjadi panduan yang penting kepada pengkaji untuk merangka dan merancang kajian tentang pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua ini.

## 2.2 Tinjauan Literatur

Bahagian ini akan diperincikan tinjauan dapatan kajian lepas yang berkaitan dengan KBAT dan pemikiran dalam PdPc Bahasa Melayu, komsas dan sajak, model Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan teori Konstruktivisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.2.1 Kajian KBAT dan pemikiran mencipta dalam PdPc Bahasa Melayu

Kajian tentang KBAT telah banyak dilakukan oleh pengkaji dalam pelbagai bidang ilmu termasuk bidang pendidikan. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, kajian berkaitan dengan penggunaan peta pemikiran i-Think iaitu alat pemikiran yang digunakan untuk menerapkan KBAT yang terdiri daripada pemikiran menganalisis, mengaplikasi, menilai dan mencipta kepada murid semasa sesi PdPc sekolah-sekolah di Malaysia telah hampir merangkumi semua mata pelajaran termasuklah Bahasa Melayu, Sains, Matematik, Sejarah dan Ekonomi (Roselizam Daud, Roslan Ab Rahman dan Amirah Wahidah Adnan, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa KBAT sudah menjadi elemen yang penting dalam pendidikan di Malaysia dan menjadi amalan guru-guru dan murid-murid dalam proses PdPc.

Amalan KBAT dalam kalangan guru akan menarik minat murid terutama sekali murid sekolah rendah terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini bermakna kaedah pengajaran yang lebih bersifat konvensional iaitu pengajaran yang lebih berfokus guru sudah menjadi tidak relevan lagi pada masa ini. Sehubungan dengan itu, kaedah PdPc yang lebih bersifat terkini seperti penggunaan peta pemikiran i-Think perlu menjadi pegangan warga guru pada era globalisasi ini untuk melahirkan murid yang mempunyai minda kelas pertama. Kajian yang dilakukan oleh Fadilla Anak Layang & Zamri Mahamod (2019) telah mendapati guru-guru di sekolah rendah mempunyai tahap pengetahuan dan kesediaan yang tinggi dan bersikap positif terhadap pelaksanaan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Selain penggunaan peta pemikiran, kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBM) juga berkesan untuk penerapan KBAT kepada murid, seterusnya meningkatkan pencapaian murid. Kajian berkaitan perkara ini telah dijalankan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Farah Adlina Mokter (2019) di tiga buah sekolah menengah aliran agama dan dapatan kajian telah menunjukkan bahawa PdPc menggunakan PBM adalah berkesan kerana dapat meningkatkan pencapaian murid dalam karangan Bahasa Melayu dan sekali gus meningkatkan penguasaan KBAT pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa Model PBM yang melibatkan pembelajaran aktif dalam kalangan murid mampu menyelesaikan masalah yang diutarakan oleh guru kepada murid, memberikan fokus kepada pencapaian pelajar dalam ujian, kemahiran berfikir kritikal, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran menaakul. Jelaslah bahawa proses PBM yang dilalui oleh murid dapat melatih mereka untuk berfikir secara kritikal dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Amalan KBAT adalah sangat penting dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas bagi meningkatkan pencapaian murid. Hasil daripada dapatan kajian yang dilakukan oleh Norliza Abdullah (2018) telah membuktikan bahawa pendekatan KBAT dan peta minda semasa PdPc Bahasa Melayu dapat meningkatkan skor pencapaian penulisan karangan murid. Kajian yang menerapkan kemahiran mengaplikasi dengan menggunakan peta minda ini telah menunjukkan bahawa apabila guru mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap KBAT, perkara ini akan menggalakkan guru untuk merancang cara menggunakan pendekatan KBAT dengan sistematik semasa PdPc di bilik darjah. Hasilnya, kualiti karangan murid semakin bertambah baik terutama sekali dari segi jumlah isi dan pengembangan idea, murid dapat melahirkan idea dengan perluasan subjek selepas menggunakan pemikiran.

Seterusnya, kajian berkaitan KBAT juga telah dilakukan oleh Ahmad Fikri Ab Rahman dan Zamri Mahamod (2019) melibatkan murid daripada etnik Lun Bawang di Sarawak. Kajian ini mendapati teknik lakaran bersama peta alir i-Think mampu meningkatkan kemahiran menjana idea dalam penulisan karangan autobiografi. Murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


akan lebih bermotivasi untuk mempelajari karangan, menjana imaginasi dan kreativiti murid, memperbaiki amalan pengajaran guru, meningkatkan prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu serta membudayakan KBAT di sekolah. Lakaran yang dihasilkan oleh murid melalui peta alir ini merupakan visual yang mampu digunakan oleh murid untuk menulis karangan mereka dengan lebih panjang, mempunyai koheren dan kohesi. Hal ini menunjukkan bahawa teknik lakaran ini bukan hanya sesuai digunakan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sahaja malahan mampu merentas kurikulum mata pelajaran yang lain termasuklah Bahasa Melayu.

Dengan ini, jelaslah bahawa pemikiran mencipta cuba diterapkan oleh guru kepada murid melalui teknik lakaran bersama peta alir i-Think bagi menghasilkan karangan autobiografi kerana karangan yang panjang dan mempunyai kesatuan idea antara perenggan dengan perenggan yang lain dan olahan idea yang menarik. Sebagai kesinambungan terhadap kajian berkaitan pemikiran mencipta dalam penulisan karangan, pengkaji akan menjalankan kajian berkaitan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid di sekolah menengah dengan meneliti dua elemen penting yang terdapat dalam pemikiran mencipta iaitu menyusun atur bahasa dan menjana idea dan pemikiran.

Dalam penerapan amalan KBAT dalam PdPc, guru memainkan peranan yang amat penting. Guru haruslah terlebih dahulu menguasai KBAT sebelum diaplikasikan di dalam kelas bagi memastikan murid benar-benar dapat menguasai kemahiran ini. Namun begitu, perkara yang sebaliknya berlaku apabila guru kurang berpengetahuan tentang pelaksanaan KBAT dan tidak mempunyai persediaan yang memberangsangkan dalam mengamalkan perkara tersebut. Dapatan kajian terkini telah dijalankan oleh Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Mohd Amir Mohd Zahari dan Marlini Idris (2020) telah menunjukkan bahawa pengaplikasian KBAT oleh kebanyakan guru yang terlibat berada pada aras

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang sederhana dan terdapat beberapa masalah dalam pengamalan KBAT iaitu guru tidak memperkasakan pengamalan KBAT dan guru sukar menentukan piawaian KBAT. Selain itu, amalan KBAT yang didapati ketika pencerapan pedagogi guru berlaku pada aras pengaplikasian sahaja iaitu apabila guru menghubungkaitkan pengetahuan sedia ada murid dengan pengalaman di luar konteks sedangkan pemikiran aras tinggi juga melibatkan proses menilai dan mencipta yang sewajarnya dipupuk dalam kalangan murid.

Kajian ini turut mendapati guru yang mengetahui akan kepentingan dan kelebihan pengajaran berpusatkan pelajar dengan pendekatan KBAT tetapi masih ada sebilangan kecil yang masih lagi menggunakan pengajaran tradisional di bilik darjah. Kesannya, murid dapat berfikir dengan lebih kreatif dan kritis, produktif, berkesan dan konsisten. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan, pemahaman dan amalan guru terhadap KBAT secara sistematik akan membantu murid untuk meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa sekali gus mencapai keputusan yang cemerlang dalam penulisan karangan mereka seterusnya menggalakkan guru memainkan peranan yang penting untuk menerapkan KBAT di dalam bilik darjah bagi meningkatkan kemahiran berbahasa murid.

Kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran berasaskan KBAT adalah sangat penting bagi membolehkan mereka mendidik murid menguasai KBAT yang merupakan salah satu aspek yang perlu dikuasai dalam menuju abad ke-21. Keperluan guru dalam merealisasikan pelaksanaan KBAT secara berkesan perlu diberi perhatian agar hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi berfikir pada aras tinggi dapat dicapai. Namun begitu, kajian yang dilakukan oleh Farah Aziana Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman (2018) telah mendapati kebanyakan guru masih belum bersedia melaksanakan KBAT dalam pengajarannya disebabkan oleh kurang pendedahan tentang cara pelaksanaan KBAT dalam PdPc, tidak tahu kaedah untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menerapkan KBAT dalam PdPc dan juga dibebani dengan pelbagai tugas lain yang menghalang PdPc berasaskan KBAT daripada dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, beberapa keperluan oleh guru dalam melaksanakan pengajaran berasaskan KBAT perlu diberikan perhatian sewajarnya seperti kursus berkaitan KBAT dan cara pelaksanaan KBAT, modul pengajaran KBAT dan bahan sumber yang membantu PdPc. Sekiranya semua keperluan guru-guru dalam melaksanakan KBAT dapat disediakan dan dimurnikan, nescaya guru Bahasa Melayu akan dapat menjalankan PdPc berasaskan KBAT dengan jayanya dan dapat melahirkan murid yang menguasai KBAT dengan mudah.

Pelaksanaan KBAT dalam sesi pengajaran oleh guru bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana murid-murid di dalam sesebuah kelas yang terdiri daripada pelbagai latar belakang keluarga sudah tentu mempunyai aras pemikiran yang pelbagai dan menyebabkan gangguan semasa PdPc. Perkara ini telah diteliti oleh Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Mohamad dan Melor Md Yunus (2018). Dapatan kajian mereka menunjukkan masalah tersebut dapat diatasi oleh guru dengan mempelbagaikan kaedah dalam penyampaian KBAT semasa mengajar penulisan karangan. Melalui kajian ini juga, dapat dilihat aras yang digunakan oleh guru adalah berbeza antara murid lemah dan cemerlang kerana bergantung kepada tahap kematangan murid berfikir. Selain itu, pengkaji juga turut menemui kaedah penulisan karangan iaitu dengan menggunakan peta i-Think, soal jawab dan soalan aras tinggi. Di samping itu, kaedah yang kurang digunakan pula adalah kaedah sumbang saran dan perbincangan berasaskan projek. Oleh itu, kaedah ini perlulah digunakan oleh guru Bahasa Melayu untuk mempelbagaikan teknik dan kaedah pedagogi supaya elemen KBAT dapat diterapkan dengan lebih berkesan kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Seterusnya, kajian berkaitan KBAT juga telah dilakukan oleh Chew dan Zul Hazmi Hamad, (2018) untuk mengetahui isu-isu yang berkaitan pelaksanaan KBAT dalam penyoalan Bahasa Melayu di sekolah rendah dengan mendalam. Data yang telah dianalisis menunjukkan bahawa tahap kekerapan dan keberkesanan adalah berada pada tahap yang tinggi manakala tahap penguasaan murid dalam aspek KBAT adalah memuaskan. Guru Bahasa Melayu kerap mengaplikasikan teknik penyoalan KBAT semasa PdPc Bahasa Melayu. Pengkaji berpendapat bahawa hal ini berlaku ekoran kepentingan KBAT yang sudah mula disedari oleh para guru Bahasa Melayu. Dapatan kajian juga menunjukkan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) agak keciciran jika dibandingkan dengan sekolah kebangsaan kerana kualiti murid sedia ada yang kurang berfikir mengikut KBAT ataupun menghadapi masalah halangan bahasa kerana pengaruh bahasa ibunda yang terlalu kuat. Hal ini menyebabkan para pendidik Bahasa Melayu di SJKT mengalami masalah dalam pengajaran Bahasa Melayu dan kemahiran asas berbahasa juga sukar dikuasai oleh murid, seterusnya membantutkan usaha guru Bahasa Melayu untuk membudayakan amalan berfikir dalam PdPc dan mengintegrasikan KBAT dalam kaedah penyoalan. Oleh itu, langkah proaktif perlu dilakukan dalam kalangan guru untuk menjadikan murid SJKT menguasai kemahiran asas bahasa terlebih dahulu sebelum membudayakan KBAT dalam PdPc mereka.

Selain pengetahuan, pemahaman, amalan dan kesediaan guru terhadap KBAT, kejayaan sesuatu sesi pengajaran dan pemudahcaraan KBAT juga turut dipengaruhi oleh murid sendiri seperti gaya pembelajaran murid di dalam kelas. Kajian yang dijalankan oleh Anisah Samingan dan Ruslin Amir (2016) telah membuktikan bahawa keserasian gaya pembelajaran murid dengan penerapan KBAT adalah penting dalam PdPc Bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian sebelum ini mendapati salah satu faktor pencapaian yang kurang memuaskan adalah kesesuaian gaya belajar murid. Penerapan gaya pembelajaran Grasha yang terdiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


daripada enam gaya pembelajaran utama iaitu mengelak, kerjasama, berdaya saing, bergantung, bebas dan turut serta telah menunjukkan bahawa setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Kesannya, faktor gaya pembelajaran adalah penting dalam menentukan kejayaan seseorang murid kerana setiap murid mempunyai kebolehan masing-masing dan cara pemahaman seorang murid membawa kepada gaya pembelajaran yang berbeza antara satu sama lain.

Bagi melahirkan golongan murid yang berfikiran kritis, pengajaran berteraskan KBAT telah diberikan penekanan dalam semua mata pelajaran di peringkat rendah dan menengah. Kajian terhadap penguasaan KBAT murid oleh Bavani Nandakumal (2016) menunjukkan bahawa penguasaan KBAT dalam kalangan murid adalah pada tahap yang rendah. Selain itu, guru juga tidak jelas tentang kaedah untuk menerapkan unsur KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Rancangan pengajaran yang melibatkan KBAT tidak disediakan tetapi guru ada mencatatkan objektif kemahiran berfikir dalam rancangan mengajar harian dan dari strategi yang digunakan. Dapatan juga memaparkan bahawa guru-guru yang dikaji masih mengemukakan soalan-soalan dan latihan bertulis tidak berunsurkan KBAT kepada murid. Hal ini menyebabkan pembelajaran bersifat kognitif dan pembelajaran aktif tidak berlaku. Selain itu, terdapat juga kekangan yang menyebabkan KBAT kurang diberikan penekanan di sekolah iaitu kelemahan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid berbangsa Cina, masa dan PdPc yang berorientasikan peperiksaan. Implikasinya, murid hanyalah didedahkan dengan fakta sahaja tetapi murid tidak dapat menguasai kemahiran abad ke-21. Oleh itu, guru perlu memperkaya diri dengan kemahiran pedagogi supaya mereka dapat mempelbagaikan strategi pengajaran yang melibatkan unsur KBAT untuk menarik minat murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kaedah pengajaran guru yang menarik akan dapat membantu murid untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Salah satu caranya adalah menggunakan elemen didik hibur semasa PdPc terutama sekali yang melibatkan penggunaan genre komsas yang berbentuk puisi seperti pantun dan sajak. Didik hibur atau pembelajaran menyeronokkan ini adalah penting untuk merangsang dan menarik minat murid terhadap sesuatu pembelajaran (Mazlan Ismail, 2016). Hal ini telah dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah dan Zamri Mahamod (2015) yang menggunakan pendekatan Salak Didik untuk menguji kemahiran menulis karangan murid Tahun Empat. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan Salak Didik telah meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan. Penggunaan Salak Didik ini membantu murid untuk menjana idea dalam prapenulisan sebelum mereka menulis karangan. Oleh itu, cara ini menjadi pemangkin untuk murid menjana idea bagi mencari isi karangan, menyusun rangkai kata, membina ayat, menyusun ayat membentuk perenggan dan seterusnya membina sebuah karangan yang mempunyai ciri koheren dan kohesi.

Kesimpulannya, kebanyakan kajian berkaitan KBAT dalam PdPc Bahasa Melayu telah dijalankan untuk mencapai pelbagai objektif dalam usaha untuk meningkatkan KBAT dan pencapaian murid seperti karangan dan penulisan. Kajian terhadap keberkesanan alat pemikiran seperti peta minda dan peta pemikiran i-Think juga dilakukan terhadap murid di sekolah rendah dan menengah semasa proses PdPc yang melibatkan guru dan murid. Namun begitu, kebanyakan kajian tentang KBAT yang dijalankan adalah secara umum tanpa memberi tumpuan terhadap setiap aras pemikiran dalam KBAT iaitu menganalisis, mengaplikasi, menilai dan mencipta. Oleh hal yang demikian, sebagai lanjutan daripada kajian-kajian yang lepas ini, pengkaji akan meneliti amalan pemikiran mencipta yang merupakan aras tertinggi dalam hierarki KBAT. Selain itu, penelitian terhadap kajian lepas juga menunjukkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kejayaan penerapan KBAT kepada murid adalah bergantung kepada guru dan murid semasa sesi PdPc di dalam kelas. Sikap dan komitmen guru yang seiring dengan kebolehan dan keupayaan berbahasa murid juga akan memantapkan penguasaan KBAT dalam kalangan murid akan meningkat sebaliknya kajian ini dijalankan di luar waktu pembelajaran yang hanya melibatkan murid sahaja. Pemerhatian terhadap murid akan dilakukan bagi meneliti elemen yang terdapat dalam pemikiran mencipta melalui penulisan sajak.

### 2.2.2 Kajian Komsas dan sajak

Menurut Nik Nur Farihah Nik Harmi (2019), pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya komsas boleh dijadikan medium yang berkesan untuk mengajar KBAT dan melahirkan murid yang berfikir secara kritis dan kreatif. Penggunaan i-Think dalam proses PdPc ini adalah untuk meningkatkan pencapaian dan sikap murid dalam mempelajari komsas. Pemikiran murid lebih terarah dan terancang mengikut fungsi peta pemikiran yang telah ditetapkan berbanding alat berfikir yang lain seperti peta konsep dan peta minda. Murid juga boleh membuat perkaitan antara peristiwa sebelum, semasa dan selepas proses PdPc di dalam bilik darjah serta membuat perkaitan peristiwa pembelajaran dengan kehidupan seharian mereka untuk dijadikan panduan sekiranya mereka memahami konsep yang ingin diutarakan dalam karya. Selain menggunakan peta pemikiran i-Think, terdapat banyak lagi kaedah untuk meningkatkan penguasaan KBAT murid termasuklah penggunaan genre komsas seperti sajak. Oleh itu, kajian yang berbentuk kualitatif ini akan menggunakan genre sajak yang dicipta oleh murid untuk meneroka makna pemikiran mencipta murid berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, kajian yang telah dijalankan oleh Chew dan Shashipriya Nadaraja (2014) telah menunjukkan bahawa pengaplikasian kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran komsas adalah memuaskan. Berdasarkan dapatan kajian mereka, terdapat masalah dalam penerapan penerapan KBKK iaitu murid mengambil masa yang agak lama untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam proses pembelajaran komsas. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa aspek jantina, aliran dan kaum mempengaruhi pelaksanaan KBKK dalam pembelajaran komsas. Justeru, pihak pelaksana dan guru Bahasa Melayu harus mengambil kira ketiga-tiga aspek itu dalam penerapan KBAT semasa PdPc komsas di sekolah untuk mencapai hasil pembelajaran yang optimum.

Seterusnya, penelitian juga dilakukan oleh Nasyimah Ismail dan Zamri Mahamod (2016) untuk mengkaji sikap dan kesediaan murid sekolah menengah terhadap penerapan KBAT dalam pembelajaran komsas. Hasil kajian telah mendapati bahawa pembelajaran menggunakan KBAT berjaya mengubah sikap murid yang tidak berminat kepada meminati komsas. Oleh itu, KBAT adalah penting di dalam bilik darjah untuk meningkatkan minat murid untuk belajar. Kefahaman berkaitan dengan isi pelajaran akan meningkat apabila pemikiran mereka dicabar dan galakan diberikan untuk menggunakan minda mereka. Selain menjadikan pembelajaran komsas lebih menyeronokkan, hal ini juga dapat melatih murid untuk mengoptimumkan penggunaan minda mereka ketika mempelajari komsas. Dengan itu, guru Bahasa Melayu haruslah mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan semasa menerapkan KBAT di dalam bilik darjah supaya dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari komsas. Namun begitu, penerapan KBAT terhadap murid juga tidak terhad semasa PdPc komsas sahaja sebaliknya boleh diaplikasikan oleh guru di luar waktu pembelajaran, contohnya semasa aktiviti kokurikulum. Justeru, kajian ini akan meneroka makna pemikiran mencipta murid dalam penulisan sajak di luar waktu PdPc. Murid akan menulis sajak berdasarkan tiga elemen atau proses yang terdapat dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pemikiran mencipta berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson iaitu menjana idea, merancang penulisan dan menghasilkan sajak dengan kreatif.

Kajian yang dijalankan oleh Rozani Ahmad (2017) telah menunjukkan bahawa tahap keupayaan guru menggunakan bahan komsas sangat mempengaruhi kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa seseorang guru Bahasa Melayu itu perlu mempunyai pengetahuan yang luas terhadap bahan komsas dan menguasai teknik pengajaran bahan komsas yang berkesan agar dapat mewujudkan corak pengajaran yang berkesan, berpusatkan pelajar, menarik dan menekankan kemahiran berfikir. Setiap teknik pengajaran menggunakan bahan komsas adalah berbeza berdasarkan jenis genre atau bahan sama ada cerpen, novel, drama ataupun puisi yang digunakan oleh guru. Guru perlulah mempunyai kebijaksanaan untuk memilih dan menggunakan bahan ini selaras dengan kemahiran yang akan diajar oleh guru. Pemilihan bahan ini bukan sahaja untuk mencapai objektif pengajaran sebaliknya guru juga harus memberi pertimbangan terhadap kesesuaian genre bagi menggalakkan wujudnya aktiviti berbentuk KBAT dalam kalangan murid. Oleh itu, kajian yang akan dijalankan ini akan meneroka kaedah pengajaran guru untuk menggalakkan murid menggunakan aras pemikiran mencipta dalam penulisan sajak. Penerokaan terhadap kaedah pengajaran guru ini akan dilihat berdasarkan kaca mata murid dan juga pengalaman daripada guru sendiri kerana kajian ini akan menggunakan peserta kajian yang terdiri daripada murid dan guru.

Puisi merupakan salah satu genre komsas yang boleh digunakan oleh guru sebagai bahan pengajaran dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Terdapat kajian berkaitan puisi yang telah dijalankan oleh Nordiana Ab Jabar (2015) untuk mengesan keunggulan unsur Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang terdapat dalam 30 buah puisi tradisional yang terdapat di dalam antologi teks komsas *Kasut kelopak Jantung*, *Gema Sepi Gadis Genius*, *Harga Sebuah*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Lukisan*, *Harga Remaja* dan *Dirgahayu Bahasaku*. 30 buah puisi tradisional yang terlibat ialah 15 buah pantun, 11 buah syair, dua buah gurindam dan dua buah seloka dengan mengaplikasikan teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keperibadian. Dapatan kajian ini telah membuktikan wujudnya hubungan unsur-unsur pendidikan yang terdapat dalam FPK dengan puisi Melayu tradisional dan menganalisis tahap kerelevanan 30 buah puisi tradisional Melayu dalam teks komsas. Implikasinya, penerapan FPK melalui puisi komsas dapat melahirkan keseimbangan insan dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek melalui puisi tradisional.

Dalam pengajaran komsas, puisi moden ataupun sajak merupakan salah satu genre yang digunakan oleh guru untuk menerapkan KBAT terutama sekali pemikiran mencipta. Aktiviti penciptaan sajak yang dilakukan semasa PdPc ataupun di luar waktu PdPc akan merangsang minda murid untuk berfikir bagi menjana idea yang ingin ditulis di dalam sajak, seterusnya merangcang dan menghasilkan sajak. Mohd Saipuddin Suliman (2016) telah menganalisis puisi-puisi Tri-V (verbal, vokal, visual) hasil ciptaan Abdul Ghafar Ibrahim melalui penerapan teori sastera iaitu stilistik dan teksdealisme. Dapatan kajian mendapati bahawa gaya bahasa dan penyimpangan yang dicipta oleh Abdul Ghafar Ibrahim dalam puisi Tri-V banyak menyimpang daripada hukum tatabahasa dan aturan bentuk konvensional. Namun begitu, karya beliau ini sarat dengan pemikiran dan falsafah. Implikasi daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa pendapat tentang sesebuah ciptaan atau hasil karya yang melanggar aturan konvensional dan penyimpangan daripada aspek kebahasaan boleh memusnahkan mutu karya adalah wajar diperbetul dalam usaha memartabatkan dunia sastera tanah air ke persada antarabangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dapatan daripada kajian lepas ini adalah bertepatan dengan aspek yang terdapat dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana sajak yang dihasilkan oleh murid dalam kajian ini perlu menepati ciri-ciri sebuah sajak seperti yang terdapat dalam dapatan kajian lepas ini. Sewajarnya, sesebuah puisi moden ataupun sajak mempunyai ciri yang melanggar atau menyimpang daripada hukum tatabahasa kerana sifatnya yang berbentuk bebas dan tidak terikat seperti pantun dan syair. Oleh itu, kajian lepas ini akan dijadikan sebagai panduan oleh pengkaji bagi menganalisis dan menjawab soalan kajian berkaitan penggunaan bahasa dalam penulisan sajak murid tingkatan dua.

Selain itu, kajian yang telah dilakukan oleh Siti Halijah Laungeng (2016) telah menunjukkan bahawa penggunaan peta konsep dapat meningkatkan kefahaman dan pencapaian pelajar dalam komsas. Penggunaan peta konsep boleh dijadikan satu strategi untuk pemahaman tentang makna konsep-konsep dalam komsas dengan lebih mendalam. Secara keseluruhannya, penggunaan peta konsep sebagai salah strategi pengajaran komsas sangat berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam komsas. Dapatan kajian turut membuktikan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran menggunakan peta konsep lebih efektif berbanding pengajaran dan pembelajaran secara tradisional. Peta konsep turut memberikan satu alternatif kepada pendekatan pengajaran guru supaya lebih berstruktur, praktikal dan bermakna.

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan daripada kajian yang lepas, kebanyakan kajian yang dijalankan menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menjalankan kajian eksperimental dan soal selidik bagi memperoleh data. Reka bentuk yang digunakan ini adalah berbeza kerana kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berdasarkan pendekatan fenomenologikal untuk meneroka amalan pemikiran mencipta murid dalam penulisan sajak. Selain itu, penelitian terhadap kajian lepas juga menunjukkan bahawa terdapat pelbagai alat pengajaran seperti peta konsep dan peta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


i-Think yang boleh digunakan dalam PdPc komsas dan alat pengajaran ini berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid dalam komsas. Kajian lepas tentang puisi Melayu tradisional juga dijalankan dan hal ini adalah berbeza dengan kajian ini yang menggunakan puisi moden ataupun sajak. Dalam kajian ini, penganalisisan sajak yang dicipta oleh murid akan dilakukan bagi mengenal pasti jenis gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta yang digunakan oleh murid dalam penulisan sajak.

### 2.2.3 Kajian Taksonomi Bloom dan Taksonomi Bloom Semakan Anderson

Taksonomi Bloom asal dan Taksonomi Bloom Semakan Anderson menjadi landasan ataupun dasar utama dalam sesebuah kajian yang berkaitan dengan bidang pendidikan yang melibatkan domain kognitif. Domain kognitif ini merupakan proses mental yang berkait rapat dengan kepintaran akal, kebolehan numerik am, kemahiran verbal, kemahiran menaakul dan kemahiran penyelesaian masalah (Tajularipin Sulaiman & Aminuddin Hassan, 2009). Domain kognitif ini akan diperhatikan melalui kajian yang dijalankan terutamanya kajian tentang kemahiran berfikir dalam kalangan murid.

Ratna Farida, Amru Alba, Rudi Kurniawan dan Zainuddin (2019) telah menjalankan kajian menggunakan model Taksonomi Bloom untuk membina model pembelajaran inovatif terbaru menggunakan video pembelajaran. Kajian ini dilakukan kerana kaedah pembelajaran secara konvensional yang terikat kaedah ceramah telah menyebabkan mahasiswa menjadi bosan dan bersikap pasif terhadap pembelajaran. Model pembelajaran ini akan membantu mahasiswa untuk belajar secara mandiri melalui video pembelajaran sebelum datang ke kuliah manakala aktiviti di dalam kuliah lebih kepada perbincangan dan perkongsian idea. Oleh yang demikian, model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Taksonomi Bloom digunakan untuk mereka bentuk model pembelajaran *flipped classroom* atau kelas teradun untuk diaplikasikan dalam kuliah Sistem Politik Indonesia.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa model pembelajaran *flipped classroom* adalah sesuai untuk diimplementasikan dalam enam tahap aktiviti iaitu dua aktiviti sebelum datang ke kuliah yang menggunakan KBAR dan empat aktiviti semasa di dalam kuliah yang menggunakan KBAT. Jelaslah bahawa model pembelajaran inovatif *flipped classroom* berpotensi untuk diterapkan dalam aktiviti pengajaran di institusi perguruan tinggi untuk menggalakkan budaya belajar secara mandiri dan keupayaan berfikir secara kritis dalam kalangan mahasiswa. Kajian lepas ini didapati mempunyai persamaan dengan kajian ini kerana kedua-duanya akan menggunakan Taksonomi Bloom sebagai landasan kepada kajian. Namun begitu, kajian ini tidak merangkumi KBAT secara keseluruhan sebaliknya lebih berfokus kepada pemikiran mencipta iaitu aras tertinggi dalam hierarki KBAT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha, Nik Azimah Nik Yusuff dan Rosnidar Mansor (2017) telah menjalankan kajian mereka dengan mengaplikasikan Taksonomi Bloom Semakan Anderson ini. Empat aras pemikiran teratas dalam model Taksonomi Bloom Semakan Anderson digunakan sebagai dasar kajian. Dapatan yang diperoleh adalah kesediaan guru dalam aspek pelaksanaan dan pengetahuan masih belum mencukupi. Guru-guru juga tidak menguasai kemahiran mengintegrasikan elemen-elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran Sains. Kesukaran murid memahami soalan aras tinggi dan kesukaran guru membina soalan aras tinggi adalah masalah yang dikenal pasti dihadapi oleh guru. Kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru masih kurang menguasai KBAT yang terdiri daripada empat aras tertinggi iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Dapatan yang diperolehi ini boleh dijadikan sandaran bagi kajian pada masa hadapan bagi membangunkan alat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pedagogi yang sesuai yang diperlukan oleh guru-guru Sains sekolah rendah dalam mengintegrasikan KBAT dalam PdPc dengan menggunakan Taksonomi Bloom Semakan Anderson ini.

Selain itu, kajian juga dilakukan oleh Shukran Abdul Rahman & Nor Faridah Abdul Manaf (2017) untuk mengkaji sorotan literatur yang menganalisis perkaitan antara Taksonomi Bloom dengan objektif pendidikan dalam pengajaran pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar di Malaysia dengan mengaplikasi Taksonomi Bloom dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Analisis dilakukan berdasarkan pelbagai sumber maklumat yang mendokumentasikan objektif kurikulum Kesusasteraan Inggeris di Malaysia, mengenal pasti ciri-ciri Taksonomi Bloom, melaporkan hasil penelitian peristiwa masa lalu yang membahas isu-isu dalam penerapan Taksonomi Bloom dan melaporkan hasil penyelidikan mengenai isu-isu dalam pengajaran Kesusasteraan Inggeris sebagai salah sebuah mata pelajaran. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mata pelajaran Kesusasteraan Inggeris adalah medium penting dalam pembelajaran murid terutama sekali untuk mengembangkan pemikiran kreatif dan kritis murid.

Taksonomi Bloom telah digunakan sebagai asas dalam kajian yang dilakukan oleh Azraai Othman, Dani Asmadi Ibrahim, & Othman Talib (2015). Dalam kajian ini, Taksonomi Bloom digunakan untuk menentukan tahap sebenar pengajaran dan pembelajaran yang digariskan dalam kurikulum kimia organik di sebuah kolej matrikulasi. Dalam Taksonomi Bloom ini juga, kurikulum telah dikelaskan kepada enam kategori domain kognitif yang meliputi pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Hal ini adalah untuk memudahkan penyelidik mengelaskan tahap domain kognitif yang diterapkan dalam sesuatu kurikulum dan bermula dari situ akan dapat dikenal pasti hala tuju dalam pengajaran dan pembelajaran. Taksonomi Bloom juga merupakan alat yang lebih jitu untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perancangan kurikulum, penyampaian pengajaran dan pembelajaran dan pelaksanaan penilaian. Oleh itu, penggunaan Taksonomi Bloom dalam kajian ini adalah perlu untuk menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh pengkaji.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas berkaitan Taksonomi Bloom menunjukkan bahawa kebanyakan kajian yang dijalankan menggunakan Taksonomi Bloom asal yang mempunyai enam aras kognitif untuk dalam pentaksiran dan penilaian murid iaitu pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Namun begitu, kajian ini berteraskan model Taksonomi Bloom Semakan Anderson yang mempunyai enam aras pemikiran iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Penelitian terhadap pemikiran mencipta murid dilakukan melalui penulisan sajak. Tiga elemen pemikiran mencipta akan diteliti dalam sajak yang dicipta oleh murid. Selain itu, kajian lepas juga menunjukkan bahawa pengaplikasian terhadap taksonomi ini juga dilakukan dalam PdPc di sekolah dan kolej matrikulasi dalam pelbagai mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris dan Kimia. Hal ini berbeza dengan kajian ini kerana penelitian terhadap pemikiran mencipta dalam kalangan murid dilakukan di luar waktu pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.2.4 Kajian Teori Konstruktivisme

Pelbagai pendekatan yang dilakukan oleh guru untuk menjadikan sesi PdPc di dalam kelas lebih menarik dan bermakna. Antaranya adalah dengan menggunakan pendekatan Konstruktivisme. Syahida Nadia Zakaria (2015) telah menjalankan kajian tentang pendekatan Konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komsas. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pasca kerana min markah bagi kumpulan eksperimen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


adalah lebih tinggi berbanding min markah kumpulan kawalan. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan Konstruktivisme dapat membantu pelajar mempelajari komsas Bahasa Melayu dengan baik. Implikasi kajian ini ialah guru perlu mengubah suai pendekatan pengajaran mereka agar murid dapat mempelajari komsas dengan lebih menyeronokkan dan bermakna.

Dapatan kajian yang diperoleh juga menunjukkan objektif yang ditetapkan pada awal kajian telah tercapai. Kajian ini telah memperoleh dapatan bahawa pendekatan Konstruktivisme meningkatkan prestasi murid tingkatan dua dalam komsas yang memberi kesan positif kepada murid. Hal ini juga dapat mengenal pasti potensi murid secara keseluruhan melalui ujian pra dan pasca. PdPc secara Konstruktivisme lebih efektif berbanding PdPc secara tradisional berdasarkan hasil dapatan kajian ini. Pelaksanaan pendekatan Konstruktivisme ini menjadi medium utama dalam memperkasakan pembelajaran bagi menghasilkan pembelajaran yang efektif serta melahirkan murid yang lebih kreatif dan inovatif dalam pembelajaran mereka. Dengan itu, murid harus bersedia dalam menghadapi pembelajaran secara aktif. Pendekatan Konstruktivisme juga dapat menggalakkan murid untuk belajar secara kendiri dalam mencari ilmu. Oleh itu, dengan adanya kajian ini, guru boleh mengubahsuai pendekatan pengajaran mereka agar murid dapat mempelajari komsas dengan lebih menyeronokkan dan bermakna.

Jafry Mohd Daud (2017) turut menjalankan kajian yang mendasari teori Konstruktivisme ini dan digandingkan bersama dengan kaedah model Salmon bagi menilai kesan penggunaan teori Konstruktivisme Lima Frasa Needham dalam mata pelajaran Sains Komputer terhadap pencapaian dan sikap murid di sebuah kolej matrikulasi. Kajian ini berbentuk separa eksperimen dan melibatkan 147 pelajar yang terdiri dari kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Dapatan kajian yang dianalisis menggunakan Ancova dan Manova menunjukkan bahawa pencapaian pelajar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menggunakan e-pembelajaran yang berintergrasikan teori Konstruktivisme Lima Frasa Needham ini telah meningkat dan pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Sains Komputer berbanding sebelum pelaksanan e-pembelajaran ini. Jelaslah bahawa, e-pembelajaran yang digunakan sebagai bahan pengajaran yang berorientasikan teori Konstruktivisme ini dapat membantu pelajar matrikulasi dan murid sekolah dalam menyerap ilmu pengetahuan yang dipelajari. Oleh itu, sebagai kesinambungan daripada literatur ini, kajian ini akan meneliti pembelajaran kendiri yang digunakan di kolej matrikulasi sebelum ini diaplikasikan dalam kalangan murid di sekolah.

Selain itu, kajian berkenaan teori ini juga dijalankan oleh Norafidah Noralidin (2017). Kajian berkenaan pembinaan model pengajaran kemahiran menulis ini berkaitan menulis karangan ini dilakukan berdasarkan teori Konstruktivisme untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru, meneroka pengetahuan guru berkaitan pengetahuan teori Konstruktivisme dalam pengajaran karangan dan mengenal pasti ciri Konstruktivisme dalam pengajaran kemahiran menulis karangan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berdasarkan pendekatan fenomenologikal bagi menjawab soalan kajian yang ditetapkan. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan kaedah peserta bertujuan yang melibatkan tiga orang guru Bahasa Melayu tingkatan dua di sebuah sekolah di negeri Sabah. Enam instrumen digunakan dalam kajian ini iaitu senarai semak, nota lapangan, rancangan pengajaran harian, refleksi pengajaran guru, transkrip temu bual dan rakaman video serta data dianalisis secara deskriptif.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru masih mengamalkan pengajaran berpusatkan murid dan buku teks dijadikan bahan utama dalam pengajaran. Guru juga didapati menekankan proses pengajaran karangan berbanding proses pembelajaran murid dalam pengajaran kemahiran penulisan. Kajian juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mendapati bahawa guru mempunyai pengetahuan berkaitan penggunaan teori Konstruktivisme dalam pengajaran kemahiran penulisan. Selain itu, turut didapati bahawa ciri-ciri asas dalam teori Konstruktivisme iaitu pengajaran berpusatkan murid, guru berperanan sebagai fasilitator, aktiviti pembelajaran berkumpulan, penilaian kendiri dalan kalangan murid dan berlakunya proses pembinaan pengetahuan baharu telah diaplikasikan oleh guru dalam pengajaran penulisan. Implikasinya, guru telah berjaya membina satu model pengajaran kemahiran menulis karangan berdasarkan teori Konstruktivisme.

Kajian lepas yang dijalankan oleh Nurul Husna Muhammad (2012) berasaskan teori Konstruktivisme juga merangkumi bidang teknologi maklumat dan komunikasi yang melibatkan murid sekolah. Isu berkaitan Program *Information and Communication Technology Literacy (ICTL) for secondary school* dalam kalangan murid orang Asli telah dikaji. Teori Konstruktivisme dan pendekatan pengajaran langsung telah digunakan semasa guru sedang mengajar lima murid tingkatan satu. Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan modul ini akan mempengaruhi dan menarik minat murid untuk menggunakannya walaupun mempunyai keupayaan yang berbeza. Berdasarkan teori Konstruktivisme, murid akan berusaha secara kendiri untuk belajar berdasarkan modul bagi memahami isi pelajaran dan membentuk pengetahuan baharu dalam diri mereka berkaitan teknologi maklumat.

Berdasarkan penelitian terhadap dapatan kajian lepas ini, didapati banyak persamaan aspek kajian dengan kajian yang akan dilakukan ini. Persamaan yang paling ketara adalah dari aspek reka bentuk kajian yang juga menggunakan reka bentuk kualitatif berdasarkan pendekatan fenomenologikal. Selain itu, terdapat persamaan kaedah iaitu pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual yang menggunakan nota lapangan, senarai semak dan protokol temu bual. Selain itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


terdapat persamaan ciri Konstruktivisme yang digunakan oleh pengkaji lepas iaitu pengajaran berpusatkan murid, pembentukan proses pengajaran kendiri dan berlaku proses pembinaan pengetahuan baharu. Oleh itu, tatacara dan dapatan kajian lepas ini dijadikan sebagai panduan bagi membantu pengkaji meneruskan kajian berdasarkan teori Konstruktivisme ini.

Tuntasnya, penelitian terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa kajian yang menggunakan teori Kontruktivisme kebanyakannnya menggunakan reka bentuk kuantitatif untuk melihat pencapaian murid dan pengalaman guru. Namun begitu, dalam kajian ini reka bentuk kualitatif digunakan. Kajian ini juga dilihat mempunyai persamaan dengan kajian sebelum ini iaitu menggalakkan pembelajaran kendiri dalam kalangan murid. Oleh itu, murid akan berusaha untuk menggunakan pengetahuan bahasa dan pengalaman mereka untuk mencipta sajak berdasarkan bahan rangsangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.3 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan tinjauan literatur yang dilakukan oleh pengkaji terhadap perkara yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini iaitu KBAT dan pemikiran mencipta serta komsas dan sajak. Selain itu, tinjauan literatur berkaitan dengan Taksonomi Bloom dan teori Konstruktivisme yang diaplikasikan sebagai landasan dalam kajian ini juga diberikan penjelasan yang lebih terperinci berkaitan dengan kajian ini supaya dapat menepati objektif kajian dan menjawab soalan kajian yang berkaitan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 3

# METODOLOGI

## 3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan dan memproses data kajian. Antara perkara yang akan dijelaskan oleh pengkaji ialah pendekatan kajian, peserta kajian, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data, kaedah menganalisis data, Taksonomi Bloom Semakan Anderson, teori Konstruktivisme dan kerangka kajian bagi menjawab semua soalan kajian.

## 3.2 Pendekatan Kajian

Pendekatan atau reka bentuk dalam sesebuah kajian adalah penting sebagai panduan bagi memastikan objektif kajian tercapai dan dapat menjawab soalan kajian. Reka bentuk kajian perlulah dipadankan dan disesuaikan dengan soalan kajian. Oleh itu. kajian ini akan menggunakan reka bentuk kualitatif berdasarkan pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


fenomenologikal untuk memerhati dan menganalisis data secara mendalam terhadap makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid. Pemilihan reka bentuk kualitatif ini adalah kerana kajian ini akan meneroka dan menganalisis data secara mendalam berkaitan dengan makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Hal ini dikatakan demikian kerana penyelidikan secara kualitatif ini merupakan satu proses inkuiri untuk memahami masalah sosial yang berlaku berdasarkan gambaran yang menyeluruh dan kompleks melalui pandangan peserta yang yang terlibat secara mendalam serta dijalankan dalam keadaan yang sebenar dan semula jadi (Creswell dan Poth, 2018).

Seterusnya, dapatan daripada kajian kualitatif ini juga akan dapat memberikan penjelasan yang mendalam berkaitan dengan dengan soalan kajian yang dikaji (Silverman, 2013). Hal ini menjelaskan bahawa pengumpulan data yang berkualiti pada setiap kali sesi pertemuan dengan peserta kajian akan diperoleh apabila pengkaji memberikan fokus terhadap ketepatan dan kejelasan maklumat bagi menjawab soalan kajian. Berdasarkan konteks kajian ini, sajak yang ditulis oleh murid melalui pengaplikasian pemikiran mencipta yang diperoleh oleh pengkaji pada setiap pertemuan akan berupaya memberikan gambaran yang lebih tepat tentang makna amalan pemikiran mencipta oleh murid dalam penulisan sajak mereka.

Penerokaan makna pemikiran mencipta murid dalam kajian ini akan menggunakan pendekatan fenomenologikal. Pemilihan pendekatan ini adalah kerana pendekatan fenomenologikal ini merupakan satu penerokaan pengalaman dan fenomena dalam kehidupan harian manusia. Fenomena yang berlaku ini adalah daripada perspektif orang yang memberikan pengalaman tersebut kepada pengkaji iaitu peserta kajian (Smith, Flowers & Larkin, 2009). Melalui kajian ini, penelitian terhadap makna pemikiran mencipta melalui penulisan sajak akan dilakukan oleh pengkaji berdasarkan pandangan dan pengalaman daripada kaca mata murid dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


guru itu sendiri. Aspek kaedah pengajaran guru dalam menerapkan fenomena pemikiran mencipta kepada murid juga akan diteliti dengan mendalam. Hal ini demikian kerana pengalaman dan amalan pemikiran mencipta ini menjadi nadi utama untuk memahami makna fenomena ini.

Menurut Othman Lebar (2018), penyelidikan kualitatif ini mempunyai pelbagai kaedah yang didasari oleh andaian secara interpretif dan naturalistik untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang sesuatu fenomena ataupun masalah yang dikaji (Othman Lebar, 2018). Oleh itu, penganalisisan secara sistematik terhadap sesuatu fenomena perlakuan sosial yang bermakna akan dilakukan secara langsung dan semula jadi agar pengkaji dapat memahami dan menginterprestasi fenomena tersebut. Dalam konteks kajian ini, penerokaan terhadap amalan pemikiran mencipta sajak oleh murid dilakukan secara semula jadi melalui pemerhatian proses mencipta sajak yang melibatkan pemilihan bahasa dan pengorganisasian idea berdasarkan tema bahan rangsangan yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu tingkatan dua iaitu Jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan serta alam sekitar dan teknologi hijau.

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah di Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Sekolah ini merupakan sekolah kluster kecemerlangan yang diselia oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS). Seramai lima orang murid dan seorang guru yang terlibat sebagai peserta dalam kajian ini. Bilangan peserta yang kecil dan terhad ini adalah berdasarkan pandangan Creswell (2018) yang menjelaskan bahawa pemilihan peserta dalam kajian kualitatif adalah antara lima hingga 13 orang. Peserta kajian ini akan terlibat dalam proses penulisan sajak. Pemilihan peserta kajian ini adalah menggunakan teknik persampelan bertujuan kerana berdasarkan ketetapan dalam reka bentuk kajian kualitatif. Teknik ini akan memastikan peserta yang dipilih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


benar-benar layak untuk menghuraikan fenomena yang akan dikaji dan mempunyai kriteria tertentu.

Oleh itu, berdasarkan pernyataan masalah yang terdapat di dalam bab dua kajian ini, pengkaji telah memilih lima orang murid dan seorang guru bagi menghuraikan fenomena yang akan dikaji iaitu amalan pemikiran mencipta. Proses penciptaan sajak oleh murid akan diperhatikan untuk menjelaskan elemen pemikiran mencipta yang terlibat semasa proses ini berlaku. Sajak ini akan dianalisis untuk mengenal pasti gaya bahasa yang digunakan oleh murid dalam penulisan sajak ini. Selain itu, murid dan guru juga akan ditemu bual berkaitan dengan amalan pemikiran mencipta dan kaedah pengajaran yang digunakan untuk menerapkan pemikiran mencipta kepada murid. Pemilihan peserta kajian ini adalah berdasarkan kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh pengkaji bagi memastikan fenomena pemikiran mencipta dapat dihuraikan dengan tepat dan benar bagi menjawab soalan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah mendapatkan maklumat awal tentang peserta kajian daripada penolong kanan akademik dan ketua panitia Bahasa Melayu di lokasi kajian. Senarai nama lima orang murid dan seorang guru yang mempunyai kriteria yang telah ditetapkan dalam kajian ini telah dipilih dan diserahkan kepada pengkaji. Seterusnya, maklumat tersebut direkodkan oleh pengkaji bagi memudahkan pengurusan data kajian. Pengkaji juga turut mendapat kerjasama daripada guru Bahasa Melayu yang mengajar di kelas murid yang terlibat berkaitan latar belakang dan tahap penguasaan pemikiran mencipta murid.

Seterusnya, pengkaji juga memberi penekanan terhadap isu etika yang berkaitan dengan peserta kajian bagi melindungi identiti peserta dan isu kerahsiaan (Othman Lebar, 2018). Perkara ini adalah hasil dorongan daripada prinsip moral yang menentukan perlakuan kita sama ada dalam kajian ataupun interaksi sosial kita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut Pranee Liamputtong (2014), isu berkaitan etika ini adalah penting dalam penyelidikan kualitatif kerana wujudnya interaksi yang rapat antara pengkaji dengan peserta dan menggelakkan kesan yang tidak baik terhadap peserta kajian. Oleh itu, bagi memastikan etika ini dipatuhi, peserta kajian, identiti dan lokasi pengumpulan data adalah dirahsiakan. Kod peserta akan digunakan bagi mewakili peserta kajian. Taklimat kepada peserta berkaitan prosedur kajian telah dilaksanakan. Persetujuan daripada peserta kajian dan kebenaran daripada ibu bapa peserta juga diperolehi sebelum kajian dijalankan. Borang Persetujuan Peserta Kajian dan Borang Kebenaran Ibu Bapa yang menjelaskan tatacara kajian perlu ditandatangani oleh peserta dan ibu bapa.

### 3.2.1 Kriteria Pemilihan Peserta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pemilihan peserta dilakukan secara persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan adalah merujuk kepada pemilihan peserta yang dilakukan secara sengaja terhadap individu, peristiwa atau persekitaran tertentu berdasarkan maklumat yang hanya boleh diperolehi daripada mereka sahaja dan bukannya daripada saluran yang lain (Pranee Liamputtong, 2014). Selain itu, perkara ini turut disokong oleh Creswell dan Poth (2018) yang berpendapat bahawa pemilihan peserta kajian kualitatif adalah berasaskan keupayaan dan kesediaan peserta untuk memberikan maklumat dan informasi yang diperlukan untuk tujuan kajian. Oleh itu, peserta yang terlibat dalam kajian ini ialah murid dan guru yang merupakan individu yang terlibat dalam aktiviti penulisan sajak yang mengaplikasi pemikiran mencipta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pengkaji telah menetapkan beberapa kriteria yang perlu dipenuhi oleh peserta dalam kajian ini. Kriteria peserta kajian dalam kalangan murid adalah seperti yang berikut:

i. Berumur 14 tahun;

ii. Menguasai kemahiran berbahasa Melayu sekurang-kurangnya pada tahap 4 (Baik) dalam pentaksiran bilik darjah (PBD); dan

iii. Pernah mempelajari bentuk dan maksud sajak dalam PdPc Komsas dalam bilik darjah.

Peserta kajian dalam kalangan guru pula perlu menepati kriteria seperti yang berikut:

i. Berumur antara 30 hingga 55 tahun;

ii. Mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu sekurang-kurangnya selama lima tahun; dan

iii. Terlibat secara aktif dalam aktiviti koakademik Bahasa Melayu.

Oleh itu, pemilihan murid dan guru sebagai peserta kajian adalah berdasarkan kriteria seperti yang disenaraikan di atas dan peserta ini perlulah bersedia dan berupaya untuk memberikan maklumat yang terperinci tentang fenomena pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah alat yang digunakan untuk mengumpulkan data dan sangat berkait rapat dengan teknik pengumpulan data yang terdiri daripada pelbagai teknik serta bentuk yang berbeza. Dalam sesebuah kajian, pengkaji dapat meramalkan kaedah menganalisis data untuk menyelesaikan masalah kajian dengan mudah berdasarkan instrumen yang digunakan. Namun begitu, perkataan instrumen dalam kajian kualitatif adalah berbeza maksudnya dengan kajian berbentuk kuantitatif. Menurut Silverman (2013) dalam kajian kualitatif, pengkaji sendiri ialah instrumen. Pengkaji bertanggungjawab terhadap proses pengumpulan dan penganalisisan data (Silverman, 2013). Kenyataan ini turut disokong oleh Merriam dan Tisdell (2016) yang berpendapat bahawa pengkaji berkeupayaan untuk memanjangkan pemahaman melalui komunikasi verbal dan bukan verbal, memproses data dengan segera, menjelaskan dan merumuskan interpretasi serta meneroka sesuatu yang luar dari kebiasaan.

Pengkaji bukan sahaja bertanggungjawab dalam pengumpulan data yang sesuai tetapi juga memilih dan mentafsir makna daripada data dalam bentuk perkataan dan tindakan manusia (Othman Lebar, 2018). Oleh itu, pengkaji bertindak sebagai instrumen utama dalam kajian ini dan terlibat sepenuhnya dalam usaha untuk mengumpul data melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Selain itu, pengkaji juga bertanggungjawab untuk menganalisis, menjelaskan dan mentafsir makna berdasarkan data yang dikumpulkan bagi meneroka makna amalan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid. Data daripada kaedah pemerhatian diperoleh dengan menggunakan instrumen protokol pemerhatian. Instrumen yang dijana ini mempunyai tiga bahagian iaitu demografi peserta, menyusun atur bahasa dan menjana idea supaya prosedur pemerhatian dapat dilakukan secara sistematik, teratur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan berfokus bagi menjelaskan proses yang berlaku dalam pemikiran mencipta iaitu menjana, merancang dan menghasilkan. Selain itu, rakaman video juga digunakan untuk merekodkan tingkah laku murid dan perkara yang berlaku sepanjang proses penulisan sajak.

Sajak yang dihasilkan oleh peserta kajian juga dianalisis untuk mencungkil data yang berkaitan dengan amalan pemikiran mencipta dan penggunaan gaya bahasa berdasarkan pemikiran iaitu personifikasi dan metafora. Penganalisisan sajak juga dilakukan bersama dengan borang senarai semak bagi mengenal pasti ciri dan bentuk dalam sajak peserta. Borang senarai semak ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu pemikiran, bentuk, rangkap, baris, patah perkataan, asonansi, aliterasi dan gaya bahasa. Kaedah temu bual semi struktur dalam kajian ini menggunakan protokol temu bual untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan amalan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak peserta murid dan kaedah pengajaran guru untuk menerapkan pemikiran mencipta kepada murid. Soalan-soalan temu bual ini ditentukan terlebih dahulu oleh pengkaji. Protokol temu bual bagi peserta murid merangkumi tiga bahagian iaitu demografi peserta, menyusun atur bahasa dan menjana idea. Protokol temu bual bagi peserta guru juga terdiri daripada tiga bahagian iaitu demografi peserta, kaedah pengajaran guru dalam penerapan amalan pemikiran mencipta dan harapan. Protokol temu bual, senarai semak dan protokol pemerhatian ini telah disemak dan disahkan oleh tiga orang pakar bagi memastikan setiap instrumen ini dapat memperoleh maklumat yang benar-benar tepat bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.4 Kajian Rintis

Pengkaji menjalankan kajian rintis di sebuah sekolah menengah di Senawang, Negeri Sembilan pada bulan Februari 2020. Kajian rintis ini dilakukan adalah untuk melakukan kajian penerokaan yang berskala kecil (Siti Uzairiah Mohd Tobi, 2017). Kajian rintis yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar ini melibatkan peserta kajian yang terdiri daripada murid tingkatan dua dan guru dengan menggunakan kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual untuk mengumpulkan data. Pemilihan murid dan guru di lokasi yang terpilih ini adalah kerana mereka mempunyai persamaan ciri dan kriteria dengan peserta dalam kajian sebenar. Secara keseluruhannya, peserta kajian rintis ini merupakan murid tingkatan dua yang berumur 14 tahun dan memperoleh sekurang-kurangnya gred B dalam pencapaian Bahasa Melayu manakala peserta guru pula adalah berumur antara 30 hingga 55 tahun dan mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada lima tahun serta terlibat secara aktif dalam aktiviti ko-akademik Bahasa Melayu. Hal ini bertepatan dengan pendapat Noor Aini Ahmad (2016) iaitu peserta kajian rintis perlu mempunyai ciri yang hampir sama dengan peserta kajian sebenar.

Dapatan daripada kajian rintis yang telah dijalankan ini menunjukkan bahawa peserta kajian dapat memahami makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak. Peserta memahami bahawa pemikiran mencipta berlaku apabila sesuatu pemikiran, idea dan bahasa disusun untuk membentuk sajak melalui proses menjana, merancang dan menghasilkan berdasarkan sebuah tema bahan rangsangan. Peserta juga dapat menggunakan gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta iaitu metafora dan personifikasi dalam penulisan sajak. Hasil temu bual yang dijalankan juga menjelaskan bahawa guru telah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran bagi menerapkan pemikiran mencipta kepada murid. Data daripada kajian rintis ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ditranskripsi dan dianalisis menggunakan perisian Atlas.Ti untuk menjelaskan gambaran awal tentang fenomena pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua ini.

Proses kajian rintis dan data yang diperoleh telah memudahkan pengkaji untuk mendapatkan gambaran keseluruhan perjalanan kajian dan proses pengumpulan dan penganalisisan data yang akan dilaksanakan semasa kajian sebenar. Oleh itu, berdasarkan kajian rintis ini, pengkaji telah mendapat gambaran keseluruhan tentang amalan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid dan kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian sebenar iaitu pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Senarai semak, protokol pemerhatian dan protokol temu bual yang dibina telah diuji kepada murid dan guru sebagai pendedahan awal dan usaha menyediakan diri pengkaji terhadap kajian berkaitan dengan pemikiran mencipta yang belum pernah dijalankan sebelum ini. Pengkaji juga telah memperoleh pengalaman pertama dalam pengendalian temu bual berbentuk semi struktur sebelum digunakan dalam kajian terhadap peserta yang sebenar. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kajian rintis ini, kemahiran temu bual yang dilakukan terhadap peserta kajian akan dapat diperbaiki selain daripada mengenal pasti data yang yang menarik dan penting daripada peserta (Silverman, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dalam kajian melibatkan tiga peringkat yang berurutan. Setiap peringkat dalam kajian ini adalah untuk menjawab tiga soalan kajian yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


i. Apakah makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson?

ii. Apakah yang difahami tentang jenis gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson?

iii. Bagaimanakah kaedah pengajaran guru untuk menerapkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua?

Pengumpulan data dalam kajian ini secara keseluruhannya akan melibatkan beberapa langkah dan prosedur yang relevan dengan fenomena pemikiran mencipta yang akan dikaji terhadap peserta kajian. Proses pengumpulan data bermula dari kajian rintis sehingga kajian sebenar dengan mengambil kira beberapa perkara seperti penglibatan pengkaji sebagai instrumen dalam kajian dan etika semasa kajian dijalankan tanpa mengabaikan persediaan awal sebelum pengkaji berada di lapangan. Sebelum pengumpulan data dilakukan, pengkaji terlebih dahulu mengenal pasti dan menentukan sempadan atau parameter kajian yang berfungsi sebagai tulang belakang kajian ini seperti pemilihan peserta dan dokumen kajian secara bertujuan bagi menjawab soalan kajian dengan tepat. Penetapan parameter yang perlu diberi perhatian adalah latar yang menjadi lokasi kajian, individu yang akan terlibat, peristiwa iaitu perkara yang akan diperhatikan dan proses iaitu perkembangan peristiwa yang dilakukan oleh peserta di tempat kajian (Othman Lebar, 2018).

Kajian rintis telah dijalankan pada bulan Februari 2020 untuk mendapat gambaran awal tentang amalan pemikiran mencipta dalam kalangan murid yang belum pernah dilakukan sebelum ini. Peserta kajian rintis ini terdiri daripada lima orang murid tingkatan dua dan seorang guru Bahasa Melayu di sebuah sekolah menengah di Senawang, Negeri Sembilan yang mempunyai ciri yang hampir sama dengan peserta kajian sebenar. Semasa kajian rintis, pengkaji menggunakan kaedah untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengumpulkan data seperti dalam kajian sebenar iaitu pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Dengan ini, tatacara penelitian dan penganalisisan dokumen serta kemahiran mengendalikan temu bual untuk mendapatkan data yang lebih menarik dan penting daripada peserta kajian akan dapat ditingkatkan semasa kajian sebenar dijalankan.

Kajian sebenar dijalankan di sebuah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan yang melibatkan enam orang peserta kajian yang terdiri daripada lima orang murid dan seorang guru. Pengkaji akan menjalankan pemerhatian turut serta, menganalisis dokumen serta menemu bual murid dan guru. Pihak pentadbir lokasi kajian telah dihubungi dengan lebih awal untuk memaklumkan bahawa kajian ini akan dijalankan di lokasi tersebut. Kajian ini turut mengambil kira beberapa perkara yang berkaitan dengan lokasi dan peserta kajian untuk memudahkan proses pengumpulan data. Perkara utama yang menjadi pertimbangan dalam proses pengumpulan data ini adalah kemudahan untuk mendapatkan akses kepada peserta, lokasi kajian dan membina rapport supaya peserta dapat memberikan data yang baik dan berguna (Othman Lebar, 2018).

Selepas penentuan sempadan atau parameter kajian, permohonan kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah dilakukan. Seterusnya, surat kelulusan tersebut akan dipanjangkan ke Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) dan pengetua lokasi kajian. Perbincangan bersama dengan pengetua dan penolong kanan akademik juga dilaksanakan untuk mendapatkan kebenaran menjalani kajian di lokasi berkenaan. Pengkaji telah mendapat kerjasama yang sangat baik daripada pentadbir di lokasi kajian dan penolong kanan akademik dan ketua panitia Bahasa Melayu telah memberikan maklumat dan menyerahkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


senarai nama murid yang akan terlibat sebagai peserta kajian berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Seterusnya, fasa pengumpulan data kajian sebenar yang telah dirancangkan pada bulan Ogos tidak dapat dijalankan kerana penangguhan sesi persekolahan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuklah Malaysia. Oleh itu, proses pengumpulan data telah dijalankan pada bulan Oktober 2020 di lokasi kajian yang melibatkan lima orang peserta murid tingkatan dua dan seorang guru Bahasa Melayu yang mengajar di kelas yang sama. Semasa proses pengumpulan data dijalankan, pengkaji juga mengambil perhatian dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti penjarakan fizikal dan pemakaian topeng muka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah menyediakan jadual pelaksanaan kajian bagi setiap kaedah pengumpulan data untuk memudahkan proses pengumpulan data dilakukan. Peserta kajian secara bergilir-gilir akan melaksanakan aktiviti penulisan sajak di sebuah bilik yang telah disediakan oleh pentadbir lokasi kajian. Berikut ialah jadual pengumpulan data yang telah disediakan oleh pengkaji :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.1

*Jadual pelaksanaan pemerhatian*

| BIL | TARIKH | MASA | PESERTA | TEMA |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 8.10.2020 (Khamis) | 8.30 - 9.30 | 1 | Jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan |
| | | 9.30 - 10.30 | 2 | Jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan |
| | | 10.30 - 11.30 | 3 | Jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan |
| | | 11.30 - 12.30 | 4 | Jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan |
| | | 12.30 - 1.30 | 5 | Jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan |
| 2. | 13.10.2020 (Selasa) | 8.30 - 9.30 | 1 | Alam sekitar dan teknologi hijau |
| | | 9.30 - 10.30 | 2 | Alam sekitar dan teknologi hijau |
| | | 10.30 - 11.30 | 3 | Alam sekitar dan teknologi hijau |
| | | 11.30 - 12.30 | 4 | Alam sekitar dan teknologi hijau |
| | | 12.30 - 1.30 | 5 | Alam sekitar dan teknologi hijau |

Jadual 3.2

*Jadual pelaksanaan temu bual*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| BIL | TARIKH | MASA | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | 22.10.20 (Khamis) | 8.30 - 9.00 | 1 |
| | | 9.00 - 9.30 | 2 |
| | | 9.30 - 10.00 | 3 |
| | | 10.00 - 10.30 | 4 |
| | | 10.30 - 11.00 | 5 |
| | | 11.00 - 12.00 | Guru 1 |

Dalam proses pengumpulan data sebenar dalam kajian ini, triangulasi kaedah dan data digunakan untuk membentuk kebolehsandaran dalam kajian kualitatif (Silverman, 2013). Triangulasi kaedah digunakan kerana pengkaji menggunakan tiga kaedah utama dalam pengumpulan data kajian kualitatif iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen manakala triangulasi data pula pengkaji menggunakan lebih daripada satu data bagi kaedah temu bual. Menurut (Creswell dan Poth, 2018), triangulasi ini melibatkan penggunaan kaedah dan sumber yang pelbagai untuk menyediakan kefahaman yang mendalam terhadap peristiwa dan proses kajian daripada individu yang berbeza, jenis data yang berbeza dan kepelbagaian kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengumpulan data. Hal ini turut dipersetujui oleh Othman Lebar (2018) yang menyatakan bahawa maklumat daripada pemerhatian yang dijalankan bersama temu bual dan analisis dokumen boleh ditriangulasikan atau digabungkan untuk menjelaskan dengan lebih mendalam data yang diperoleh dan mempunyai kesahan. Oleh itu, dalam proses mengumpulkan data yang bersifat subjektif ini, pengkaji menggunakan triangulasi kaedah dan data bagi membentuk kebolehsandaran dalam kajian ini.

### 3.5.1 Pemerhatian Turut Serta

Kaedah utama yang digunakan untuk mengumpulkan data dalam kajian ini ialah pemerhatian turut serta. Menurut Marohaini Mohd Yusoff (2016), semasa melakukan sesuatu pemerhatian, seseorang pengkaji itu akan melihat, mendengar, memerhati dan bertanya untuk mendapatkan sesuatu perkara yang biasanya diambil mudah oleh orang yang berada dalam konteks tersebut. Semasa pemerhatian dilakukan, kaedah lain seperti analisis dokumen dan temu bual boleh dilakukan serentak oleh pengkaji (Noor Aini Ahmad, 2016). Dalam kajian ini, pemerhatian turut serta dijalankan terhadap peserta kajian yang terdiri daripada lima orang murid bagi melihat proses yang berlaku semasa penulisan sajak. Tiga elemen utama yang terdapat dalam pemikiran mencipta berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson iaitu menjana, merancang dan menghasilkan yang diaplikasikan oleh murid semasa penulisan sajak akan diperhatikan oleh pengkaji.

Melalui pemerhatian turut serta ini, murid akan diberitahu tentang tujuan dan kepentingan penglibatan mereka dalam kajian. Secara tidak langsung, perkara ini akan dapat mendekatkan diri pengkaji dengan murid apabila mereka berasa selesa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan memahami tujuan kajian dijalankan. Pengkaji juga akan memerhati perkara yang berlaku semasa proses penulisan sajak yang berlangsung di luar waktu pembelajaran dan tidak melibatkan murid semasa proses PdPc di dalam bilik darjah kerana fokus kajian adalah penelitian terhadap aktiviti penulisan sajak secara individu sahaja. Protokol pemerhatian dan rakaman video digunakan sebagai instrumen untuk mencatat hasil pemerhatian dan merekodkan data. Selain itu, rakaman video juga digunakan untuk merekodkan tingkah laku murid dan perkara lain yang berlaku sepanjang proses penulisan sajak.

### 3.5.2 Analisis Dokumen

Dalam kajian ini, analisis dokumen juga digunakan untuk menjawab soalan kajian. Kaedah ini adalah untuk memudahkan pengkaji mengenal pasti elemen pemikiran mencipta dan gaya bahasa yang digunakan oleh murid dalam penulisan sajak. Data yang diperoleh melalui analisis dokumen ini benar-benar akan menggambarkan pemikiran mencipta yang menjadi fokus kajian ini kerana data daripada dokumen adalah data yang tertanam atau *grounded* dalam konteks sebenar orang yang menghasilkannya (Marohaini Mohd Yusoff, 2016) manakala Creswell dan Poth (2018) berpendapat bahawa prosedur pengumpulan data dalam sesetengah kajian yang menggunakan pendekatan fenomenologikal ini melibatkan pelbagai sumber data seperti puisi, pemerhatian dan dokumen. Oleh itu, dalam kajian ini sajak yang dicipta oleh murid digunakan sebagai alat kajian untuk mengenal pasti makna pemikiran mencipta dan gaya bahasa personifikasi dan metafora di dalam sajak.

Semasa proses pengumpulan data, pengkaji menyediakan bahan rangsangan berdasarkan dua tema sajak iaitu tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tema alam sekitar dan tema teknologi hijau, Borang Lakaran Sajak(BLS) dan Borang Penulisan Sajak(BPS). Berdasarkan bahan rangsangan sajak, peserta kajian akan membuat lakaran berkaitan idea, perkataan dan ungkapan yang akan digunakan di dalam sajak mereka pada BLS, seterusnya menulis sajak yang lengkap ke dalam BPS. Peserta akan menggunakan BLS dan BPS yang berbeza bagi setiap tema. Pengkaji juga menggunakan rakaman video yang merekodkan perlakuan murid semasa proses mencipta sajak. Data daripada BLS, BPS dan video ini dianalisis untuk mencungkil maklumat yang berkaitan dengan amalan pemikiran mencipta ini.

### 3.5.3 Temu Bual Mendalam

Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual mendalam bagi memperoleh data untuk menjawab soalan kajian. Penggunaan kaedah temu bual ini adalah untuk menyokong kaedah pemerhatian dan analisis dokumen. Menurut pendapat yang dikemukakan oleh Merriam & Tisdell (2016), temu bual ialah kaedah yang paling kerap digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan kualitatif untuk mendapatkan maklumat secara lisan kerana kebanyakan orang lebih suka bercakap berbanding dengan menulis (Noor Aini Ahmad, 2016). Kaedah temu bual perlu dilakukan apabila pemerhatian terhadap perlakuan, perasaan dan cara manusia mentafsir dunia sekeliling mereka tidak dapat dilakukan serta wujud dorongan untuk mengetahui peristiwa lalu yang sukar untuk ditiru semula (Othman Lebar, 2018).

Oleh itu, melalui kajian ini, murid dan guru akan ditemu bual untuk meneroka pemikiran mencipta dalam penulisan sajak. Pengkaji akan menemu bual murid untuk meneliti perkara yang dilakukan semasa mereka mengaplikasi pemikiran mencipta dalam penulisan sajak. Guru juga akan ditemu bual untuk mengenal pasti kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengajaran untuk menerapkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid semasa PdPc komsas. Soalan-soalan dalam temu bual semi struktur ini ditentukan terlebih dahulu oleh pengkaji dengan menyediakan protokol temu bual yang telah disahkan oleh tiga orang pakar. Jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah lebih terbuka dan boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan peserta kajian (Othman Lebar, 2018). Hal ini adalah penting bagi memastikan jawapan yang diberikan oleh peserta kajian akan dapat menjawab soalan kajian dengan mendalam dan terperinci. Selain itu, protokol temu bual ini akan dijadikan sebagai rujukan untuk mencungkil maklumat pada setiap kali sesi temu bual dijalankan terhadap murid dan guru. Pengubahsuaian soalan juga akan dilakukan oleh pengkaji sekiranya terdapat soalan yang tidak relevan. Semasa sesi temu bual dijalankan, jawapan daripada peserta akan direkod menggunakan alat perakam suara bagi memudahkan proses transkripsi dilakukan semasa proses penganalisisan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6 Kaedah Menganalisis Data

Penganalisisan data dalam sesuatu kajian kualitatif bukan sahaja berkaitan dengan pendekatan untuk menganalisis data teks dan gambar sahaja malahan merangkumi perkara yang lebih luas seperti menyusun atur data, melakukan pembacaan awal tentang pengkalan data, pengekodan dan pengorganisasian tema, menganalisis dan mempersembahkan data (Creswell & Poth, 2018). Dalam kajian ini, penganalisisan data akan dilakukan secara mendalam dengan mengambil kira aspek persediaan, penyusunan dan pengorganisasian data terhadap data daripada pelbagai sumber seperti pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Setiap langkah ini saling berkaitan dan membentuk lingkaran aktiviti yang berkaitan dengan analisis dan hasil data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Proses pengumpulan dan penganalisisan data dalam kajian ini adalah berlaku pada masa yang sama. Semasa berada di lapangan, pengkaji akan mengutip data daripada peserta kajian melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen sebelum membuat analisis data berkenaan. Hal ini bertepatan dengan pendapat Creswell dan Poth (2018) iaitu proses pengumpulan dan penganalisisan data serta penulisan laporan bukanlah langkah yang berbeza sebaliknya saling berkaitan dan berlaku serentak dalam sesuatu kajian. Analisis data tidak semestinya bermula apabila semua data selesai dikumpulkan sebaliknya boleh bermula dengan penganalisisan terhadap transkripsi daripada temu bual yang pertama atau pemerhatian turut serta dan catatan lapangan sedia ada (Silverman, 2013). Oleh itu, penganalisisan data kajian ini akan bermula sebaik sahaja pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen pertama telah selesai menjalani proses transkripsi. Seterusnya, data ini akan dianalisis menggunakan kaedah *constant comparative* atau perbandingan konstan seperti yang dicadangkan oleh Merriam dan Tisdell (2016) dan Othman Lebar (2018). Kaedah ini adalah bersifat induktif dan berterusan serta digunakan secara meluas oleh kebanyakan pengkaji kualitatif untuk mempersembahkan data.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi kaedah ini, pengkaji akan menjalankan analisis data semasa berada pada fasa pengumpulan data dan semua data yang telah dikumpul akan digabungkan dalam satu dimensi yang sama yang dinamakan sebagai kategori. Kaedah ini juga akan memudahkan perbandingan antara setiap segmen yang dibentuk bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan data daripada setiap peserta kajian terutamanya semasa proses pembinaan kategori. Melalui analisis ini, banyak kategori baharu dapat dibangunkan yang membantu dalam pembentukan tema. Secara tidak langsung, hal ini akan mengayakan lagi data kajian seterusnya menjawab soalan kajian. Proses penganalisisan data bermula dengan mengenal pasti segmen ataupun bahagian di dalam data yang telah dikumpul dan bahagian ini terdiri daripada unit-unit yang berpotensi untuk menjawab persoalan kajian ini. Seterusnya, unit-unit ini akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


digabungkan dalam satu dimensi yang sama dan pengkaji menamakan dimensi ini sebagai sebuah kategori. Jenis-jenis kategori yang dibentuk ini akan menggambarkan hala tuju kajian ini. Berikut adalah aliran proses analisis berdasarkan *constant comparative* (Perbandingan Konstan).




*Rajah 3.1*. Proses dalam analisis *constant comparative* (Perbandingan Konstan)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, data daripada pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual telah dianalisis menggunakan kaedah analisis *constant comparative* (Perbandingan Konstan). Berdasarkan catatan pada protokol pemerhatian, data telah dianalisis untuk mengenal pasti unit-unit yang berkaitan dengan proses atau elemen yang berlaku dalam penulisan sajak bagi membentuk kategori yang menjadi hala tuju kajian ini iaitu menjana, merancang dan menghasilkan. Seterusnya, berdasarkan kategori ini, tema akan ditentukan berdasarkan objektif kajian soalan kajian iaitu makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid. Bagi data daripada analisis dokumen pula, lakaran sajak dan sajak lengkap yang ditulis oleh peserta telah dianalisis untuk mencungkil jenis-jenis gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta iaitu metafora dan personifikasi. Semasa penganalisisan dilakukan, pengkaji akan mengenal pasti perkataan dan rangkai kata yang merupakan unit-unit untuk membentuk kategori yang merupakan gaya bahasa metafora dan personifikasi, seterusnya mewujudkan tema

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berkaitan makna pemikiran mencipta dan gaya bahasa pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid.

Selain itu, maklumat daripada kaedah temu bual juga dianalisis menggunakan kaedah *constant comparative* (Perbandingan Konstan). Setiap patah perkataan dalam temu bual dipindahkan ke dalam bentuk transkrip. Proses pemindahan data mengambil masa yang agak lama dan memerlukan tumpuan pendengaran. Analisis dilakukan dengan menyusun data dan membaca secara berulang kaji bagi mendapatkan maklumat penting berkaitan objektif kajian. Seterusnya, pengkaji mengenal pasti unit-unit dan memberikan kod-kod tertentu untuk memudahkan proses mendapatkan semula data asal dan membuat rujukan silang ketika menulis laporan. Berdasarkan unit-unit ini iaitu maklumat yang dikenal pasti berkaitan makna pemikiran mencipta dan kaedah pengajaran guru, kategori dan tema dibangunkan berdasarkan objektif kajian yang pertama dan kedua. Hasil transkrip temu bual ini diteliti lebih daripada dua kali dan setiap transkrip dilabelkan dengan nama peserta, tarikh temu bual dan maklumat temu bual.

Sebelum penganalisisan data dilakukan, pengkaji akan menyediakan fail untuk setiap peserta kajian bagi memastikan dapatan yang dianalisis dalam keadaan teratur dan mudah diakses. Fail tersebut akan mengandungi maklumat diri peserta kajian seperti latar belakang maklumat perhubungan. Selain itu, pengkaji juga akan melabelkan setiap dokumen yang akan dianalisis dan setiap rakaman berserta salinan transkripsi temu bual. Bagi memudahkan proses pengurusan data tersebut, pengkaji akan menggunakan perisian Atlas.Ti. Dengan menggunakan perisian ini, pengkaji akan memberikan kod nama dan melabelkan dokumen yang dihasilkan oleh peserta iaitu pelajar dan butiran temu bual dengan peserta yang terdiri daripada guru dengan butiran seperti tarikh, masa dan keadaan persekitaran semasa sesi tersebut dijalankan ataupun bagaimana dokumen tersebut diperoleh. Menurut Othman Lebar (2018),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penggunaan perisian komputer ini akan memudahkan pengkaji untuk menyimpan dan merekod data, membentuk sistem klasifikasi, enumerasi, mencari perhubungan dan menghasilkan grafik.

### 3.6.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan adalah ketelitian seseorang pengkaji kualitatif dalam mengkonsepkan kajian dan ketelitian terhadap cara untuk mengumpul, menganalisis, mentafsir dan dapatan dipersembahkan (Creswell, 2014) dan kedua-dua perkara ini adalah amat penting dalam penyelidikan kualitatif bagi menunjukkan kemampuan dapatan kajian benar-benar menggambarkan dunia yang dikaji atau diteroka dalam kajian dengan tekal dan tepat ataupun sebaliknya (Othman Lebar, 2018). Kesahan merupakan indikator ketepatan kajian sama ada kajian yang dijalankan akan dapat memberikan gambaran yang sebenar tentang perkara yang dikaji ataupun sebaliknya. Dalam kajian ini, pengkaji menekankan empat aspek kesahan iaitu kredibiliti, kebolehpindahan, kebolehsandaran dan kebolehsahan. Seperti yang dicadangkan oleh Silverman (2013), pengkaji melaksanakan pemadanan dapatan yang diperoleh melalui temu bual, analisis dokumen dan permerhatian turut serta. Pada masa yang sama, kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini juga dapat membentuk konsep yang boleh digunakan oleh pengkaji lain yang berminat untuk mengkaji isu yang berkaitan dengan kajian ini.

Kebolehpercayaan pula adalah berkaitan dengan alat ukur yang digunakan dalam kajian iaitu sama ada ia tekal dalam mengukur sesuatu pemboleh ubah atau *construct* ataupun sebaliknya. Oleh itu, dalam kajian ini, protokol temu bual, protokol pemerhatian dan senarai semak telah menjalani semakan pakar yang terdiri daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dua orang pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mempunyai kepakaran dalam kajian kualitatif dan PdPc komsas manakala seorang pensyarah lagi adalah dari Universiti Putra Malaysia yang mempunyai kepakaran dalam kajian kualitatif. Selain itu, pengkaji juga akan melakukan jejak audit, *member checks* dan triangulasi data serta kaedah bagi meningkatkan kebolehpercayaan dalam kajian ini. Menurut Merriam dan Tisdell (2016) dan Othman Lebar (2018), jejak audit adalah penjelasan terperinci tentang cara data dikumpulkan, kategori yang diperoleh dan cara pengkaji membuat keputusan berlandaskan persoalan. Oleh itu, semasa menjalani kajian ini, pengkaji akan memastikan interpretasi data dilakukan secara sistematik dengan menanda setiap proses pengumpulan data dengan teratur.

Selain itu, pengkaji juga akan melakukan *member checks* untuk mendapatkan maklum balas mengenai data dan interpretasi awalan daripada beberapa orang yang ditemu bual sepanjang kajian dilakukan. Oleh itu, pengkaji akan berhubung semula dengan peserta kajian yang terlibat dengan temu bual iaitu guru dan murid untuk memastikan maklumat yang diperoleh tersebut adalah tepat dan memberi maksud seperti yang disampaikan oleh peserta kajian. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan triangulasi kaedah dan data bagi mewujudkan kebolehsandaran dalam kajian kualitatif (Silverman, 2013). Triangulasi kaedah melibatkan kaedah dan sumber yang pelbagai untuk menyediakan kefahaman yang mendalam terhadap peristiwa atau proses kajian daripada individu yang berbeza, jenis data yang berbeza dan kepelbagaian kaedah pengumpulan data (Creswell dan Poth, 2013) manakala triangulasi data pula melibatkan sumber data yang pelbagai.

Di samping itu, penetapan kriteria pemilihan peserta kajian ini turut membantu pengkaji untuk memperkaya lagi maklumat kajian melalui proses triangulasi. Menurut Othman Lebar (2018), bukti yang sama akan dibentuk melalui maklumat yang dikumpulkan melalui pelbagai kaedah seperti pemerhatian, temu bual dan analisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dokumen untuk mengesan tema minor dan major. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan triangulasi kaedah iaitu pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan triangulasi kaedah yang melibatkan tiga kaedah utama dalam proses pengumpulan data penyelidikan kualitatif iaitu pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual untuk mendapatkan maklumat berkaitan penerapan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid.

## 3.7 Taksonomi Bloom Semakan Anderson

Taksonomi Bloom telah menjadi tunjang pelbagai kajian dalam bidang pendidikan. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan Taksonomi Bloom Semakan Anderson berdasarkan domain kognitif. Komponen kognitif merupakan proses mental yang berkait rapat dengan kepintaran akal, kebolehan numerik am, kemahiran verbal, kemahiran menaakul dan kemahiran menyelesaikan masalah. Dalam domain kognitif, Taksonomi Bloom menekankan proses mental dan kemahiran berfikir yang disusun dari peringkat rendah ke peringkat yang tinggi. Taksonomi Bloom yang asal mengandungi enam aras atau hierarki iaitu pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian yang digunakan untuk menganalisis objektif kursus, kurikulum dan pengajian (Mohd Yusof Hassan, 2007)

Taksonomi Bloom ini diperkenalkan oleh Benjamin Bloom dan rakan-rakannya pada tahun 1956 (Bloom, Edward, Walker & David, 1956). Pada tahun 1959, Benjamin Bloom telah menyunting sebuah buku berjudul *Taxonomy of Educational Objectives Book 1-Cognitive Domain* yang mencadangkan pengelasan objektif domain kognitif kepada enam komponen iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Enam komponen ini disusun berdasarkan hierarki

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


daripada yang mudah kepada sukar yang dikenali sebagai Taksonomi Bloom. Pada bulan November 1996, Loren Anderson yang merupakan bekas anak murid Bloom bersama dengan David Krathwohl telah mengemaskinikan Taksonomi Bloom. Usaha untuk menambah baik taksonomi ini adalah sesuai dengan peredaran masa menjelang abad ke-21.

Antara perubahan yang telah dilakukan adalah dari segi terminologi taksonomi ini. Secara asasnya, keenam-enam aras atau tahap ini berubah dari kata nama kepada kata kerja. Contohnya pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian dalam bentuk kata nama ditukarkan kepada bentuk kata kerja iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Rasional penukaran kata nama kepada kata kerja adalah untuk memudahkan sesuatu tingkah laku itu diukur dan dilihat hasilnya terutama dalam pembelajaran (Tajularipin Sulaiman dan Aminuddin Hassan, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, Taksonomi Bloom yang asal mempunyai hanya satu dimensi sahaja iaitu dimensi pengetahuan manakala versi yang disemak semula terdiri daripada dua dimensi iaitu dimensi pengetahuan dan dimensi proses kognitif. Dimensi pengetahuan memfokuskan jenis pengetahuan yang dipelajari. Dimensi ini dibahagikan kepada empat bentuk iaitu pengetahuan fakta, konsep, prosedur dan metakognitif. Dalam hal ini, metakognitif merujuk kesedaran terhadap kefahaman diri dan mampu memperbaiki kefahaman tersebut jika berlaku kesalahfahaman. Dimensi proses kognitif pula memfokuskan proses yang digunakan untuk belajar iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Taksonomi Bloom Semakan Anderson yang menekankan aras kognitif ini boleh dijadikan panduan oleh guru dalam membina keupayaan murid untuk menguasai kemahiran berfikir. Pemikiran aras rendah merupakan pemikiran harian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan mekanisma pengaplikasian pengetahuan sedia ada seperti mengulangi latihan manakala pemikiran aras tinggi pula merujuk aktiviti yang mencabar keupayaan murid untuk menginterpretasi, menganalisis dan memanipulasikan maklumat (Bloom et al., 1956). Susunan ini menggambarkan bahawa kognitif adalah berhierarki dengan bermula dari aras yang rendah kepada pengetahuan yang tinggi (Tajularipin Sulaiman dan Aminuddin Hassan, 2009). Rajah 2.1 di bawah menunjukkan enam aras atau hierarki yang terdapat dalam Model Taksonomi Bloom.




*Rajah 3.2.* Aras pemikiran dalam Model Taksonomi Bloom

Berikut adalah perincian setiap aras pemikiran yang terdapat dalam Model Taksonomi Bloom:

**i) Aras pengetahuan.**

Aras pengetahuan melibatkan murid mengingat kembali perkara khusus dan universal, kaedah dan proses serta sesuatu corak struktur atau latar belakang.

**ii) Aras pemahaman**

Aras pemahaman melibatkan murid menggunakan bahan yang dipelajari tanpa perlu menghubungkannya dengan bahan yang lain. Hal ini tercapai apabila murid mampu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membuat terjemahan, pentafsiran dan ekstrapolasi terhadap perkara yang dipelajari oleh mereka.

**iii) Aras aplikasi**

Aras aplikasi merujuk kebolehan murid menggunakan maklumat yang dipelajari dalam situasi baharu yang khusus dan konkrit.

**iv) Aras analisis**

Aras analisis merujuk kebolehan murid untuk mengasingkan atau memisahkan sesuatu perkara kepada bahagian-bahagian kecil agar persamaan dan perbezaan mudah difahami.

**v) Aras sintesis**

Aras sintesis merujuk kebolehan murid untuk menggabungkan atau membentuk unsur, elemen atau bahan untuk membentuk kesimpulan yang baharu. Satu pola atau struktur baharu akan terbentuk setelah unsur, idea atau bahan digabungkan menjadi satu (bersepadu).


**vi) Aras penilaian**

Aras penilaian merujuk kebolehan murid akan membuat pertimbangan atau pengadilan untuk menilai sesuatu perkara berdasarkan pemikiran yang rasional.

Walau bagaimanapun, aras pemikiran dalam Taksonomi Bloom ini telah mengalami perubahan dalam tiga kategori iaitu istilah, struktur dan penekanan setelah berlakunya semakan oleh Loren Anderson seperti yang terdapat dalam rajah 2.2 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Rajah 3.3.* Aras Pemikiran dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson

Antara perubahan yang telah dilakukan adalah dari segi terminologi taksonomi ini. Secara asasnya, keenam-enam aras atau tahap ini berubah daripada kata nama kepada kata kerja. Contohnya pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian dalam bentuk kata nama ditukar kepada bentuk kata kerja iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Rasional penukaran kata nama kepada kata kerja adalah untuk memudahkan sesuatu tingkah laku itu diukur dan dilihat hasilnya terutama dalam pembelajaran (Tajularipin Sulaiman dan Aminuddin Hassan, 2009). Berikut adalah perincian bagi setiap aras Taksonomi Bloom Semakan Anderson.

**i) Aras mengingat**

Aras mengingat merujuk kepada proses mengingat kembali, mengenal pasti dan mengeluarkan semula pengetahuan yang relevan daripada ingatan jangka panjang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**ii) Aras memahami**

Aras memahami merujuk proses membentuk makna daripada pertuturan, penulisan dan maklumat grafik melalui penterjemahan.

**iii) Aras mengaplikasi**

Aras mengaplikasi merujuk proses menjalankan atau menggunakan sesuatu prosedur melalui implementasi atau pelaksanaan.

**iv) Aras menganalisis**

Aras menganalisis merujuk proses mengasingkan pengetahuan atau bahan-bahan kepada bahagian-bahagian tertentu dengan menentukan cara bahagian-bahagian tersebut berkaitan antara satu sama lain.

**v) Aras menilai**

Aras menilai merujuk proses membuat pengadilan berdasarkan kriteria-kriteria ataupun tahap-tahap melalui kritikan dan semakan.

**vi) Aras mencipta**

Aras mencipta merujuk proses menyatukan kesemua elemen bagi membentuk satu perkaitan yang logik atau berfungsi serentak. Elemen ini dikenal pasti melalui bentuk atau struktur yang baharu melalui penghasilan, perancangan dan pengeluaran (kreativiti).

Aras mengingat dan memahami terletak pada aras pemikiran yang rendah ataupun dikenali sebagai *konvergen*. Pemikiran aras rendah merupakan proses pemikiran yang rutin dan penggunaan kognitif adalah terhad. Menurut Onosko dan Newmann (1994) dalam Tajularipin Sulaiman dan Aminuddin Hassan (2009), proses ini menghasilkan lebih banyak operasi mental yang berupa pengulangan. Pemikiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


aras rendah ini lebih menfokuskan pengumpulan, pengelasan dan penyimpanan maklumat dan ingatan sahaja tanpa melibatkan penghasilan atau penciptaan sesuatu yang baharu atau kreatif serta tidak memerlukan aktiviti mental yang rumit. Aras mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta pula terletak pada aras pemikiran yang tinggi ataupun *divergen*. Pemikiran aras tinggi ini melibatkan penggunaan minda secara meluas bagi menghadapi cabaran baharu apabila seseorang perlu mentafsir, menganalisis atau memanipulasikan maklumat bagi menjawab soalan yang sukar ataupun menyelesaikan masalah yang dihadapi. Pemikiran aras tinggi ini merupakan perluasan maklumat yang sedia ada dalam minda untuk menghasilkan sesuatu yang baharu.

Krathwohl (2010) telah memperincikan struktur dalam proses kognitif berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Semasa proses kognitif berlaku dalam tahap pemikiran mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta, terdapat beberapa struktur kognitif yang akan terlibat. Berikut ialah struktur yang terlibat dalam proses kognitif yang melibatkan enam tahap pemikiran.

1.0 Mengingat - Mengambil pengetahuan dari memori jangka panjang
    1.1 Mengenali
    1.2 Mengingat kembali
2.0 Memahami - Menentukan makna pengajaran termasuk lisan, bertulis dan bahan grafik
    2.1 Pentafsiran
    2.2 Menerangkan
    2.3 Pengelasan
    2.4 Merumuskan
    2.5 Menyimpulkan
    2.6 Membandingkan
    2.7 Menjelaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3.0 Mengaplikasikan - Menggunakan sesuatu prosedur dalam keadaan tertentu
    3.1 Melaksanakan
    3.2 Mengimplementasikan
4.0 Menganalisis - Memecahkan bahan kepada bahagian tertentu dan mengesan bagaimana bahagian tersebut saling berkaitan dan keseluruhan struktur atau tujuan.
    4.1 Membezakan
    4.2 Menyusun
    4.3 Mengaitkan
5.0 Menilai - Membuat penilaian berdasarkan kriteria dan piawaian.
    5.1 Memeriksa
    5.2 Mengkritik
6.0 Mencipta - Menggabungkan elemen untuk membentuk keseluruhan idea yang baharu, koheren atau menghasilkan produk yang asli.
    6.1 Menjana
    6.2 Merancang
    6.3 Menghasilkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Taksonomi Bloom Semakan Anderson telah diaplikasikan dalam bidang pendidikan secara meluas kerana taksonomi ini menjadi panduan kepada guru-guru untuk mengenal pasti perbezaan tahap kognitif murid. Guru dan murid berpeluang untuk mempelajari dan mempraktikkan tahap-tahap kognitif dan melengkapkan struktur yang mudah dalam menjawab pelbagai soalan dan menggunakan pemikiran untuk menyelesaikan masalah. Selain itu, taksonomi ini membantu guru untuk membina objektif PdPc dengan betul dan jelas kerana guru dapat mempertimbangkan kepelbagaian aras kognitif dalam kalangan murid. Murid yang berada pada aras pemikiran yang rendah akan mendapat faedah daripada PdPc yang dirancang dengan lebih rapi melalui bahan pengajaran, buku teks ataupun daripada guru sendiri manakala murid yang berada pada aras kognitif yang tinggi pula memerlukan lebih banyak teks yang mempunyai kepelbagaian maklumat dan konsep.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Seterusnya, aras kognitif berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson ini boleh digunakan oleh guru bagi memilih dan menyusun objektif PdPc dalam sesebuah mata pelajaran. Dalam PdPc, guru memulakan dengan set induksi terlebih dahulu ataupun memperkenalkan sesuatu konsep yang berkaitan dengan isi pelajaran yang akan diajarkan sebelum meneruskan sesi PdPc selanjutnya. Penguasaan tahap-tahap tertentu pada aras rendah harus dilakukan dahulu sebelum murid diberi peluang untuk menguasai tahap yang lebih tinggi. Murid akan dapat menjalani sesi PdPc dengan sistematik sekiranya guru mempunyai objektif pengajaran yang jelas. Justeru, guru haruslah merancang dan menyediakan objektif PdPc dengan jelas dan berfokus agar dapat meningkatkan pencapaian tanpa mengambil kira aras pembelajaran yang terlibat. Isi pelajaran yang melibatkan aras rendah dalam Taksonomi Bloom ini akan memberi faedah lebih banyak apabila guru mempunyai objektif yang nyata. Murid yang berada pada aras pertengahan akan mendapat faedah yang lebih baik apabila digunakan objektif Pdpc daripada murid yang mempunyai keupayaan kognitif rendah atau tinggi (Tajularipin Sulaiman dan Aminuddin Hassan, 2009).

Oleh itu, Taksonomi Bloom Semakan Anderson ini diaplikasikan dalam kajian ini dengan memberi tumpuan kepada aras pemikiran mencipta iaitu aras tertinggi dalam hierarki taksonomi ini. Hal ini dikatakan demikian kerana proses penulisan sesebuah sajak memerlukan pemikiran yang kreatif dalam usaha memilih dan menggunakan bahasa bagi membentuk idea yang baharu. Oleh itu, kajian ini akan meneliti proses atau tahap menjana, merancang dan menghasilkan idea yang terdapat dalam aras pemikiran mencipta berdasarkan penulisan sajak murid tingkatan dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.8 Teori Konstruktivisme

Konstruktivisme berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *construct* yang membawa maksud membina. Menurut Von Glaserfeld (1989) dalam (Norafidah Noralidin, 2017), teori Konstruktivisme merupakan teori pengetahuan yang berasal dari bidang falsafah, psikologi dan *cybernetics.* Teori Konstruktivisme menjelaskan bahawa pembelajaran adalah bersifat aktif, dinamik dan berkembang sedikit demi sedikit sepanjang hayat seseorang individu. Seseorang individu itu mampu untuk membina sendiri makna sesuatu pengetahuan berasaskan pengetahuan sedia ada mereka secara aktif (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Murid tidak akan menerima saja pengetahuan baharu sebaliknya akan membina pengetahuan atau pengalaman tersebut berdasarkan pengetahuan dan pengalaman lampau mereka. Pengetahuan dan pengalaman ini dikembangkan secara aktif oleh murid itu sendiri dan tidak diterima daripada persekitarannya. Hal ini bermakna pembelajaran yang berlaku adalah hasil daripada usaha murid itu sendiri dan bukannya dipindahkan daripada guru kepada murid.

Idea berkaitan teori Konstruktivisme ini adalah berasal daripada Teori Perkembangan Kognitif Piaget dan Teori Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) oleh Vygotsky (Junaidy Mohamad Hashim, 2017). Berdasarkan teori Konstruktivisme ini, Piaget berpendapat bahawa sumber ilmu pengetahuan murid adalah proaktif manakala Vygotsky yang merupakan penyokong Konstruktivisme yang bersifat kolektif pula berpendapat ZPD adalah prestasi murid di bawah bantuan orang dewasa, guru ataupun rakannya yang mempunyai kebolehan menyelesaikan masalah melebihi dirinya sendiri bagi mencapai perkembangan peringkat potensi yang lebih tinggi (Harry Daniels, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Teori Konstruktivisme ini ialah satu fahaman yang mencadangkan supaya murid mempelajari sesuatu dengan cara membina sendiri pemahaman yang bermakna kepada diri mereka. Menurut Norafidah Noralidin, (2017) unsur penting yang perlu diketahui oleh guru berdasarkan teori ini adalah seperti berikut:

i. Guru mengambil kira pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid;

ii. Pembelajaran adalah hasil usaha murid itu sendiri;

iii. Pembelajaran berlaku apabila murid menghubungkan idea asal dengan idea yang baharu bagi menstrukturkan semula idea mereka; dan

iv. Murid berpeluang untuk bekerjasama, berkongsi idea dan pengalaman serta membuat refleksi.

Konstruktivisme ialah satu falsafah pembelajaran yang berdasarkan proses refleksi tentang pengalaman yang dilalui oleh seseorang. Setiap orang menjana peraturan dan model minda sendiri yang kemudiannya akan menggunakannya untuk memahami pengalaman sendiri. Secara ringkasnya, berdasarkan teori Konstruktivisme ini, pembelajaran adalah satu proses menyesuaikan model minda murid bagi menghadapi pengalaman baharu. N.S. Rajendran (2017) telah menyenaraikan lima ciri yang berkaitan dengan prinsip teori Konstruktivisme ini iaitu:

i. Pembelajaran adalah satu pencarian kepada makna dan pengertian. Oleh itu, pembelajaran mesti bermula dengan isu-isu di sekeliling yang difikirkan oleh murid dalam usaha membina makna dan pengertian;

ii. Makna dan bahagian-bahagiannya perlu difahami secara menyeluruh dalam konteksnya. Maka, proses pembelajaran mestilah berfokus kepada konsep asas dan bukannya fakta secara berasingan;

iii. Bagi mewujudkan pengajaran yang berkesan, guru mestilah memahami model minda yang digunakan oleh murid supaya menerima dunia dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


anggapan yang digunakan oleh mereka bagi menyokong model yang dibina; dan

iv. Tujuan pembelajaran adalah membina makna murid sendiri dan bukannya menghafal jawapan dan meluahkan semula makna daripada orang lain. Oleh itu, penilaian menjadi sebahagian daripada proses pengajaran bagi memberikan maklumat kepada murid tentang kualiti pembelajarannya.

Selain itu, menurut Glaserfeld (1989) dalam Junaidy Mohamad Hashim (2017), konsep Konstruktivisme berasaskan beberapa andaian seperti berikut:

i. Ilmu pengetahuan adalah dibentuk oleh individu yang mengambil inisiatif sendiri;

ii. Tujuan membentuk ilmu adalah untuk mengubah suai diri dalam alam sekitarnya; dan

iii. Proses pembentukan ilmu merupakan hasil rasionalisasi pengalaman individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jelaslah bahawa teori Konstruktivisme merupakan satu pendekatan yang didapati sesuai untuk dipraktikkan dalam PdPc. Berdasarkan teori ini, murid dianggap telah mempunyai idea yang tersendiri tentang sesuatu konsep yang belum dipelajari. Idea tersebut mungkin benar ataupun sebaliknya. Oleh itu, guru perlu mengambil kira idea dan struktur kognitif yang sedia ada pada murid bagi membantu mereka membina konsep atau pengetahuan baharu. Apabila maklumat baharu ini telah disesuaikan dan diserap untuk dijadikan sebahagian daripada pegangan kuat mereka, bentuk baharu tentang sesuatu ilmu pengetahuan akan dapat dibina. Proses ini dinamakan Konstruktivisme.

Mengikut pandangan ahli Konstruktivisme, setiap orang murid mempunyai peranan dalam menentukan perkara yang dipelajari. Hal ini bermakna pemikiran murid bukanlah kosong dan penekanan diberi kepada murid supaya mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berpeluang untuk membentuk kemahiran dan pengetahuan iaitu dengan mengaitkan pengalaman lampau untuk kegunaan pada masa hadapan. Murid bukan sahaja diberi penekanan berkaitan dengan fakta sahaja tetapi kepada proses berfikir dan kemahiran berkomunikasi. Berdasarkan teori Konstruktivisme ini, murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka yang sedia ada. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu berdasarkan beberapa ciri-ciri yang perlu diambil kira oleh seseorang guru.

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014), murid yang mengikuti PdPc berteraskan teori Konstruktivisme mempunyai ciri-ciri yang berikut:

i. Murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada;

ii. Guru perlu mengemukakan soalan aras tinggi supaya murid dapat berfikir dan menggunakan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru; dan

iii. Guru harus menggalakkan murid mencari jawapan sendiri.

Rumusan berkaitan ciri-ciri pembelajaran berasaskan teori Konstruktivisme berdasarkan kajian yang lepas adalah adalah seperti berikut:

i. Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Pengetahuan murid adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh murid dan bukannya pengajaran yang diterima secara pasif;

ii. Guru berperanan sebagai fasilitator yang membantu murid membina pengetahuan dan menyelesaikan masalah;

iii. Guru juga sebagai pereka bentuk bahan pengajaran yang menyediakan peluang kepada murid untuk membina pengetahuan baharu. Guru akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengenal pasti pengetahuan sedia ada murid dan merancang kaedah pengajaran berdasarkan sifat asas pengetahuan tersebut;

iv. Mengambil kira kepercayaan dan sikap yang dibawa oleh murid, menggalakkan murid berdialog dengan murid yang lain dan guru menggalakkan proses inkuiri murid melalui kajian dan eksperimen, memberi peluang kepada murid untuk membina pengetahuan baharu dengan memahaminya melalui penglibatan mereka dalam dunia yang sebenar, mengambil kira dapatan kajian tentang cara murid mempelajari sesuatu idea, menyokong pembelajaran secara koperatif, menganggap pembelajaran sebagai satu proses yang mempunyai kepentingan yang sama dengan hasil pembelajaran, menggalakkan dan menerima daya usaha dan autonomi pelajar serta menggalakkan soalan atau idea yang dimulakan oleh pelajar untuk dijadikan sebagai panduan bagi merancang pengajaran.

Oleh itu, dalam konteks kajian yang berkaitan amalan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid ini, teori Konstruktivisme diaplikasikan dalam penulisan sajak murid. Murid akan berusaha untuk mencipta sajak secara individu berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan penguasaan bahasa mereka supaya dapat menyampaikan idea yang berkesan dalam penulisan sajak. Selain itu, kajian yang dilakukan ini melibatkan masa di luar waktu pembelajaran dan tidak melibatkan proses PdPc di dalam bilik darjah. Hal ini bertepatan dengan gagasan teori Konstruktivisme ini yang menyatakan bahawa murid membina pengetahuan dan pengalaman baharu berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada pada diri mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 3.9 Kerangka Kajian

Kerangka kajian merupakan garis kasar tentang pelaksanaan sesuatu kajian. Menurut Othman Lebar (2018), sesuatu kajian atau penyelidikan yang akan dijalankan memerlukan soalan atau fokus yang memandu penyiasatan dan pelan untuk melaksanakannya. Berikut adalah kerangka kajian yang menjadi dasar kepada kajian ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 3.4.* Kerangka Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan objektif kajian ini dapat dirumuskan perkaitan antara soalan kajian, alat kajian, pelaksanaan kajian dan penganalisisan data untuk memudahkan pemahaman secara keseluruhan berkenaan prosedur kajian. Jadual di bawah menunjukkan perkaitan tersebut:

Jadual 3.3

*Perkaitan antara objektif kajian, kaedah dan alat kajian, pelaksanaan dan analisis data.*

| Bil | Objektif Kajian | Kedah dan Alat Kajian | Pelaksanaan | Analisis Data |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Mengenal pasti makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom. | 1. Pemerhatian (protokol pemerhatian)<br>2. Analisis dokumen (senarai semak)<br>3. Temu bual (protokol temu bual) | 1. Memerhati proses penciptaan sajak oleh murid<br>2. Menganalisis sajak yang dicipta oleh murid<br>3. Menemu bual murid | *Constant comparative* |
| 2 | Meneliti jenis gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom. | 1. Analisis dokumen (senarai semak)<br>2. Analisis dokumen (Sajak) | Menganalisis sajak yang dicipta oleh murid | *Constant comparative* |
| 3 | Menjelaskan kaedah pengajaran guru untuk menerapkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua. | Temu bual (protokol temu bual) | Menemu bual guru | *Constant comparative* |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.10 Rumusan

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian. Pengkaji menumpukan reka bentuk kualitatif menggunakan pendekatan kajian fenomenologikal yang membolehkan kajian ini menjawab soalan kajian yang berkaitan dengan pemikiran mencipta murid. Peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Proses penulisan sajak oleh peserta akan diperhatikan dan penelitian dilakukan terhadap sajak ini selain temu bual bersama dengan guru. Penganalisisan data dilakukan dengan membentuk tema yang akan dikenal pasti melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Pemilihan Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan teori Konstruktivisme dalam kajian ini adalah untuk menjelaskan bahawa amalan dan proses pemikiran mencipta dalam kalangan peserta kajian adalah berkaitan dengan pengalaman yang dialami oleh peserta itu sendiri. Secara keseluruhannya, perkara yang dibincangkan di dalam bab ini seperti pendekatan kajian, peserta kajian, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data, kaedah penganalisisan data, Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan teori Konstruktivisme ini membolehkan pengkaji untuk memahami dan meneliti pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 4

# DAPATAN KAJIAN

## 4.1 Pengenalan

Penulisan bab empat ini membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan maklumat dan data yang diperoleh oleh pengkaji. Bab ini menjawab tiga soalan kajian yang telah dinyatakan pada peringkat awal kajian. Data dan maklumat dalam kajian ini diperoleh melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual yang telah dijalankan kepada peserta kajian yang terdiri daripada lima orang murid dan seorang guru. Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah kluster di Negeri Sembilan. Penganalisisan data dan maklumat dilakukan berdasarkan tatacara yang telah dirancang pada peringkat awal kajian. Oleh hal yang demikian, data yang dikumpulkan ini adalah untuk menjawab tiga soalan kajian ini iaitu:

i. Apakah makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson?

ii. Apakah yang difahami tentang jenis gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


iii. Bagaimanakah kaedah pengajaran guru untuk menerapkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua?

Hasil pembelajaran murid yang terdapat dalam DSKP Bahasa Melayu tingkatan dua telah menetapkan bahawa murid perlu menghasilkan sajak daripada bahan rangsangan dan tema yang diberi berdasarkan pengalaman murid secara kreatif. Oleh itu, kajian ini menggunakan dua tema daripada buku teks Bahasa Melayu tingkatan dua yang berkisar tentang jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan serta alam sekitar dan teknologi hijau. Berikut adalah perincian tema bahan rangsangan yang akan digunakan oleh peserta murid dalam penulisan sajak:

Jadual 4.1

*Tema bahan rangsangan penulisan sajak*

| Bil | Tema | Tajuk | Bentuk |
|---|---|---|---|
| 1 | Jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan | Keistimewaan Tanah Airku | Gambar |
| 2 | Alam sekitar dan teknologi hijau | Dua Wajah Alam | Poster |

## 4.2 Dapatan Kajian

### 4.2.1 Soalan Kajian 1 : Apakah makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson?

Dapatan bagi menjawab soalan kajian ini adalah berdasarkan maklumat melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Dapatan melalui pemerhatian dan rakaman video diperolehi dengan melakukan pemerhatian terhadap proses penulisan sajak oleh peserta murid sejak dari awal hingga aktiviti penulisan sajak berakhir untuk menjelaskan maklumat berkaitan makna dan amalan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak yang merangkumi proses menjana, merancang dan menghasilkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, temu bual bersama dengan peserta kajian dan analisis dokumen terhadap borang lakaran sajak (BLS) dan borang penulisan sajak (BPS) juga dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan data yang lebih lengkap dan menyeluruh.

Dapatan terhadap makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak akan dijadikan sebagai tema bagi soalan kajian ini, iaitu :

1. Menjana;
2. Merancang; dan
3. Menghasilkan.

Penulisan sajak boleh dilakukan dengan pelbagai cara berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran seseorang. Oleh itu, ketiga-tiga tema ini akan menjelaskan makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak. Menurut Krathwohl (2010), pemikiran mencipta melibatkan tiga elemen yang utama iaitu menjana, merancang dan menghasilkan untuk menyatukan bahagian tertentu bagi membentuk sesuatu yang baharu atau membina sesuatu produk yang asli. Dapatan kajian daripada pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual telah mengesahkan bahawa peserta kajian memahami makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak. Peserta memahami bahawa pemikiran mencipta berlaku apabila idea dan bahasa disusun untuk membentuk sajak melalui proses menjana, merancang dan menghasilkan berdasarkan dua tema bahan rangsangan iaitu tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan dan tema alam sekitar dan teknologi hijau.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.2.1.1 Menjana

Menjana ialah langkah atau proses yang pertama dalam pemikiran mencipta. Menjana dalam kajian ini merujuk kepada proses menjelaskan atau menterjemahkan idea dan pemikiran yang ingin disampaikan oleh peserta dalam penulisan sajak. Selain mengungkapkan kata-kata yang indah dan penglahiran perasaan, sajak juga mengandungi pemikiran ataupun idea berdasarkan tema tertentu. Berdasarkan pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual, didapati semua peserta kajian menjana idea dan pemikiran dengan pelbagai cara yang berbeza bagi menjelaskan tema bahan rangsangan iaitu jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan dan tema alam sekitar dan teknologi hijau. Proses menjana idea dan pemikiran ini merangkumi tiga perkara yang penting iaitu:

1. Medan idea;
2. Mesej dan pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**a) Medan Idea**

Medan Idea dalam penulisan sajak ialah gagasan idea dan pemikiran yang disampaikan oleh peserta melalui penulisan sajak. Berdasarkan pemerhatian, kelima-lima peserta kajian membina medan idea dalam penulisan sajak berdasarkan dua tema bahan rangsangan yang telah ditetapkan. Medan idea ini diperluaskan lagi berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan imaginasi peserta supaya idea atau pemikiran yang disampaikan melalui penulisan sajak akan memberi kesan yang mendalam kepada pembaca. Perluasan idea ini berkisar dalam ruang lingkup tema-tema ini.

**i) Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan**

Bagi tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan, bahan rangsangan yang bertajuk “Keistimewaan Tanah Airku” digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan analisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dokumen didapati semua peserta menjana medan idea dalam penulisan sajak adalah dengan berdasarkan sumber daripada bahan rangsangan yang terdiri daripada enam gambar berserta keterangan iaitu “Deruan air mengasyikkan” (G1), “Keindahan pantai memukau” (G2), “Keindahan alam menggamit kenangan” (G3), “Warisan Teguh Berdiri” (G4), “Memelihara warisan pribumi” (G5) dan “Budaya ialah citra bangsaku” (G6). Medan idea yang disampaikan berkisar tentang tajuk keistimewaan Malaysia yang terdapat pada gambar-gambar dalam bahan rangsangan tersebut. Jadual berikut menjelaskan idea yang dijana oleh peserta kajian berdasarkan bahan rangsangan daripada tema ini:

Jadual 4.2

*Idea berdasarkan bahan rangsangan bagi tema Jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| Peserta | Idea | Bahan Rangsangan |
|---|---|---|
| P1 | Malaysia sebagai warisan yang teguh hasil daripada perjuangan wira terdahulu. | Warisan teguh berdiri (G1) |
| P2 | Keistimewaan tanah air yang mempunyai pantai yang indah dan masyarakat berbilang kaum. | Keindahan pantai yang memukau (G2)<br>Warisan teguh berdiri (G3)<br>Keindahan alam menggamit kenangan (G4)<br>Budaya ialah citra bangsaku (G6) |
| P3 | Keistimewaan tanah air yang mempunyai suasana alam yang sangat indah, warisan dan budaya yang masih kukuh hasil daripada perjuangan pahlawan dahulu. | Deruan air mengasyikkan (G1)<br>Keindahan pantai yang memukau (G2)<br>Warisan teguh berdiri (G3)<br>Keindahan alam menggamit kenangan (G4)<br>Memelihara warisan pribumi (G5)<br>Budaya ialah citra bangsaku (G6) |

*(Bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.2 *(Sambungan)*

| Peserta | Idea | Bahan Rangsangan |
|---|---|---|
| P4 | Keistimewaan Malaysia yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan hidup dalam keadaan aman serta alam yang sangat indah. | Deruan air mengasyikkan (G1)<br>Keindahan pantai yang memukau (G2)<br>Warisan teguh berdiri (G3)<br>Keindahan alam menggamit kenangan (G4)<br>Memelihara warisan pribumi (G5)<br>Budaya ialah citra bangsaku (G6) |
| P5 | Malaysia yang mempunyai suasana alam yang indah dan menenangkan serta perayaan rumah terbuka diadakan. | Deruan air mengasyikkan (G1)<br>Keindahan pantai yang memukau (G2)<br>Budaya ialah citra bangsaku (G6) |

Berdasarkan jadual 4.2, setiap peserta didapati berjaya menjana idea dalam sajak berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan. Idea yang disampaikan melalui sajak berkisar tentang keistimewaan Malaysia yang terdapat pada gambar-gambar dalam bahan rangsangan. Penjelasan idea dan pemikiran ini mempunyai perkaitan dengan jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan.

Peserta P1 menjana idea tentang keistimewaan Malaysia berdasarkan satu gambar sahaja iaitu “Warisan berdiri teguh” (G1) yang terdapat dalam bahan rangsangan bagi menjelaskan bahawa Malaysia ialah warisan yang teguh hasil daripada perjuangan tokoh-tokoh terdahulu dalam mempertahankan tanah air. Kemerdekaan Malaysia yang dicapai sejak 63 tahun dahulu adalah hasil daripada semangat juang dan pengorbanan generasi dahulu. Hasil pengorbanan dan perjuangan ini, rakyat Malaysia kini hidup dengan aman tanpa ada pertumpahan darah lagi seperti yang ditunjukkan dalam petikan sajak yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kini, tidak lagi ku melihat

Pertumpahan darah

Tidak lagi ku mendengar tangisan

Yang menghancurkan hati

Kini air mata mengalir tanda ku bahagia,

Tanda ku cinta

Inilah tanah air ku yang tercinta

Inilah tanah airku Malaysia.

(P1/AD/T1/R4)

Idea ini adalah hasil peluasan idea peserta berdasarkan isi "Warisan Teguh Berdiri" bagi memaparkan tema berkaitan patriotisme. Peserta P1 melahirkan perasaan cintanya terhadap warisan negara seperti bangunan Stesen Keretapi Kuala Lumpur. Seterusnya, peserta P1 membuat perkaitan idea dengan semangat dan jasa pejuang yang mempertahankan negara. Melalui temu bual juga, peserta P1 turut mengakui tentang perkara ini:

"Saya baca dulu dia punya tajuk kan. Lepas tu, saya tengok la kalau ada gambar, saya tengok gambar dia. Lepas tu saya cari idea"

(P1/T1/Tb1)

Selain itu, peserta P1 ini juga mengembangkan medan idea berdasarkan pengetahuan dan fikirannya sendiri. Peserta menambahkan idea baharu yang berkaitan dengan sambutan hari kemerdekaan yang ke-63 dan Dataran Merdeka. Peserta ini menjelaskan bahawa 63 tahun yang lepas, sambutan hari kemerdekaan yang diadakan di Dataran Merdeka bagi membebaskan negara daripada penjajahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan pertumpahan darah rakyat. Laungan perkataan “Merdeka” ini telah membahagiakan peserta. Perkara ini turut diakui oleh peserta berdasarkan data temu bual berikut :

> “Dia punya tajuk macam kalau cakap keistimewaan tanah airku, saya fikir pasal tanah air.”
>
> (P1/T1/Tb1)

Peserta 2 pula memaparkan idea berkaitan keistimewaan Malaysia berdasarkan gambar “pantai yang memukau” (G2), “Warisan teguh berdiri” (G3), “Keindahan alam menggamit kenangan” (G4) dan “Budaya ialah citra bangsaku” (G6). Berdasarkan bahan rangsangan ini, peserta menjelaskan bahawa dia sangat bersyukur kerana dilahirkan dan dibesarkan di Malaysia. Pada perenggan kedua sajak, peserta ini menjana idea berkaitan keindahan pantai di Malaysia yang mempersonakan dengan deruan ombak dan angin yang bertiup di pantai sehingga dapat meredakan perasaan marah seperti yang ditunjukkan dalam petikan sajak di bawah:

> Bunyi ombak yang mengasyikkan
> Keindahan pantai yang mempersonakan
> Angin bertiup terasa di tubuhku
> Memadamkan barah di hati
> Keindahan alam memukau pandangan
> Menjadi kenangan indah
>
> (P2/AD/T1/R2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Seterusnya, P2 juga turut menjelaskan bahawa warisan negara perlu dipelihara untuk tatapan generasi akan datang. Bangsa Malaysia yang berbilang kaum hidup dalam keadaan aman dan mempunyai hubungan yang rapat seperti dalam petikan sajak berikut:

> Bangsaku berbilang kaum
> Tiada dendam disimpan
> Tiada marah pergaduhan
> Walau bukan sahabat karib
> Walau bukan pertalian darah
>
> (P2/AD/T1/R4)

Peserta P2 ini juga menjana idea penulisan sajak berdasarkan imaginasi. Peserta ini berimaginasi untuk menggambarkan keindahan pantai dengan membayangkan dia sendiri berada di pantai yang indah dan perkara yang dilakukan ketika berada di situ seperti yang ditunjukkan melalui data temu bual berikut:

> “Saya bayangkan saya tengok gambar tu, saya berada kat situ. Macam saya memang ada kat situ. Lepas tu, apa yang saya buat kat situ”
>
> (P2/TB/T1)

Peserta P3 juga memaparkan idea berkaitan keistimewaan Malaysia yang terdapat dalam bahan rangsangan. Idea ini diperluas berdasarkan keenam-enam gambar iaitu “Deruan air mengasyikkan” (G1), “Keindahan pantai memukau” (G2), “Keindahan alam menggamit kenangan” (G3), “Warisan Teguh Berdiri” (G4), “Memelihara warisan pribumi” (G5) dan “Budaya ialah citra bangsaku” (G6) yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


terdapat dalam bahan rangsangan. Berdasarkan gabungan idea daripada enam gambar ini peserta memaparkan bahawa Malaysia sungguh beruntung kerana mempunyai alam sekitar yang indah, deruan air yang memberikan ketenangan dan suasana pantai yang indah seperti dalam petikan sajak berikut:

Rimbunan padi sudah menguning
Kedengaran air yang mula mengalir
Yang mula mengalirkan air membawa ketenangan
Air yang datang mengalir dari syurga
Air yang menjadikan ibu pertiwi tanah yang beruntung

(P3/AD/T1/R1)

Peserta ini juga menjelaskan bahawa warisan negara masih kekal walaupun negara sudah mengalami kemodenan seperti dalam petikan sajak di bawah:

Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
Teguhnya berdiri si warisan,
Warisan yang tidak akan pernah dimamah masa,
Warisan yang berdiri di tengah arus kemodenan,
Tetap terapung dan tidak pernah tenggelam

(P3/AD/T1/R2)

Seterusnya, peserta P4 pula menjana idea berdasarkan enam gambar dalam bahan rangsangan tema ini iaitu “Deruan air mengasyikkan” (G1), “Keindahan pantai memukau” (G2), “Keindahan alam menggamit kenangan” (G3), “Warisan Teguh Berdiri” (G4), “Memelihara warisan pribumi” (G5) dan Budaya ialah citra bangsaku”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(G6) yang terdapat dalam bahan rangsangan bagi memaparkan tema yang berkaitan dengan jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan. Hal ini dijelaskan melalui temu bual berikut :

> "Ya, boleh membayangkan seperti ada..ada aa boleh bayangkan ayat-ayat kalau nampak ayat tu boleh membayangkan situasi yang dia cuba sampaikan"

(P4/TB/T1)

Oleh itu, berdasarkan gambar-gambar ini, P4 menjelaskan bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang sangat istimewa kerana dikelilingi oleh alam sekitar yang indah yang dapat memberikan ketenangan seperti dalam petikan sajak berikut:

Semua kaum yang tinggal di tanah airku
Memakai baju berwarna-warni
Ada yang semerah-merah darah
Ada yang kehijauan seperti daun yang subur
Melambai-lambai di tepi pantai
Ditiup angin yang nyaman
Di pantai burung berkicau
Semerdu irama lagu dan terbang tinggi

(P4/AD/T1/R4)

Seterusnya, P4 ini meluaskan lagi medan idea berdasarkan pengetahuannya tentang sejarah Malaysia dengan menjelaskan bahawa keamanan yang wujud di Malaysia ini adalah hasil perjuangan tentera dahulu dan takdir daripada Tuhan seperti yang digambarkan dalam petikan sajak di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Negara yang damai
Semua ini dengan izin Tuhan
Dan pengorbanan tentera-tentera
Tanpa pertumpahan darah tentera Melayu
Tidak adanya pelbagai budaya
Tidak adanya pelbagai kaum hidup bersatu
Tidak adanya senyuman di muka
Gembira telah merdeka

(P4/AD/T1/R2)

Selain itu, P4 juga menjana idea melalui pengalaman hidupnya yang dilahirkan dan membesar di Malaysia dengan melahirkan rasa syukur kerana dilahirkan di bumi Malaysia yang bebas dari penjajahan. Jasa tentera ini juga dikenang kerana hasil perjuangan mereka telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman. Keistimewaan Malaysia tidak dapat dibandingkan dengan negara lain seperti dalam petikan sajak di bawah:

Terima kasih wahai Tuhanku
Kerana aku lahir di Malaysia
Yang bebas dari penjajahan
Yang bebas dari kekejaman dan ketidakadilan
Tidak kulupa jasa tentera Melayu
Yang sanggup berkorban demi negara
Kaulah yang berjaya membuatkan Malaysia
Aman dan damai
Tanpamu meranalah kami
Terima kasih Malaysia,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kerana keistimewaanmu susah kucari

Di negara yang lain.

(P4/AD/T1/R5)

Hal ini juga dijelaskan berdasarkan temu bual berikut :

"kadang-kadang ada yang sedikit dia ceritakan pasal pengalaman belakang, ada yang cerita tentang pengalaman *straight*, terus ke hala tuju sajak tu..aa..ada juga sajak yang aa..dia macam menceritakan tentang apa"

(TB1/P2/T1)

Seterusnya, peserta P5 juga menjana idea berdasarkan bahan rangsangan bagi membentuk medan idea berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan. Empat gambar iaitu "Deruan air mengasyikkan" (G1), "Keindahan pantai memukau" (G2), "Warisan Teguh Berdiri" (G4) dan "Budaya ialah citra bangsaku" (G6) dipilih untuk menjelaskan keistimewaan Malaysia. Berdasarkan analisis dokumen yang dilakukan, didapati peserta P5 menjana idea daripada G2 bagi menggambarkan keindahan di pantai. P5 mengenang kembali dia bersandar di pohon kelapa sambil menikmati keindahan pantai dengan angin yang bertiup kuat dan daun kelapa yang melambai-lambai seperti dalam petikan sajak berikut:

Daun kelapa melambai-lambai

Angin memukul hingga ke laut kebiruan

Bersandar di bawah pohon kelapa yang tinggi lampai

Kenangan manis terimbas kembali

(P5/AD/T1/R1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Seterusnya, peserta P5 menggabungkan idea yang terdapat dalam G1 dan G4 bagi menggambarkan keindahan alam yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan kedua-dua gambar ini, P5 menjana idea untuk menggambarkan kesegaran dan ketenangan di hutan pada waktu pagi. Keadaan hutan yang sunyi, burung yang berkicau dan air terjun yang deras telah menjadikan udara persekitaran adalah segar dan bersih. Keadaan ini menyebabkan proses pernafasan berlaku dengan mudah seperti dalam petikan sajak di bawah:

> Kesunyian pagi hutan paya bakau
> Dipecah oleh kicau-kicauan burung
> Aliran air terjun yang deras
> Menghempas batu bata di sekelilingnya
> Paru-paru berasa senang
> Menyedut udara segar dan nyaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(P5/AD/T1/R2)

Selain bahan rangsangan, peserta P5 ini juga menjana idea berdasarkan imaginasi atau gambaran sendiri tentang idea yang ingin disampaikan seperti dalam temu bual berikut:

> “Dalam minda saya tergambar tentang apa yang sedang berlaku di dunia ini. Tentang sesuatu..tentang alam sekitar, saya berfikir tentang apa yang sedang berlaku kepada alam sekitar seperti hutan, flora dan fauna, hutan tropika seperti itu...”

(P5/TB1/T1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Seterusnya, berdasarkan “Budaya ialah citra bangsaku” (G6), peserta P5 memperluas medan idea untuk menggambarkan kepelbagaian kaum di Malaysia yang menyambut pelbagai perayaan. Semasa sambutan perayaan tersebut, rumah terbuka diadakan dan pelbagai makanan yang enak dihidangkan mengikut kaum masing-masing seperti dalam petikan sajak di bawah:

Tibanya perayaan di tanah air
Rakyat tidak sabar untuk rumah terbuka
Sate, kuih bulan, maruku
Variasi juadah tersohor di Malaysia
Nafsu makanan pun bergelora
Perut kenyang tenang bersendawa

(P5/AD/T1/R3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, medan idea dalam penulisan sajak oleh semua peserta kajian ini merangkumi tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan. Medan idea ini dijana oleh peserta berdasarkan gambar-gambar yang terdapat dalam bahan rangsangan. Seterusnya, medan idea ini diperluas lagi berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan imaginasi peserta itu sendiri. Jelaslah bahawa peserta kajian ini telah melakukan langkah atau proses yang pertama dalam pemikiran mencipta iaitu menjana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**ii) Tema alam sekitar dan teknologi hijau**

Bagi tema alam sekitar dan teknologi hijau, bahan rangsangan berbentuk gambar yang bertajuk “Dua wajah alam” digunakan untuk penulisan sajak. Gambar ini terbahagi kepada dua bahagian yang menggambarkan dua keadaan bumi yang berbeza iaitu sebelum dan selepas pencemaran. Pada gambar sebelum pencemaran terdapat tiga perkataan iaitu “damai”, “segar” dan “indah” manakala pada gambar selepas pencemaran terdapat tiga perkataan iaitu “sengsara”, “sesak” dan “gersang”.

Berdasarkan analisis dokumen didapati semua peserta menjana medan idea dalam penulisan sajak berdasarkan sumber daripada bahan rangsangan ini. Medan idea ini diperluas berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan imaginasi peserta sendiri untuk menghasilkan idea dan pemikiran yang lebih berkesan kepada pembaca. Perluasan idea ini masih merangkumi medan idea berkaitan dengan tema alam sekitar dan teknologi hijau ini. Jadual berikut menjelaskan idea yang dijana oleh peserta kajian berdasarkan bahan rangsangan bagi tema alam sekitar dan teknologi hijau:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

*Idea berdasarkan bahan rangsangan bagi tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| Peserta | Idea | Bahan Rangsangan |
|---|---|---|
| P1 | Keadaan bumi sangat indah dahulunya telah dicemari oleh manusia sendiri. Manusia harus menyelamatkan bumi dengan menghentikan pencemaran agar bumi menjadi seperti dahulu. | Damai, Segar, Indah, Sengsara, Sesak, Gersang |
| P2 | Pencemaran yang melanda bumi disebabkan oleh perbuatan zalim oleh manusia telah memberikan kesan kepada manusia, alam sekitar dan haiwan. | Damai, Segar, Indah, Sengsara, Gersang |
| P3 | Bumi yang menjadi sumber kehidupan manusia dan indah telah tercemar akibat ketamakan manusia. | Damai, Segar, Indah, Sengsara, Sesak, Gersang |
| P4 | Pencemaran berlaku disebabkan oleh sikap manusia yang mementingkan diri sendiri dan sikap ini telah menjejaskan keindahan alam serta kesihatan manusia. | Damai, Segar, Indah, Sengsara, Sesak |
| P5 | Pencemaran alam dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab telah memusnahkan alam sekitar. | Damai, Segar, Indah, Sesak |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan jadual 4.3 jelas menunjukkan bahawa peserta P1 menjana idea berdasarkan bahan rangsangan. Berdasarkan enam perkataan iaitu “Damai” , “Segar”, “Indah”, “Sengsara”, “Sesak”, “Gersang”, peserta P1 menjana medan idea berdasarkan tema ini untuk menggambarkan keadaan bumi sangat indah sebelum berlakunya pencemaran ini dirindui oleh penyajak. Kini, bumi tercemar kerana perbuatan manusia sendiri. Manusia harus menyelamatkan bumi dengan menghentikan pencemaran agar bumi menjadi seperti dahulu. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan petikan sajak yang berikut :

Ku rindu akan bumi yang dahulu
Sewaktu hidupku ditemani kicauan burung yang merdu
Sewaktu kubernafas di bumi ini
Tanpa perlu memikirkan asap yang memenuhi paru-paru
Kini bumi semakin sedih dan sayu
Menggunakan saki-baki tenaga yang ada
Untuk menampung
Untuk memberi kehidupan kepada manusia
Tanpa mengira salah silap manusia
Yang membunuh bumi hari demi hari

(P1/AD/T2/R2)

Seterusnya, Peserta P2 pula menjana idea menggunakan lima perkataan berdasarkan bahan rangsangan iaitu “Damai”, “Segar”, “Indah”, “Sengsara” dan “Gersang”. Peserta P2 menggabung idea daripada perkataan ini ini untuk mewujudkan medan makna yang berkaitan dengan tema penulisan sajak. Berdasarkan medan idea ini, peserta P2 ingin menjelaskan keadaan bumi yang menyedihkan kerana dicemari oleh manusia yang tidak bertanggungjawab. Suasana yang indah dan pemandangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang menarik sudah tidak ada lagi. Pokok-pokok yang hijau dahulunya sudah menjadi kering, habitat haiwan telah musnah dan manusia mengalami masalah pernafasan kerana jerebu melanda seperti yang terdapat dalam petikan sajak di bawah:

Dulu burung berkicau
Aman terasa di lubuk hati
Udara yang segar
Pemandangan yang menyenangkan
Sejuk mata memandang

(P2/AD/T2/R2)

Sekarang bumi semakin tenat
Pokok-pokok hijau dengan daunnya
Kini menjadi kering
Haiwan tercari-cari tempat tinggal
Tapi tidak ketemuinya
Banyak fenomena sengsara
Banyak alam tercemar
Nafas menjadi sesak
Oleh jerebu yang melanda

(P2/AD/T2/R3)

Peserta P3 juga menjana idea berdasarkan bahan rangsangan ini. Berdasarkan perkataan “Damai”, “Segar”, “Indah”, “Sengsara”, “Sesak”, “Gersang”, peserta P3 ingin menyampaikan idea tentang keindahan alam sekitar telah dicemari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


oleh manusia. Sikap manusia yang tidak menghargai sumbangan alam kepada kehidupan di bumi seperti dalam petikan sajak di bawah:

Alam sekitar anugerah Tuhan
Alam yang sentiasa menghulurkan tangannya
Yang membekalkan kita dengan sumber kehidupan
Dari air yang jernih hingga kayu yang hijau
Tetapi mengapakah kita menjadi beruk mendapat bunga?

(P3/AD/T2/R1)

Peserta ini juga menjana idea berkaitan kemusnahan habitat haiwan dan masalah jerebu yang disebabkan oleh sikap tamak manusia dan tidak mengakui perbuatan serta kesalahan sebaliknya mereka menyalahkan alam atas kejadian yang berlaku seperti dalam petikan sajak di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bangunan tinggi pengganti pohon
Yang dahulunya hidupan bersarang
Yang nyaman mereka panaskan
Tetapi masih lagi menyalahkan alam
Mengapa buruk si muka, si cermin pula dibelah

(P3/AD/T2/R5)

Selain itu, peserta P4 menjana idea daripada perkataan “Damai” , “Segar”, “Indah”, “Sengsara” dan “Sesak”. Idea daripada perkataan ini dirangkumkan untuk menjelaskan dua situasi yang menggambarkan keadaan bumi. Berdasarkan analisis dokumen, didapati peserta P4 cuba menjelaskan idea dalam sajak tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pencemaran yang berlaku adalah berpunca daripada sikap manusia yang mementingkan diri sendiri yang akhirnya menjejaskan keindahan yang telah lama wujud dan kesihatan manusia juga terganggu. Walaupun dunia semakin maju, banyak pencemaran yang berlaku hingga wujudnya kesan rumah hijau dan pembuangan sampah yang tidak terkawal oleh manusia. Peserta P4 juga membandingkan keadaan kehidupan di kampung yang lebih tenang berbanding di bandar melalui petikan sajak di bawah:

Daun pokok di kampung
ditiup angin yang nyaman
melambai-lambai
daunnya tenang
Daunnya memberi udara nyaman

(P4/AD/T2/R4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta P4 juga ingin menjelaskan ideanya berkaitan tema ini iaitu bumi juga dicemari oleh hujan asid yang menjejaskan kesihatan dan kehidupan manusia seperti yang digambarkan melalui petikan sajak di bawah:

Bumi sekarang
Begitu sengsara menangis kesakitan
Kereta yang jumlahnya banyak
Punca hujan asid
Yang merosakkan bangunan
Yang merosakkan tumbuhan

(P4AD/T2/R5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Manusia hidup tidak aman

Dijangkiti penyakit

Sesak nafas, sakit jantung

Tetapi kesian

Manusia tidak mengambil pengajaran

Terus mencemarkan alam

Meraung kesakitan

(P4/AD/T2/R6)

Idea baharu oleh peserta P4 juga turut ditemui dalam tema ini. Peserta ini mengungkapkan idea berkaitan dengan kesan yang akan berlaku apabila kitar semula tidak diamalkan seperti dalam baris berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terutamanya plastik

Jika dikumpul bergunung dengan tinggi sampahnya,

Plastik tidak mudah reput,

Malah mengambil beribu-ribu tahun untuk

Satu plastik reput.

(P4/AD1/T-2)

Seterusnya, peserta P5 juga menjana idea berdasarkan bahan rangsangan bagi menjelaskan tema sajak ini. Berdasarkan empat perkataan daripada bahan rangsangan iaitu “Damai”, “Segar’, “Indah” dan “Sesak”, peserta P5 memperluas medan makna tema ini. Peserta ini menyampaikan idea tentang pencemaran alam yang dilakukan oleh manusia. Sikap manusia yang tidak bertanggungjawab telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memusnahkan alam sekitar termasuklah sungai yang sebelum ini sangat indah seperti yang digambarkan melalui petikan sajak di bawah:

Sungai gembira mendukung kehidupan
Air jernih manusia senang
Akibat sikap tangkai jeringmu
Sungai menangis teresak-esak
Setiap hari setiap jam
Air kotor hidupan maut

(P5/AD/T2/R1)

Peserta P5 juga menjelaskan bahawa sebelum berlakunya pencemaran, manusia dapat menghirup udara yang segar kerana bumi tidak dilanda jerebu. Namun begitu, sikap manusia yang tidak bertanggungjawab telah melakukan pembakaran hutan dan melepaskan asap dari kilang telah menyebabkan berlakunya penipisan lapisan ozon seperti dalam petikan sajak di bawah:

Sekeliling kita udara nyaman dan segar
Tiada jerebu, tidak sesak nafas
Akibat sikapmu yang malas bertanggungjawab
Pembakaran hutan
Pelepasan asap dari kilang
Lapisan ozon semakin nipis
Suhu semakin meningkat
Ingat masa hadapanmu
Bukan keuntunganmu

(P5/AD/T2/R2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ketiadaan perasaan cinta akan alam sekitar menyebabkan bumi kita yang indah dan udara yang segar telah tercemar dengan sampah sarap. Peserta P5 juga menyeru manusia supaya mengamalkan amalan kitar semula seperti dalam petikan sajak di bawah:

Bumi kita dipenuhi rumput yang kehijauan
Tanah yang kukuh
Tumbuhan yang segar
Akibat sikapmu yang tidak mencintai alam
Menjadikan dunia kita sampah sarap
Marilah kitar semula
Berganding bahu mengurangkan sampah

(P5/AD/T2/R3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jelaslah bahawa semua peserta dapat menjana medan idea bagi menulis sajak berdasarkan tema ini. Idea berdasarkan perkataan dan gambar yang terdapat dalam bahan rangsangan diperluas bagi membentuk medan idea bagi menulis sajak yang bertemakan alam sekitar dan teknologi hijau.

**b) Mesej dan pengajaran**

Mesej dan pengajaran ini juga terangkum dalam medan idea yang ingin disampaikan oleh peserta melalui sajak mereka untuk mendidik audiens ataupun pembaca. Oleh itu, penganalisisan terhadap mesej akan dijelaskan berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan serta tema alam sekitar dan teknologi hijau.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**i) Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan**

Mesej dan pengajaran yang disampaikan oleh semua peserta kajian adalah berkaitan dengan jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan. Jadual berikut menjelaskan mesej yang ingin disampaikan oleh setiap peserta kajian:

Jadual 4.4

*Mesej berdasarkan bahan rangsangan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| Peserta | Mesej |
|---|---|
| P1 | Rakyat Malaysia hendaklah mengekalkan kemerdekaan yang telah dicapai dengan kepayahan oleh pejuang dahulu |
| P2 | Generasi sekarang haruslah mengetahui sejarah tanah air.<br>Generasi sekarang haruslah bersyukur dan mengenang jasa orang terdahulu. |
| P3 | Kita haruslah bersyukur mempunyai tanah air yang bertuah seperti Malaysia. |
| P4 | Kita haruslah bersyukur kerana dapat hidup di tanah air yang aman dan damai serta bebas daripada peperangan. |
| P5 | Kita hendaklah sedar dan menghargai keistimewaan negara kita |

Secara keseluruhannya, berdasarkan penulisan sajak bagi tema satu, mesej yang disampaikan melalui penulisan sajak adalah berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan. Peserta P1 menyampaikan mesej kepada rakyat Malaysia supaya mengekalkan kemerdekaan yang telah dicapai hasil daripada pengorbanan pejuang dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat sekarang tidak menghargai kemerdekaan negara kerana mereka dilahirkan pada zaman sekarang yang penuh dengan kesenangan tanpa melalui penderitaan. Berikut ialah pendapat yang dikemukakan oleh peserta P1 melalui temu bual yang dijalankan:

> "… tema satu ni mesej dia saya nak sampaikan dekat semua masyarakat Malaysia yang susah nak dapat kemerdekaan. Lepas tu, kita macam tak kisah dah, dulu macam orang, orang membesarkan kemerdekaan kan. Lepas tu, tapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sekarang rakyat Malaysia macam tak kisah dah. Lepas tu, diaorang buat perangai macam tak elok. Lepas tu, diaorang macam tak kisah pasal merdeka sebab bagi diaorang fikir merdeka senang nak dapat. Sebab diaorang tak lalui. Tapi sebenarnya dulu semua orang sengsara kan? Perang semua tapi sekarang manusia dah senang, manusia pun lupa. *So,* yang saya nak sampaikan kat masyarakat yang kita tak patut lupa supaya kita tak hilang kemerdekaan yang kita ada sekarang..."

(P1/TB1/T1D2)

Peserta P2 juga mengungkapkan mesej yang hampir sama dengan peserta pertama iaitu generasi sekarang haruslah mengetahui sejarah tanah air supaya dalam diri anak muda sekarang akan wujud perasaan cinta akan negara. Generasi muda juga perlu menghargai jasa dan perjuangan tokoh-tokoh terdahulu dalam mempertahankan dan menuntut kemerdekaan tanah air seperti yang dijelaskan oleh peserta P2 dalam temu bual berikut :

"… saya nak anak muda sekarang belajar cara ataupun apa ni mengetahui ee..salasilah negara, lepas tu, sejarah negara. Lepas tu, aa.. anak muda ni saya rasa anak muda kena bersyukur dan menghargai apa yang jasa-jasa ee.. atuk nenek diaorang dulu…"

(P2/TB/T1)

Selain itu, peserta P2 juga ingin menyampaikan mesej kepada generasi muda termasuklah dirinya supaya bersyukur kerana dilahirkan dan dibesarkan di bumi Malaysia yang indah dan aman hasil daripada perjuangan tokoh-tokoh terdahulu seperti yang terdapat dalam petikan sajak di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Di sini aku dilahirkan
Di sini aku dibesarkan
Aku bersyukur menjadi
Rakyat Malaysia

(P2/AD/T1/R1)

Seterusnya, peserta P3 juga menjana idea untuk menyampaikan mesej kepada rakyat Malaysia terutama sekali golongan muda supaya sentiasa bersyukur kerana mempunyai tanah air yang bertuah seperti Malaysia. Rakyat perlu melindungi dan mempertahankan Malaysia kerana negara kita mempunyai keistimewaan yang tidak ada di negara yang lain seperti dalam petikan temu bual berikut:

"...yang Tanah Airku ni saya ada letakkan unsur memberi semangat supaya melindungi tanah air sebab mempunyai keistimewaan yang tak ada kat negara lain. Lepas tu, saya meletakkan unsur kesyukuran sebab kerana ini memang negara kita. Sebab tak ada tanah yang cukup bertuah…"

(P3/TB/T1)

Peserta P4 memaparkan idea yang berbentuk mesej kepada rakyat Malaysia supaya bersyukur kerana dapat hidup di tanah air yang aman dan damai serta bebas daripada peperangan. Mesej ini jelas melalui petikan sajak dan temu bual di bawah:

Terima kasih wahai Tuhanku
Kerana aku lahir di Malaysia
Yang bebas dari penjajahan
Yang bebas dari kekejaman dan ketidakadilan

(P4/AD/T1/R5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


"… kita kena bersyukur yang negara ini, negara kita aman dan damai berbanding dengan negara-negara yang sedang berperang lagi dan rasa rasa mesej ini bukan untuk saya sahaja tetapi untuk semua orang mengetahui tentang mesej…"

(P4/TB/T1)

Seterusnya, melalui penulisan sajak berdasarkan tema ini, peserta P5 ingin menyampaikan mesej kepada rakyat Malaysia supaya sedar akan keistimewaan negara kita dan menghargainya seperti kepelbagaian budaya dan makanan kaum-kaum di Malaysia. Hal ini jelas dilihat melalui data temu bual dan analisis dokumen yang berikut:

"… Kita mesti nampak keistimewaan tanah air kita…"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(P5/TB/T1)

Tibanya perayaan di tanah air
Rakyat tidak sabar untuk rumah terbuka
Sate, kuih bulan, maruku
Variasi juadah tersohor di Malaysia
Nafsu makanan pun bergelora
Perut kenyang tenang bersendawa

(P5/AD/T1/R3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jelaslah bahawa medan idea dalam sajak juga merangkumi mesej atau pengajaran yang disampaikan oleh peserta dalam penulisan sajak mereka. Mesej ini merupakan pesanan kepada pembaca untuk menyeru atau melarang audiens daripada melakukan sesuatu perkara. Secara keseluruhannya, berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan ini, peserta menyeru rakyat Malaysia terutamanya generasi muda supaya menghargai sejarah Malaysia, bersyukur dengan segala keistimewaan yang ada di Malaysia dan mengenang jasa tokoh-tokoh terdahulu yang berjuang demi kemerdekaan Malaysia dan kesenangan generasi sekarang.

**ii) Tema alam sekitar dan teknologi hijau**

Mesej dan pengajaran yang disampaikan oleh semua peserta kajian adalah berkaitan dengan alam sekitar dan teknologi hijau. Jadual berikut menjelaskan mesej yang ingin disampaikan oleh setiap peserta kajian:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

*Mesej dan pengajaran berdasarkan bahan rangsangan bagi tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| Peserta | Mesej |
|---|---|
| P1 | Kita haruslah menjaga keindahan dan tidak mencemarkan bumi.<br>Kita hendaklah bersatu untuk menyelamatkan bumi bagi mengembalikan keindahannya. |
| P2 | Kita hendaklah menjaga bumi kita supaya tidak berlaku pencemaran pada masa hadapan. |
| P3 | Kita haruslah bertanggungjawab untuk menjaga alam sekitar. |
| P4 | Kita hendaklah mendidik diri sendiri dan masyarakat supaya menjaga kebersihan alam sekitar. |
| P5 | Kita janganlah mencemarkan alam yang membekalkan banyak sumber kepada kita demi kepentingan diri sebaliknya mengambil kira keperluan generasi akan datang. |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan jadual 4.5, didapati bahawa mesej yang disampaikan oleh peserta P1 hingga P5 melalui penulisan sajak secara keseluruhannya adalah bertemakan alam sekitar dan teknologi hijau. Peserta P1 menyampaikan dua mesej melalui sajaknya iaitu kita haruslah menjaga keindahan alam dan tidak mencemarkan bumi serta kita hendaklah bersatu untuk menyelamatkan bumi bagi mengembalikan keindahannya. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan bumi pada masa sekarang adalah tidak sama seperti dahulu kerana mengalami pencemaran alam. Manusia sanggup mencemarkan bumi demi kepentingan diri sendiri. Oleh itu, peserta P1 ingin menyeru masyarakat supaya menyelamatkan bumi daripada terus dicemari oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Berikut dipaparkan mesej peserta P1 melalui temu bual yang dijalankan:

> "… saya sampaikan kepada masyarakat juga yang alam sekitar ni memang elok daripada dulu tapi sekarang dah ada pencemaran. Air dah kotor. Udara pun tak bersih. *So*, kalau kita biar lagi lama, kita tak ubah sikap, lama-lama bumi akan makin rosak. Lepas tu bumi aje tempat yang kita boleh hidup. *So*, tanpa bumi tak ada manusia yang boleh hidup. *So*, kita patut jaga sebelum bumi rosak…"

(P1/TB/T2)

Seterusnya, peserta P2 memaparkan mesej kepada pembaca iaitu berpendapat bahawa rakyat Malaysia perlu menjaga bumi kita supaya tidak berlaku pencemaran pada masa hadapan. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan pencemaran yang berlaku semakin serius seperti yang digambarkan dalam petikan sajak di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kasihankanlah bumi kita

Kasihankanlah

Sesungguhnya hanya kita

Yang merawat dan memeliharanya semula

(P2/AD/T2/R5)

Oleh itu, melalui sajak ini, peserta P2 menyeru supaya kita menjaga bumi supaya pencemaran ini dapat diatasi dan keadaan menjadi semakin baik seperti yang terdapat dalam data temu bual berikut :

"... Kalau tema yang kedua ni aa.. saya nak sampaikan mesej yang kita kena jaga bumi kita supaya masa akan datang lebih baik …"

(P2/TB/T2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, peserta P3 juga menjana idea berbentuk mesej untuk menyeru pembaca supaya bertanggungjawab untuk menjaga alam sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat segelintir masyarakat yang tamak dan tidak bertanggungjawab telah mencemarkan bumi dengan melakukan pencemaran. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia haruslah bersama-sama memikul tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar kita seperti dalam data temu bual berikut:

"...tema yang kedua ni pulak tentang alam sekitar. Alam sekitar ni saya tak tengok dalam negara saja sebab kalau negara kita elok, negara luar tak elok sama jugak. Kena jugak tempiasnya. Jadi, semangat yang sajak ini saya letakkan pengajaran, lepas tu saya ajak orang ramai supaya jaga alam sekitar aa sebab kalau bukan kita, siapa lagi kan?..."

(P3/TB/T2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Mesej yang berkaitan dengan tema alam sekitar dan teknologi hijau juga disampaikan oleh peserta P4 melalui sajak. Peserta P4 ini menyeru rakyat tanpa mengira usia supaya mendidik diri sendiri dan masyarakat agar menjaga kebersihan alam sekitar seperti dalam petikan temu bual di bawah:

> "… manusia yang macam murid sekolah, ibu bapa tidak dapat nak membuat kerja yang besar seperti mengubah undang-undang sebegitu. Itu kerajaan punya tugas tetapi untuk kita, kita lebih elok untuk macam mendidik diri dan memberitahu orang lain jikalau ada nampak ada orang lain macam membuang sampah merata-rata, kita menegur dia. Mendidik masyarakat…"

(P4/TB/T2)

Selain itu, peserta P4 ini juga menyeru masyarakat supaya menjaga bumi daripada berlakunya pencemaran kerana kita tinggal di atas muka bumi ini seperti dalam petikan sajak di bawah:

> Bumi adalah tempat tinggal kita
> Untuk setiap manusia,
> Tumbuh-tumbuhan dan haiwan
> Jagalah bumi kita

(P4/AD/T2/R7)

Seterusnya, peserta P5 pula menyampaikan mesej kepada masyarakat supaya tidak mencemarkan alam yang membekalkan banyak sumber kepada kita demi kepentingan diri sendiri sebaliknya mengambil kira keperluan generasi akan datang. Terdapat segelintir masyarakat yang bersikap mementingkan diri sendiri dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keuntungan telah mencemarkan alam sekitar kita. Oleh itu, peserta P5 memberi peringatan berkaitan perkara ini seperti dalam petikan temu bual di bawah :

> "…saya ingin memberikan nasihat kepada segelintir masyarakat yang mencemarkan air sungai kita penting dalam hidup kita. Hidup seharian kita. Oleh itu, janganlah kita bersikap mementingkan diri sendiri untuk mendapat keuntungan dan mencemarkan alam kita yang memberikan sumber-sumber kepada kita untuk kehidupan seharian. Kita juga perlu fikir tentang generasi yang akan datang dengan memberikan apa yang kita rasa sekarang kepada mereka. Jangan kita memberikan kesusahan kepada mereka pada masa yang akan datang…"

(P5/TB/T2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jelaslah bahawa mesej yang ingin disampaikan oleh semua peserta dalam penulisan sajak ini adalah berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau. Setiap peserta menyeru masyarakat dunia termasuklah rakyat Malaysia agar menjaga bumi dengan tidak melakukan pencemaran yang akhirnya memberi kemudaratan kepada penduduk bumi itu sendiri.

Medan idea dalam sajak juga merangkumi mesej atau pengajaran yang disampaikan oleh peserta dalam penulisan sajak mereka. Mesej ini merupakan pesanan kepada pembaca untuk menyeru atau melarang audien melalukan sesuatu perkara. Berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan serta alam sekitar dan teknologi hijau ini, peserta menyeru rakyat Malaysia supaya menghargai keistimewaan yang ada di Malaysia dan menjaga keindahan bumi dengan tidak melakukan pencemaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kesimpulannya, melalui penjanaan idea dalam penulisan sajak ini, peserta kajian dapat memahami bahawa pemikiran mencipta ini berlaku apabila terdapat gagasan idea ataupun pemikiran yang ingin disampaikan kepada audiens. Gagasan idea ini wujud daripada bahan rangsangan berdasarkan tema penulisan sajak. Seterusnya, idea ini diperluas menjadi satu medan makna berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan pemerhatian peserta kajian.

#### 4.2.1.2 Merancang

Proses merancang berdasarkan kajian ini adalah melibatkan proses kognitif peserta yang merangkumi proses penyusunan idea dan bahasa untuk menghasilkan sebuah sajak. Proses ini melibatkan pemerhatian secara langsung terhadap peserta kajian semasa proses merancang penulisan sajak yang dilakukan oleh peserta kajian pada bahan rangsangan dan borang lakaran sajak yang disediakan oleh pengkaji. Selain itu, temu bual dan analisis dokumen juga dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan proses merancang yang dilakukan oleh peserta sebelum menulis sajak berdasarkan tema yang telah ditetapkan.

**a) Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan**

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, didapati bahawa peserta kajian telah melakukan perancangan yang teliti sebelum aktiviti penulisan sajak dilakukan. Setiap peserta menggunakan pelbagai cara untuk merancang idea dan bahasa agar dapat menghasilkan sajak yang berkesan berdasarkan bahan rangsangan. Jadual berikut menunjukkan perancangan yang dilakukan oleh setiap peserta berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.6

*Proses merancang dalam penulisan sajak berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan:*

| Peserta | Merancang |
|---|---|
| P1 | 1. Meneliti bahan rangsangan<br>2. Menyenarai isi (sedikit)<br>3. Menulis lakaran sajak secara spontan |
| P2 | 1. Meneliti dan menulis perkataan pada bahan rangsangan<br>2. Menulis lakaran sajak secara spontan<br>3. Membuat pembetulan |
| P3 | 1. Meneliti bahan rangsangan<br>2. Menulis sajak secara spontan |
| P4 | 1. Meneliti dan menulis perkataan pada bahan rangsangan<br>2. Menulis baris-baris sajak secara spontan<br>3. Membuat pembetulan<br>4. Membahagikan rangkap sajak |
| P5 | 1. Meneliti bahan rangsangan<br>2. Membina peta minda<br>3. Membuat pembetulan |

Peserta P1 telah membaca arahan soalan dengan senyap dan meneliti bahan rangsangan tanpa menulis sesuatu pada bahan rangsangan tersebut. Seterusnya, peserta P1 ini menyenaraikan beberapa perkataan berdasarkan sebuah gambar sahaja yang terdapat dalam bahan rangsangan pada kertas lakaran sajak. Berdasarkan gambar Bangunan Sultan Abdul Samad yang bertulis “Warisan Teguh Berdiri”, peserta menyenaraikan beberapa perkataan yang berkaitan dengan semangat juang perwira negara seperti perkataan “yang teguh berdiri”. Hal ini dijelaskan oleh peserta P1 melalui data temu bual berikut:

> “Saya baca dulu dia punya tajuk kan. Lepas tu, saya tengok la kalau ada gambar, saya tengok gambar dia. Lepas tu saya cari idea. Lepas tu, saya tulis je dulu semua idea. macam kalau tak nak guna pun tapi saya tulis semua. Lepas tu, bila nak tulis betul-betul, baru saya cam ambik point-point daripada kerangka.”
>
> (P1/TB/T1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Semasa proses merancang lakaran idea ini, peserta P1 juga pada bahan rangsangan sekali sekala. Peserta P1 juga didapati memotong ungkapan dengan menggariskan perkataan tersebut kerana kurang sesuai untuk digunakan bagi menulis sajak ini seperti ungkapan “yang teguh berdiri” dan menggantikannya dengan ungkapan “sebuah warisan yang kucintai” bagi memastikan bahawa bahasa yang dipilih akan memberi kesan kepada pembaca. Petikan temu bual berikut menjelaskan lagi perkara ini:

> “… saya macam main tulis je banyak-banyak sebab tanah air kan. Macam banyak idea datang. So, bila saya nak susun sajak tu, saya macam ambik perkataan-perkataan elok lagi elok dari yang saya tulis tu. Lepas tu saya betulkan sebab ada yang tak cantik kan. Tapi yang pasal alam sekitar ni, saya macam banyak idea spontan. Macam bila saya nak tulis rangka tu, tak keluar idea tapi bila saya nak susun betul-betul, baru dia macam terkeluar idea sendiri…”

(P1/TB/T1)

Semasa proses berfikir peserta menggerak-gerakkan pen yang dipegang. Peserta P1 ini didapati menggunakan jarinya untuk mengira tahun kemerdekaan Malaysia. Walaupun masih dalam proses penyusunan, peserta dilihat telah membahagikan medan makna kepada tiga rangkap. Sebelum menulis sajak yang lengkap, peserta telah menyemak semula lakaran sambil berfikir dan melakukan beberapa penambahan perkataan baharu dan memotong perkataan yang tidak sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Peserta P2 pula merancang penulisan sajak dengan menulis semula dengan mengubah suai sebahagian isi yang terdapat pada bahan rangsangan seperti “bunyi ombak yang mengasyikkan” “keindahan alam yang memukau pandangan”, “warisan tetap teguh berdiri” dan “bangsa berbilang kaum”. Seterusnya, P2 terus menulis baris-baris seterusnya berdasarkan idea ini menjadi empat hingga enam baris dalam satu rangkap. Idea ini ditulis dalam bentuk ungkapan seolah-olah membentuk medan idea yang lengkap sebelum menghasilkan sajak yang lengkap. Hal ini dijelaskan oleh peserta P2 melalui temu bual di bawah:

> “Mula-mula saya akan aa tengok dulu. Saya draf. Draf tu saya akan tulis macam aa kalau contoh gambar yang ni tulis keindahan pantai yang memukau, lepas tu, saya akan fikir apa lagi yang saya boleh tulis untuk pantai tu *and* bagi saya untuk satu gambar tu, saya boleh buat satu ee macam bukan satu rangkap tapi macam satu bahagian..satu rangkap macam tu. Lepas tu, ee saya akan kaitkan dengan gambar. Satu rangkap tu *maybe* saya boleh buat dua gambar. Lepas tu, ee saya boleh ee tengok perkataan dia tu. Kalau saya macam berminat untuk letak perkataan tu sebagai sambungan dia ee lepas tu, untuk rangkap kedua saya akan tengok gambar lain, saya akan fikirkan bukan perkataan yang sama dengan perkataan di atas lah.”
>
> (P2/TB/T1)

Seterusnya, berdasarkan pemerhatian didapati peserta P3 merancang penulisan sajak agak berbeza berbanding dengan peserta yang lain. Peserta ini membaca dan memahami idea dalam bahan rangsangan seterusnya menulis lakaran sajak secara spontan baris demi baris bagi membentuk rangkap sajak. Peserta P3 berfikir sambil merujuk pada bahan rangsangan dan sesekali memandang ke tempat lain bagi mencari idea. Lakaran idea sajak ditulis dengan menggunakan pensel dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bentuk rangkai kata seterusnya membentuk baris-baris sajak tanpa membuat lakaran terlebih dahulu seperti peserta-peserta yang lain. Peserta ini juga tidak menulis perkataan pada bahan rangsangan untuk mengembangkan ideanya. Berikut penjelasan daripada peserta P3 berkaitan dengan perkara ini:

> "...cara dia macam kadang-kadang kita. Dia(idea) datang secara spontanlah. Saya tak tahu macam mana nak terangkan tapi yang saya tahu apabila dia datang daripada hati, dia akan keluar secara spontan. Itu saja yang saya boleh bagitahu. Sebab saya tulis saja. Sebab kadang-kadang saya baca buku. Kadang-kadang ada perkataan daripada buku tu keluar dari kepala saya…"
>
> (P3/TB/T1)

Semasa proses merancang ini, peserta P3 ini didapati memadamkan perkataan dan rangkai kata yang dirasakan tidak sesuai lalu digantikan dengan perkataan atau rangkai kata yang lain seperti rangkai kata "agar terus melambai" digantikan dengan "sentiasa melambai" pada borang lakaran. Peserta P3 juga membuat penambahan beberapa perkataan pada baris lakaran sajak seperti perkataan "mengalir" antara perkataan "datang" dan "dari", morfem "-nya" pada perkataan "teguh" dan "tidak akan" antara perkataan "terapung" dan "akan" seterusnya perkataan "pernah" antara perkataan "akan" dan "dimamah" bagi merancang penulisan sajaknya.

Peserta P4 pula merancang untuk menulis sajak dengan membaca arahan soalan pada bahan rangsangan dan seterusnya menyenaraikan beberapa perkataan yang berkaitan dengan bagi setiap gambar dan keterangan dalam bahan rangsangan. Pada gambar yang menunjukkan "Deruan yang mengasyikkan", peserta menulis beberapa perkataan untuk menjelaskan gambar ini dengan lebih terperinci iaitu "deras,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


air laju dan laju melarikan diri" manakala bagi gambar yang menunjukkan "Keindahan pantai yang memukau", peserta menulis "burung berkicau dan daun melambai-lambai". Bagi gambar yang memaparkan "Warisan teguh berdiri", peserta menjelaskan sebagai "bangunan lama, lawa dan moden". Seterusnya, gambar berkaitan "Keindahan alam menggamit kenangan", peserta menulis perkataan flora dan fauna, gambar yang memaparkan "Memelihara warisan pribumi" ditulis dengan perkataan "budaya dan kaum" dan perkataan "warna-warni dan tidak sifat perkauman" ditulis pada gambar "Budaya ialah citra bangsaku".

Namun begitu, peserta P4 tidak menggunakan semua idea yang disenaraikan sebaliknya hanya memilih beberapa idea sahaja untuk dihuraikan bagi membentuk rangkap seperti yang dijelaskan melalui data temu bual berikut:

> "…saya akan tulis semua atas kertas. Selepas itu, saya akan memilih mana untuk memecahkannya dan melihat mana yang sesuai untuk menjadi rangkap pertama dan mana sesuai untuk menjadi rangkap yang kedua dan seterusnya…"
>
> (P4/TB/T1)

Seterusnya, peserta P4 membuat lakaran dan pengasingan idea dalam bentuk peta minda pada borang lakaran sambil merujuk pada bahan rangsangan. Peserta P4 menyenaraikan beberapa perkataan atau ungkapan seperti perkataan "Malaysia, maju, moden", bebas dari penderitaan atau seksaan komunis, "keistimewaan tanah airku", "deruan air mengasyikkan", "deras atau air laju". Setelah selesai menulis, peserta P4 mengembangkan idea-idea ini dengan lebih mendalam dengan menggunakan anak panah yang menunjukkan ke arah lakaran berbentuk kotak yang bertulis "pengorbanan tentera-tentera yang berkorban untuk negara", "menyebabkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


negara aman damai" dan "ditiup angin yang nyaman dan sejuk". Perkara ini juga dijelaskan oleh peserta P4 berdasarkan data temu bual berikut:

> "… saya akan aa membuat macam beberapa anak panah ke arah yang berbeza. Itupun kalau saya rasa sesuai saya akan letak. Atau tak sesuai, saya tak letak…"
>
> (P4/TB/T1)

Semasa proses ini, peserta P4 juga memadam atau memotong perkataan menggunakan garisan bagi perkataan yang tidak sesuai lalu menggantikannya dengan perkataan yang baharu dan lebih sesuai seperti perkataan "semua ini" dipotong dan digantikan dengan "Malaysia", "pengorbanan" digantikan dengan "pertumpahan" dan "pejuang" digantikan dengan "tentera Melayu". Terdapat juga beberapa perkataan yang dipotong tanpa menggantikan dengan perkataan yang lain seperti perkataan "dan damai" dipotong daripada rangkai kata "negara yang aman dan damai", "yang" dipotong daripada rangkai kata "yang hidup bersatu", "yang" dipotong daripada rangkai kata "baju yang berwarna-warni". Selain itu, terdapat juga beberapa perkataan baharu yang ditambah pada rangkai kata sebelum sajak dihasilkan seperti perkataan "daun pokoknya" ditambah selepas perkataan "hijau" dan perkataan "deruan" ditambah antara "sungai" dan "airnya".

Dalam proses merancang penulisan sajak berdasarkan tema ini, peserta P5 mempunyai caranya yang tersendiri. Selepas meneliti kandungan bahan rangsangan, peserta P5 telah menulis nombor pada empat gambar yang dipilih untuk dijana idea dalam penulisan sajaknya iaitu nombor "1" ditulis pada keterangan "keindahan pantai yang memukau", nombor "2" pada "deruan air mengasyikkan", nombor "3" pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keterangan “warisan teguh berdiri” dan nombor “4” pada “budaya ialah citra bangsaku”. Seterusnya isi yang dipilih dituliskan pada borang lakaran sajak.

Pada borang lakaran sajak, peserta P5 menyenaraikan isi berkaitan dengan idea yang ingin disampaikan dalam sajaknya sambil berfikir sehingga selesai menyediakan lakaran sajak ini. Bagi idea yang berkaitan dengan “pantai”, P5 menulis perkataan “daun kelapa” dan “tinggi lampai”, “alam” ditulis dengan “hutan paya bakau” dan “aliran air deras” manakala perkataan “budaya” ditulis dengan perkataan “tanpa mengira kaum”, “perayaan”, “kuih-muih”, “maruku”, “sate” dan “kuih bulan”. Seterusnya, setiap idea yang ditulis ini dikembangkan menjadi medan idea menggunakan tiga peta minda yang berbeza seperti yang dijelaskan melalui data temu bual di bawah:

“Saya akan membuat sebuah peta I-Think tentang apa yang saya tulis”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(P5/TB/T1)

Berdasarkan analisis dokumen pada borang lakaran sajak, didapati bagi isi “budaya kaum di Malaysia”, peserta P5 mengembangkan medan idea dengan menulis beberapa perkataan yang berkaitan dengan isi ini iaitu “rumah terbuka”, “tarian”, “pakaian”, “makanan”, “sate”, “ketupat”, “kuih bulan”, “kuih bakul”, “tosei”, “capati”, “nafsu makan pun bergelora”, “perut kenyang”, “meriah” dan “tenang bersendawa”. Semasa proses penyediaan lakaran sajak ini, peserta P5 juga memadamkan perkataan “bakau” yang tidak sesuai dengan menggunakan tape pembetulan dan digantikan dengan perkataan “hijau”.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**b) Tema alam sekitar dan teknologi hijau**

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, didapati bahawa peserta kajian telah melakukan perancangan yang teliti sebelum aktiviti penulisan sajak dilakukan. Setiap peserta menggunakan pelbagai cara yang tersendiri untuk merancang idea dan bahasa agar dapat menghasilkan sajak yang berkesan berdasarkan bahan rangsangan. Jadual berikut menunjukkan perancangan yang dilakukan oleh setiap peserta berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau:

Jadual 4.7

*Proses merancang dalam penulisan sajak berdasarkan alam sekitar dan teknologi hijau*

| Peserta | Proses Merancang |
|---|---|
| P1 | 1. Meneliti bahan rangsangan<br>2. Menyenarai isi (sedikit)<br>3. Menulis lakaran sajak secara spontan |
| P2 | 1. Meneliti dan menulis perkataan pada bahan rangsangan<br>2. Menulis lakaran sajak secara spontan<br>3. Membuat pembetulan |
| P3 | 1. Meneliti bahan rangsangan<br>2. Menulis sajak secara spontan |
| P4 | 1. Meneliti dan menulis perkataan pada bahan rangsangan<br>2. Menulis baris-baris sajak secara spontan<br>3. Membuat pembetulan<br>4. Membahagikan rangkap sajak |
| P5 | 1. Meneliti bahan rangsangan<br>2. Membina peta minda<br>3. Membuat pembetulan |

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan semasa proses merancang penulisan sajak ini, didapati peserta P1 merancang penulisan sajaknya dengan membaca dan meneliti bahan rangsangan terlebih dahulu sambil berfikir tanpa menulis sesuatu pada bahan rangsangan. Seterusnya, P1 menyenaraikan hanya beberapa beberapa perkataan dan ungkapan sahaja pada borang lakaran ini iaitu “daun hijau merimbun”, “air sungai membiru” dan “ku rindu akan”. Bagi proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perancangan seterusnya, lakaran idea tidak lagi dilakukan oleh P1 ini sebaliknya menulis sajak secara spontan rangkap demi rangkap dalam borang lakaran sajak. Data temu bual berikut menjelaskan perkara ini:

> "…tapi yang pasal alam sekitar ni, saya macam banyak idea spontan. Macam bila saya nak tulis rangka tu, tak keluar idea tapi bila saya nak susun betul-betul, baru dia macam terkeluar idea sendiri. Tu yang saya tulis je…"

(P1/TB/T2)

Peserta P2 pula merancang penulisan sajaknya dengan membaca dan cuba memahami bahan rangsangan. Berdasarkan idea pada bahan rangsangan ini, peserta P2 menyenaraikan perkataan bagi memperluas idea yang pada gambar dan perkataan pada bahan rangsangan tersebut. Pada perkataan "sengsara" dituliskan perkataan "dunia", perkataan "nafas" ditulis perkataan "sesak", perkataan "segar" ditulis "indah pemandangan". Selain itu, pada gambar ranting pokok yang patah dan kering ditulis "fenomena alam", gambar air sungai ditulis dengan perkataan "air tenang" dan gambar burung sedang terbang dikaitkan dengan bunyi burung iaitu berkicau. Seterusnya, idea ini digunakan oleh peserta untuk melakar sajak dalam borang lakaran. Hal ini juga dijelaskan oleh peserta P2 melalui data temu bual berikut:

> "...lepas tu saya akan tulis dia punya dia punya ee isi tu *and* baru saya akan tulis dia punya ayat. Macam ee kalau pantai ee..dulu pantai aa indah berseri, airnya jernih..Ambil berdasarkan kata kunci dan kembangkan. Ayat satu..ayat kedua sekarang..aa saya buat macam tu…"

(P2/TB/T2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Seterusnya, berdasarkan pemerhatian, didapati P2 menulis sajak secara spontan baris demi baris sehingga selesai pada borang lakaran dengan menggunakan pensel sambil berfikir. Semasa proses tersebut P2 telah memadam beberapa perkataan yang dirasakannya tidak sesuai.

Peserta P3 pula meneliti bahan rangsangan sambil berfikir sebelum menulis sajak. Tanpa membuat sebarang lakaran atau menulis perkataan untuk membentuk medan bahasa, peserta ini terus menulis sajak baris demi baris pada borang lakaran. Penulisan dimulai dengan rangkap pertama sehinggalah rangkap yang terakhir berdasarkan idea yang terlintas dalam fikirannya berdasarkan tema bahan rangsangan ini. Semasa proses tersebut, peserta ini didapati merujuk bahan rangsangan beberapa kali. Perkara ini dijelaskan berdasarkan data temu bual berikut:

> "…sebab sayapun bergantung kepada bahan rangsangan juga dan sebab tu idea spontan ni keluar…"

(P3/TB/T2)

Berdasarkan temu bual, peserta ini mempunyai cara yang tersendiri untuk menulis lakaran sajak yang lengkap dengan spontan seperti dijelaskan melalui data temu bual di bawah:

> "…dalam satu perenggan ohh.. saya kaitkan dalam satu perenggan tu? erm..masih ada spontan sebab kadang-kadang saya ada ambik baris pertama tu ayat dia cam ni kan, saya kaitkan dengan baris-baris lainnya…"

(P3/TB/T2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Peserta P4 juga melakukan perancangan dengan teliti untuk menghasilkan sajaknya berdasarkan tema ini. Berdasarkan pemerhatian, didapati peserta ini mula merancang dengan menulis beberapa perkataan pada gambar dan tulisan pada bahan rangsangan bagi mengembangkan idea seperti perkataan “sampah dibuang merata” ditulis bersebelahan perkataan “sengsara”, “hujan asid” ditulis diikuti tanda anak panah ke arah perkataan “sesak”, perkataan “pokok sawah padi merekah” ditulis dalam kotak bersebelahan perkataan “gersang” manakala pada gambar burung yang berterbangan ditulis dengan perkataan “burung berkicauan” dan “panggilan terbit fajar”. Perkara ini jelas berdasarkan data temu bual berikut:

> “… Kalau tema dua dia memberi satu aa dua muka alam, satu balik satu sebaliknya jadi saya rasa macam ayat yang diberi tu aa..merupakan *key point*..perkataan aa..kata kunci yang yang akan memberi lebih maksud kepada gambar rajah tu…”

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(P4/TB/T2)

Seterusnya, peserta P4 mula mengembangkan idea berdasarkan bahan rangsangan dengan menulis baris-baris sajak pada dua muka borang lakaran sajak dengan menggunakan pensel. Semasa menulis lakaran sajak ini, peserta P4 telah memotong perkataan yang tidak sesuai dengan menggariskan perkataan berkenaan. Contohnya perkataan “alam” dipotong dan digantikan dengan perkataan “bumi” dan rangkai kata “bangunan yang tinggi” digantikan dengan “kereta yang banyak”. Semasa perancangan sajak ini, peserta P4 juga menggunakan anak panah untuk menjelaskan lagi tentang sesuatu idea seperti perkataan “pelbagai warna” diletakkan anak panah ke arah perkataan “merah” dan “kuning”. Seterusnya, selepas perkataan “merah” diletakkan anak panah menghala ke perkataan “padi” dan selepas perkataan “kuning” diletakkan anak panah ke arah perkataan “bunga”.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setelah selesai menulis lakaran sajak, peserta P4 ini membahagikan isi sajak kepada beberapa rangkap dengan membuat garisan memanjang dari kiri ke kanan dan garisan empat segi pada borang lakaran sajak. Seterusnya, peserta ini menulis nombor satu hingga tujuh pada setiap bahagian yang dipisahkan bagi menunjukkan susunan rangkap yang akan ditulis nanti.

Peserta P5 memulakan perancangan menulis sajak dengan meneliti bagi memahami bahan rangsangan tetapi tidak menulis sebarang perkataan sebaliknya mengingati idea dalam bahan rangsangan. Seterusnya, pada borang lakaran sajak, peserta ini membina empat peta minda berkaitan idea yang akan dikembangkan iaitu “pencemaran air”, “pencemaran udara”, “pencemaran darat” dan “zaman dahulu”. Bagi isi berkaitan “pencemaran air”, peserta membina peta minda dengan menambahkan perkataan “air keruh”, “ikan mati”, “kilang”, “pembuangan bahan kimia yang tidak dirawat”, “sikap manusia yang tangkai jering” dan “sungai tercemar”. Hal ini jelas menunjukkan perkataan yang ditambah ini adalah untuk memperluas medan idea dan bahasa berkaitan dengan pencemaran air.

Selain itu, bagi memperluas idea tentang “zaman dahulu” pula, peserta P5 membina peta minda dengan menambah lakaran bagi perkataan “aman dan suasana yang kondusif”, “sungai yang jernih”, “udara yang segar”, “sikap bertanggungjawab” dan “masyarakat bersikap disiplin”. Penambahan perkataan ini menunjukkan peserta P5 ingin menggambarkan bahawa pada zaman dahulu keadaan bumi kita berada dalam keadaan kondusif, mempunyai air yang jernih dan udara yang segar kerana masyarakat mempunyai sikap bertanggungjawab dalam penjagaan alam. Hal ini juga jelas berdasarkan data temu bual berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> "Saya akan membuat sebuah peta I-Think tentang apa yang saya tulis. Contohnya tentang alam sekitar, saya boleh cakap pasal pencemaran yang berlaku sekarang dan juga aa cuaca yang seperti jerebu…"
>
> (P5/TB/T2)

Dalam proses merancang idea dan bahasa dalam penulisan sajak ini, peserta P5 juga memotong perkataan tertentu dan digantikan dengan perkataan lain yang lebih sesuai. Rangkai kata "sampah yang banyak" dibatalkan dan digantikan dengan perkataan "tidak menjaga kebersihan alam". Perkataan "bersih" juga dibatalkan dan digantikan dengan perkataan "jernih". Perkara ini dilakukan oleh peserta P5 adalah untuk memastikan perkataan yang akan digunakan dalam sajaknya nanti akan dapat memberikan kesan kepada pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 4.2.1.3 Menghasilkan

Langkah yang terakhir dalam pemikiran mencipta adalah proses menghasilkan produk atau menyelesaikan masalah berdasarkan spesifikasi ataupun ciri-ciri tertentu. Berdasarkan kajian ini, proses menghasilkan merujuk proses penulisan atau penciptaan sajak yang asli ataupun *original* oleh peserta kajian. Proses ini berlaku semasa pemindahan maklumat daripada borang lakaran kepada lakaran sajak daripada borang lakaran kepada borang penulisan sajak serta analisis dokumen juga dilakukan pada borang penulisan sajak untuk menganalisis sajak yang dihasilkan oleh peserta kajian. Hasil atau produk iaitu sajak yang dicipta oleh peserta daripada proses ini perlu bersifat asli yang melibatkan pengetahuan fakta, pengetahuan konsep, pengetahuan prosedur dan pengetahuan metakognitif. Oleh itu, peserta kajian perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengetahui, memahami dan menguasai setiap pengetahuan berkaitan dengan sajak seperti maksud, ciri-ciri dan cara penulisan sajak terlebih dahulu sebelum mencipta sajak.

**a) Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan**

Pelbagai cara yang digunakan oleh peserta kajian ini untuk menghasilkan sajak mereka berdasarkan tema ini. Jadual berikut menunjukkan langkah-langkah yang dilakukan oleh menghasilkan penulisan sajak berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan dalam kajian ini:

Jadual 4.8

*Proses menghasilkan dalam penulisan sajak berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| Peserta | Proses menghasilkan |
|---|---|
| P1 | 1. Meneliti lakaran sajak<br>2. Membuat pembetulan dengan membatalkan perkataan asal dan menambah perkataan baharu<br>3. Menulis sajak yang lengkap<br>4. Menulis tajuk<br>5. Menulis nama penyajak<br>6. Menyemak sajak tanpa membuat pembetulan |
| P2 | 1. Menulis tajuk<br>2. Menyalin lakaran sajak perenggan demi perenggan<br>3. Melakukan pembetulan pada perenggan 2<br>4. Menyemak sajak tanpa membuat pembetulan |
| P3 | 1. Meneliti lakaran sajak<br>2. Membuat pembetulan<br>3. Menyalin lakaran sajak<br>4. Menyemak sajak tanpa membuat pembetulan<br>5. Menambahkan tanda koma |
| P4 | 1. Meneliti lakaran sajak<br>2. Menyusun lakaran sajak<br>3. Menyalin lakaran sajak<br>4. Menyemak sajak tanpa membuat pembetulan<br>5. Menukarkan tajuk |
| P5 | 1. Meneliti lakaran sajak<br>2. Menyusun lakaran menjadi sajak lengkap<br>3. Membuat pembetulan<br>4. Menyemak sajak |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan didapati bahawa sebelum menulis sajak yang lengkap, peserta P1 meneliti semula lakaran sajak pada borang lakaran sambil berfikir. Seterusnya, menambah beberapa perkataan baharu pada lakaran sajak seperti perkataan “tak kan ku” dan “laungan merdeka”. P1 juga memotong atau membatalkan perkataan dan ungkapan seperti “langit yang membiru”. Semasa proses menulis sajak, peserta P1 merujuk pada lakaran sajak dalam borang lakaran dan menambah perkataan “keperitan”. Peserta terus berfikir dan merujuk sambil menyalin sajak daripada borang lakaran sehingga selesai dan menulis tajuk sajak pada bahagian atas borang sajak sehinggalah menghasilkan produk atau hasil iaitu sajak.

Berdasarkan analisis dokumen, didapati sajak yang ditulis oleh peserta P1 ini adalah karya asli daripada peserta ini. Peserta P1 ini berjaya menghasilkan sajak yang asli berdasarkan pengetahuannya tentang maksud sajak, ciri sajak dan cara penulisan sajak. Hal ini menunjukkan bahawa peserta ini mengetahui, memahami dan menguasai setiap pengetahuan tentang sajak ini terlebih dahulu sebelum menghasilkan sajak. Sajak ini juga terhasil daripada gabungan idea dan penyusunan bahasa. Peserta ini menggabungkan idea berdasarkan bahan rangsangan dan pengalamannya untuk menyampaikan pemikiran atau ideanya berkaitan dengan jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan. Bagi memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca, peserta ini telah menyusun dan menggabungkan beberapa patah perkataan untuk membentuk gaya bahasa personifikasi, anafora dan sinkof dalam penulisan sajaknya. Gaya bahasa ini digabungkan dengan perkataan lain untuk membentuk baris seterusnya membentuk rangkap sajak. Jadual berikut memaparkan perincian sajak yang dihasilkan oleh peserta P1:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Jadual 4.9*

*Perincian sajak peserta P1 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| Unsur | Perincian Sajak |
|---|---|
| Pemikiran | Malaysia sebagai warisan yang teguh hasil daripada perjuangan wira terdahulu |
| Bentuk | Bebas |
| Rangkap | 7 rangkap |
| Baris | 7 hingga 10 baris dalam setiap rangkap |
| Patah Perkataan | 1 hingga 7 patah perkataan dalam satu baris |
| Bunyi | Asonansi - J*a*s*a* wir*a*-wir*a* neg*a*r*a*<br>Aliterasi - Laungan *m*erdeka *m*enjadi *m*elodi |
| Gaya bahasa | Personifikasi - Bangunan yang *berdiri*<br>Anafora - *Inilah* tanah airku yang tercinta<br>*Inilah* tanah airku Malaysia<br>Sinkof - Hati*ku* bergelora |

Seterusnya, peserta P2 pula melakukan proses penghasilan sajak dengan menulis semula lakaran sajak daripada borang lakaran ke borang sajak rangkap demi rangkap. Dengan merujuk borang lakaran, peserta P2 menyalin lakaran rangkap pertama tanpa membuat sebarang pembetulan. Bagi rangkap kedua, peserta ini membuat pembetulan dengan membatalkan ungkapan “sepoi-sepoi memberi keamanan” lalu menggantikan dengan ungkapan “bertiup terasa di tubuhku” pada baris ketiga. Peserta P2 juga memadam perkataan “yang” pada baris “keindahan alam yang memukau pandangan” dan menambahkan baris kelima dengan rangkai kata “dan menjadi kenangan”. Lakaran sajak rangkap tiga dan empat disalin pada borang sajak tanpa membuat sebarang pembetulan. Setelah penulisan sajak berjaya disiapkan, peserta P2 meneliti sajak semula tetapi tidak membuat sebarang pembetulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Peserta P2 memperlihatkan sajak yang dicipta ini adalah hasil atau produk daripada proses menghasilkan dalam pemikiran mencipta. Peserta ini menggabungkan idea berdasarkan bahan rangsangan dan pengalamannya untuk menyampaikan pemikiran atau ideanya. Bahasanya pula disusun untuk membentuk gaya bahasa, perkataan, baris dan rangkap sajak untuk memberi kesan kepada pembaca. Berdasarkan pengetahuannya tentang maksud sajak, ciri sajak dan cara penulisan sajak, peserta ini berjaya menulis sajak bertemakan jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan. Jadual berikut memaparkan perincian sajak yang dihasilkan oleh peserta 2:

Jadual 4.10

*Perincian sajak peserta P2 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| Unsur | Perincian Sajak |
|---|---|
| Pemikiran | Keistimewaan tanah air yang mempunyai pantai yang indah dan masyarakat berbilang kaum. |
| Bentuk | Bebas |
| Rangkap | 5 rangkap |
| Baris | 4 hingga 7 baris dalam setiap rangkap |
| Patah Perkataan | 2 hingga 5 patah perkataan dalam satu baris |
| Bunyi | Asonansi – D*i* s*i*n*i* aku d*i*lah*i*rkan<br>Aliterasi – Tia*d*a *d*en*d*am *d*isimpan |
| Gaya bahasa | Personifikasi – Keindahan alam memukau pandangan<br>Anafora – *Di sini* aku dilahirkan<br>*Di sini* aku dibesarkan<br>Responsif – Walaupun *bukan* sahabat karib<br>Walaupun *bukan* pertalian darah<br>Hiperbola – Tiada *marah pergaduhan*<br>Sinkof – Bangsa*ku* |

Peserta P3 pula membuat sedikit pembetulan pada lakaran sajak sebelum menyalin ke dalam borang penulisan sajak. Beberapa perkataan ditambah pada baris sajak seperti perkataan “yang” pada baris kelima dalam rangkap pertama, morfem “nya” pada baris kedua, rangkai kata “dan tidak” pada baris kelima rangkap ketiga serta perkataan “si” pada baris pertama rangkap kelima sajak. Seterusnya, peserta ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyalin lakaran sajak ini ke dalam borang penulisan sajak. Semasa menyalin lakaran ini, peserta P3 ini telah menambah beberapa perkataan iaitu perkataan “berjaya” ke dalam baris 10 dan morfem “nya” pada perkataan “ada” dalam baris keenam rangkap kedua. Setelah selesai menulis sajak, peserta ini menyemak sajaknya dan tidak membuat sebarang pembetulan sebaliknya menambahkan tanda koma pada akhir setiap baris dalam sajak kecuali baris terakhir dalam setiap rangkap sajak.

Berdasarkan analisis dokumen, didapati sajak yang dihasilkan oleh peserta P3 ini adalah hasil daripada proses penyusunan dan penggabungan idea dan beberapa perkataan untuk membentuk gaya bahasa personifikasi, anafora, hiperbola dan sinkof dalam penulisan sajaknya. Gaya bahasa ini digabungkan dengan perkataan lain untuk membina baris seterusnya rangkap untuk membentuk sajak. Sajak ini juga bersifat asli kerana tidak mempunyai persamaan langsung dengan mana-mana sajak yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa sajak yang dicipta oleh peserta ini adalah hasil penulisannya sendiri berdasarkan pengetahuannya tentang ciri-ciri sajak dan cara penciptaannya. Jadual berikut memaparkan perincian sajak yang dihasilkan oleh peserta P3:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.11

*Perincian sajak peserta P3 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| Unsur | Perincian Sajak |
|---|---|
| Pemikiran | Keistimewaan tanah air yang mempunyai suasana alam yang sangat indah, warisan dan budaya yang masih kukuh hasil daripada perjuangan pahlawan dahulu. |
| Bentuk | Bebas |
| Rangkap | 6 rangkap |
| Baris | 5 hingga 6 baris dalam setiap rangkap |
| Patah Perkataan | 4 hingga 7 patah perkataan dalam satu baris |
| Bunyi | Asonansi – Rimb*u*nan padi sudahp*u*n meng*u*ning<br>Aliterasi – Ombak ya*n*g tidak aka*n* berhe*n*ti me*n*cium pa*n*tai |
| Gaya bahasa | Personifikasi – Keindahan alam berjaya *menggoda mata*<br>Anafora – *Air* yang datang mengalir dari syurga<br>*Air* yang menjadikan ibu pertiwi tanah yang beruntung<br>Sinkof – *Tak* lapuk dek hujan |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, berdasarkan borang lakaran peserta P4 pula menghasilkan sajak dengan menyusun lakaran sajak menjadi tujuh rangkap sajak yang lengkap. Setiap rangkap ditulis menggunakan warna pen yang berlainan. Berdasarkan pemerhatian, didapati lakaran sajak peserta ini masih belum lengkap dan tidak tetap susunan ideanya bagi menepati tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan ini. Oleh itu, semasa menulis sajak yang lengkap, peserta P4 ini berfikir dan menyusun baris menjadi sajak yang lengkap. Setelah sajak disiapkan, peserta ini menyemaknya tanpa membuat sabarang pembetulan sebaliknya menukarkan tajuk sajak daripada “Malaysia maju” kepada “Malaysia bebas”.

Ciri keaslian juga didapati dalam sajak yang dihasilkan oleh peserta P4. Peserta ini menghasilkan sajak yang tidak mempunyai persamaan dengan sajak yang lain. Dengan menggunakan kreativiti berdasarkan pengetahuannya tentang idea, ciri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan cara penulisan sajak, peserta ini telah menghasilkan sebuah sajak seperti yang diperincikan dalam jadual di bawah:

Jadual 4.12

*Perincian sajak peserta P4 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| Unsur | Perincian Sajak |
|---|---|
| Pemikiran | Keistimewaan Malaysia yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan hidup dalam keadaan aman serta alam yang sangat indah |
| Bentuk | Bebas |
| Rangkap | 7 rangkap |
| Baris | 5 hingga 10 baris dalam setiap rangkap |
| Patah Perkataan | 3 hingga 7 patah perkataan dalam satu baris |
| Bunyi | Asonansi – Terim*a* k*a*sih w*a*h*a*i Tuh*a*nku<br>Aliterasi – Di hut*a**n* hijau dau*n* pokok*n*ya |
| Gaya bahasa | Personifikasi – *Melambai-lambai* di tepi pantai<br>Anafora – *Tidak* adanya pelbagai budaya<br>*Tidak* adanya kaum hidup bersatu<br>Simile – Kehijauan *seperti daun yang subur*<br>Sinkof – Tanpa *kau* meranalah kami |

Langkah menghasilkan dalam pemikiran mencipta ini juga ditunjukkan oleh peserta P5. Peserta ini menghasilkan sajaknya berdasarkan lakaran sajak yang dilakukan dalam borang sajak. Lakaran berbentuk peta minda ini bagi disusun menjadi sajak yang lengkap dalam borang penulisan sajak. Namun begitu, peserta P5 ini hanya menggunakan lakaran peta minda berkaitan “alam” dan “budaya kaum di Malaysia” sahaja dalam penulisan sajaknya. Idea yang berkaitan dengan bangunan pencakar langit tidak dimasukkan dalam penulisan sajaknya. Hal ini menunjukkan bahawa peserta P5 ini tidak memilih semua isi yang dirancang sebaliknya memilih hanya dua idea sahaja untuk disampaikan melalui penulisan sajaknya. Semasa proses menyusun lakaran sajak ini, peserta ini membuat pembetulan menggunakan pita pembetulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pada susunan baris pertama dan kelima rangkap kedua. Setelah selesai menulis sajaknya, peserta ini menyemak semula sambil membetulkan huruf “a” pada perkataan “bersandar” dan “terimbas” supaya lebih jelas.

Berdasarkan analisis dokumen, sajak yang dihasilkan oleh peserta P5 ini menepati ciri-ciri sesebuah sajak. Hal ini dikatakan demikian kerana peserta P5 telah mempunyai pengetahuan tentang fakta, konsep dan prosedur tentang sesebuah sajak. Sajak ini terhasil daripada gabungan pemikiran, bentuk dan gaya bahasa. Jadual berikut memperincikan unsur sajak yang dicipta oleh peserta P5:

Jadual 4.13

*Perincian sajak peserta P5 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| Unsur | Perincian Sajak |
|---|---|
| Pemikiran | Malaysia yang mempunyai suasana alam yang indah dan menenangkan serta perayaan rumah terbuka diadakan. |
| Bentuk | Bebas |
| Rangkap | 3 rangkap |
| Baris | 4 hingga 10 baris dalam setiap rangkap |
| Patah Perkataan | 3 hingga 6 patah perkataan dalam satu baris |
| Bunyi | Asonansi – K*e*nangan man*i*s t*e*r*i*mbas k*e*mbal*i*<br>Aliterasi – Daun ke*l*apa ber*l*ambai-*l*ambai |
| Gaya bahasa | Personifikasi – *Angin memukul* sehingga ke laut kebiruan<br>Sinkof – Tibanya perayaan di tanah air*ku* |

**b) Tema alam sekitar dan teknologi hijau**

Pelbagai cara yang digunakan oleh peserta kajian ini untuk menghasilkan sajak mereka berdasarkan tema ini. Jadual 4.9 menunjukkan langkah-langkah yang dilakukan oleh setiap peserta untuk menghasilkan sajak berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.14

*Proses menghasilkan dalam penulisan sajak berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| Peserta | Proses menghasilkan |
|---|---|
| P1 | 1. Meneliti lakaran sajak (sedikit)<br>2. Menulis sajak berdasarkan lakaran<br>3. Menulis sajak secara spontan<br>4. Menyemak rangkap sajak<br>5. Membuat pembetulan<br>6. Menyemak dengan membaca sajak semula |
| P2 | 1. Menulis tajuk<br>2. Menyalin lakaran sajak perenggan demi perenggan<br>3. Melakukan pembetulan pada perenggan 3 dan 5<br>4. Menyemak sajak dan membandingkan dengan lakaran |
| P3 | 1. Meneliti lakaran sajak<br>2. Menyalin lakaran sajak<br>3. Membuat pembetulan<br>4. Menyemak sajak<br>5. Membuat pembetulan |
| P4 | 1. Meneliti lakaran sajak<br>2. Menyusun lakaran sajak<br>3. Menyemak sajak tanpa membuat pembetulan<br>4. Menukarkan tajuk |
| P5 | 1. Meneliti lakaran sajak<br>2. Menulis sajak berdasarkan lakaran<br>3. Menyemak sajak<br>4. Membuat pembetulan |

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, didapati sebelum menulis sajak yang lengkap, peserta P1 meneliti semula lakaran sajak pada borang lakaran sambil berfikir dan menulis rangkap pertama sajak. Bagi rangkap kedua hingga lima, peserta ini menulis sajak dengan secara spontan iaitu tanpa membina lakaran pada borang lakaran sajak. Peserta P1 ini menulis setiap baris sambil berfikir dan proses ini mengambil masa yang agak lama iaitu antara 10 hingga 30 saat. Setiap kali penulisan untuk memulakan rangkap baharu seperti rangkap ketiga, keempat dan kelima, peserta P1 membaca senyap dan meneliti rangkap sebelumnya untuk memastikan tidak ada idea yang akan disampaikan tertinggal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam proses penulisan sajak ini, peserta P1 juga membuat pembetulan dengan membatalkan perkataan yang tidak sesuai dengan menggantikannya dengan perkataan yang lain seperti perkataan “hancur” digantikan dengan “nazak” pada baris keempat dalam rangkap keempat. Semakan juga dilakukan oleh peserta ini setelah selesai menulis rangkap sajak. Peserta ini menyemak rangkap kelima sajak dengan membaca senyap sambil menunjukkan rangkap berkenaan menggunakan hujung pen. Setelah selesai menulis sajak, peserta ini menyemak lagi beberapa kali sambil membaca senyap dan mendekatkan hujung pen pada setiap baris sajak untuk memastikan tiada kesalahan dalam penulisannya. Kemudian, peserta ini menulis tajuk sajak dan melukis gambar bumi pada bahagian bawah tajuk tersebut. Semakan terakhir dilakukan sebelum borang sajak ini dihantar kepada pengkaji.

Berdasarkan analisis dokumen, didapati sajak yang ditulis oleh peserta P1 ini adalah produk dalam pemikiran mencipta yang terhasil daripada proses penggabungan idea dan bahasa. Peserta ini menggabungkan idea berdasarkan bahan rangsangan dan pengalamannya untuk menyampaikan pemikiran berkaitan dengan pencemaran alam sekitar. Bagi memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca, peserta ini telah menyusun dan menggabungkan beberapa patah perkataan untuk membentuk gaya bahasa personifikasi, anafora, sinkof dan inversi dalam penulisan sajaknya. Gaya bahasa ini digabungkan dengan perkataan lain untuk membentuk baris seterusnya membentuk rangkap sajak. Sajak yang dihasilkan oleh peserta P1 ini merupakan karya asli yang dicipta berdasarkan pengetahuannya tentang penulisan sajak. Hal ini menunjukkan bahawa peserta ini telah mengetahui, memahami dan menguasai setiap pengetahuan berkaitan dengan sajak seperti maksud, ciri-ciri dan cara penulisan sajak terlebih dahulu sebelum sajak bertemakan alam sekitar dan teknologi hijau ini dihasilkan. Jadual berikut memaparkan perincian sajak yang dihasilkan oleh peserta P1 berdasarkan tema ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.15

*Perincian sajak peserta P1 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| Unsur | Perincian Sajak |
|---|---|
| Pemikiran | Keadaan bumi sangat indah dahulunya telah dicemari oleh manusia sendiri. |
| Bentuk | Bebas |
| Rangkap | 5 rangkap |
| Baris | 5 hingga 11 baris dalam setiap rangkap |
| Patah Perkataan | 2 hingga 7 patah perkataan dalam satu baris |
| Bunyi | Asonansi – K*u*rind*u* akan b*u*mi yang dah*ulu*<br>Aliterasi – Tanpa *p*erlu memikirkan asa*p* yang memenuhi *p*aru-*p*aru |
| Gaya bahasa | Personifikasi – *Yang membunuh bumi* hari demi hari<br>Anafora – *Bumi* akan musnah<br>*Bumi* akan hilang sekelip mata<br>Sinkof – Sewaktu *ku* bernafas<br>Inversi – *Usahlah kita* membakar bumi lagi |

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Peserta P2 pula mula menghasilkan sajaknya dengan menulis tajuk sajak iaitu "alam sekitar". Seterusnya peserta P2 menyalin lakaran sajak daripada borang lakaran ke borang penulisan sajak rangkap demi rangkap. Semasa proses menyalin lakaran bagi rangkap satu dan dua sajak ini, peserta ini menunjukkan baris-baris sajak yang akan disalin dengan menggunakan jari-jari tangan kirinya untuk memastikan lakaran sajak tersebut disalin dengan betul dan tiada perkataan atau baris yang tertinggal. Selain itu, peserta ini juga akan membaca rangkap pertama dan kedua sebelum mula menyalin lakaran bagi rangkap yang ketiga.

Seterusnya, peserta P2 berfikir sebelum menyalin rangkap ketiga, keempat dan kelima sajak. Berdasarkan analisis dokumen didapati peserta ini tidak menyalin lakaran sajak yang ditulisnya pada borang lakaran. Terdapat beberapa perubahan yang dilakukan semasa menghasilkan sajak. Peserta ini menambah baris "kini menjadi kering" dan "tapi tidak kutemuinya" pada rangkap ketiga sajak untuk menjelaskan lagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


idea yang ingin disampaikan. Pada rangkap keempat juga ditambah perkataan “tinggi” pada baris kelima. Selain itu, peserta ini juga mengubah baris lakaran sajak “sesungguhnya kitalah yang perlu memelihara bumi sekarang” kepada “sesungguhnya hanya kita yang boleh merawat dan memelihara bumi” apabila menulis sajak yang lengkap. Setelah selesai menulis, peserta ini menyemak sajak yang lengkap ini dengan membandingkan dengan lakaran sajak pada borang lakaran.

Sajak ini ialah karya asli peserta P2 yang terhasil daripada proses penggabungan idea dan bahasa berdasarkan bahan rangsangan dan pengalamannya. Peserta P2 juga telah menggabungkan beberapa patah perkataan untuk membentuk gaya bahasa personifikasi, metafora, sinkof dan inversi dalam penulisan sajaknya. Seterusnya, gaya bahasa ini digabungkan dengan perkataan lain untuk membentuk baris dan rangkap sajak. Peserta ini menggunakan pengetahuannya tentang ciri-ciri dan cara mencipta sajak semasa menulis sajak berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau ini. Jadual berikut memaparkan perincian sajak yang dihasilkan oleh peserta P2:

Jadual 4.16

*Perincian sajak peserta P2 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| Unsur | Perincian Sajak |
|---|---|
| Pemikiran | Pencemaran yang melanda bumi disebabkan oleh perbuatan zalim oleh manusia telah memberikan kesan kepada manusia, alam sekitar dan haiwan. |
| Bentuk | Bebas |
| Rangkap | 5 rangkap |
| Baris | 4 hingga 10 baris dalam setiap rangkap |
| Patah Perkataan | 1 hingga 5 patah perkataan dalam satu baris |
| Bunyi | Asonansi – D*ulu* b*uru*ng berkic*au*<br>Aliterasi – Aman *t*erasa di lubuk ha*t*i |
| Gaya bahasa | Personifikasi – Sekarang *bumi semakin tenat*<br>Metafora – Fenomena sengsara<br>Sinkof – Bumi*ku* menangis<br>Inversi – Sungai airnya jernih |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Peserta P3 pula menghasilkan sajaknya dengan menyalin lakaran sajak daripada borang lakaran rangkap demi rangkap ke dalam borang penulisan sajak. Semasa proses menyalin, peserta ini juga membuat pembetulan iaitu menambahkan beberapa perkataan yang tidak ditulis pada lakaran sajak sebelum ini seperti morfem "nya" pada perkataan "indahnya". Selain itu, terdapat juga perkataan yang digugurkan oleh peserta ini semasa menghasilkan sajak yang lengkap iaitu perkataan "sahaja" pada baris ketiga rangkap kedua, perkataan "ingin" pada baris ketiga rangkap kelima dan morfem "-kah" pada baris kelima rangkap kelima. Semasa penulisan sajak, peserta ini juga melakukan perubahan dari segi susunan atau kedudukan baris. Baris "padang jarak padang tekukur" yang diletakkan pada baris kelima telah diubah kedudukan ke baris kedua dalam rangkap keempat. Setelah selesai menulis sajak, peserta ini menyemak sajaknya dan membuat pembetulan dengan membatalkan baris "indah khabar dari rupa" pada baris satu dalam rangkap keempat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sajak yang dihasilkan oleh peserta ini memperlihatkan keasliannya kerana tidak mempunyai persamaan dengan mana-mana sajak sebelum ini. Berdasarkan pengetahuannya tentang sajak, ciri-ciri dan cara penciptaannya, peserta P3 berjaya menghasilkan sajak yang merupakan produk dalam pemikiran mencipta ini. Sajak yang berbentuk bebas ataupun tidak terikat ini merupakan hasil gabungan idea dan susunan bahasa untuk menyampaikan mesej tentang pencemaran alam dan memberi kesan kepada pembaca. Jadual berikut menunjukkan perincian sajak yang dicipta oleh peserta P3 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.17

*Perincian sajak peserta P3 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| Unsur | Perincian Sajak |
|---|---|
| Pemikiran | Bumi yang menjadi sumber kehidupan manusia dan indah telah tercemar akibat ketamakan manusia. |
| Bentuk | Bebas |
| Rangkap | 5 rangkap |
| Baris | 5 baris dalam setiap rangkap |
| Patah Perkataan | 4 hingga 8 patah perkataan dalam setiap baris |
| Bunyi | Asonansi – Sinarnya m*e*n*e*mbusi lautan j*e*r*e*bu<br>Aliterasi – Ta*m*aknya *mam*pu *mem*bawa si padah |
| Gaya bahasa | Personifikasi – Daun pokok yang *melambai-lambai*<br>Metafora – Lautan jerebu<br>Simile – Matahari bersinar *bak mutiara*<br>Hiperbola – Sikap manusia yang *tamak haloba*<br>Inversi – Yang nyaman mereka panaskan<br>Anafora – *Hidup* yang aman mendamaikan jiwa<br>*Hidup* aman tanpa gangguan |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses menghasilkan ini juga dilakukan oleh peserta P4 dalam penulisan sajaknya. Peserta P4 mula menghasilkan sajak dengan menulis tajuk sajak pada borang penulisan sajak. Seterusnya, menyalin lakaran sajak daripada borang lakaran ke dalam borang penulisan sajak rangkap demi rangkap. Semasa proses menulis sajak ini, peserta P4 ini masih berfikir dan menulis sajak rangkap demi rangkap seperti yang telah ditentukan susunannya pada borang lakaran sebelum ini. Penyusunan ini dilakukan semasa proses merancang kerana lakaran sajak yang disediakan adalah tidak mengikut susunan seperti yang dikehendaki oleh penulis semasa menghasilkan sajak yang lengkap.

Walaupun lakaran sajak disediakan dalam baris dan rangkap yang agak lengkap, peserta ini tetap melakukan perubahan iaitu menambahkan, menggugurkan dan mengubah perkataan semasa menghasilkan sajak yang lengkap. Pada rangkap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pertama, didapati peserta ini telah menambah ungkapan “itulah pencemaran alam” pada baris empat dan menukarkan perkataan “semua ini” kepada “pencemaran alam merupakan” pada baris kelima. Pada rangkap ketujuh pula, ungkapan “manusia hidup dengan pelbagai penyakit” ditukarkan menjadi “manusia hidup tidak aman dijangkiti penyakit” dalam penulisan sajak sebenar. Hal ini menunjukkan bahawa semasa proses penulisan sajak, perubahan masih dilakukan oleh peserta ini agar sajak yang dihasilkan akan menepati tema ini dan memberi kesan yang mendalam kepada pembaca. Setelah sajak disiapkan, peserta ini menyemaknya tanpa membuat sabarang pembetulan sebaliknya menukarkan tajuk sajak daripada “Malaysia maju” kepada “Malaysia bebas”.

Berdasarkan analisis dokumen didapati peserta P4 ini menggabungkan idea dan bahasa untuk mencipta sajaknya. Idea berdasarkan bahan rangsangan dan pengetahuannya digabungkan untuk menyampaikan pemikiran berkaitan dengan pencemaran alam sekitar. Peserta ini telah menyusun dan menggabungkan beberapa patah perkataan untuk membentuk gaya bahasa personifikasi, anafora, hiperbola dan simile dalam penulisan sajaknya. Gaya bahasa ini digabungkan dengan perkataan lain untuk membentuk baris, seterusnya rangkap untuk membentuk sajak. Sajak yang dihasilkan oleh peserta P4 ini adalah karya asli yang dicipta berdasarkan pengetahuannya tentang maksud, ciri-ciri dan cara penulisan sajak. Peserta ini mempunyai pengetahuan sedia ada berkaitan perkara ini terlebih dahulu sebelum mencipta sajak bertemakan alam sekitar dan teknologi hijau ini. Jadual berikut menunjukkan perincian sajak yang dihasilkan oleh peserta P4 berdasarkan tema ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.18

*Perincian sajak peserta P4 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| Unsur | Perincian Sajak |
|---|---|
| Pemikiran | Pencemaran berlaku disebabkan oleh sikap manusia yang mementingkan diri sendiri dan sikap ini telah menjejaskan keindahan alam serta kesihatan manusia. |
| Bentuk | Bebas |
| Rangkap | 8 rangkap |
| Baris | 4 hingga 9 baris dalam setiap rangkap |
| Patah Perkataan | 1 hingga 6 patah perkataan dalam setiap baris |
| Bunyi | Asonansi – Sekuning w*a*rn*a* bung*a* m*a*t*a*h*a*ri<br>Aliterasi – Be*r*sin*a**r* bagaikan satu pe*r*mata |
| Gaya bahasa | Personifikasi – Daunnya *tenang*<br>Hiperbola - Begitu sengsara *menangis kesakitan*<br>Anafora – *Daunnya* tenang<br>*Daunnya* memberi udara nyaman<br>Simile - Be*r*sin*a**r* bagaikan satu pe*r*mata |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, peserta P5 pula menghasilkan sajaknya berdasarkan lakaran sajak yang dilakukan dalam borang lakaran. Semasa menulis sajak, peserta ini merujuk borang lakaran. Peserta P5 ini didapati tidak menggunakan semua isi atau idea daripada lakaran peta minda yang disediakan semasa proses merancang. Semasa proses menulis sajak, peserta ini menggunakan peta minda berkaitan "pencemaran udara" bagi menulis rangkap pertama, peta minda berkaitan "pencemaran air" untuk rangkap kedua dan peta minda berkaitan "pencemaran darat" bagi menghasilkan rangkap ketiga sajak. Idea yang terdapat dalam peta minda berkaitan dengan "zaman dahulu" tidak digunakan dalam penulisan sajak ini. Peserta ini telah menyemak sajak yang telah disiapkan dan membuat pembetulan dengan memadamkan ayat pada baris keenam dalam rangkap ketiga iaitu "mengurangkan sampah kita". Peserta ini juga membetulkan huruf "s" pada perkataan "sungai", huruf "n" pada perkataan "kehidupan" dan "g" pada perkataan "senang" supaya lebih jelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan analisis dokumen, didapati bahawa sajak yang dihasilkan oleh peserta P5 ini memperlihatkan keasliannya kerana tidak mempunyai persamaan dengan mana-mana sajak sebelum ini. Berdasarkan pengetahuannya tentang sajak, ciri-ciri dan cara penciptaannya, peserta ini berjaya menghasilkan produk berbentuk sajak ini. Sajak ini menepati ciri-ciri sebuah sajak yang terhasil daripada penggabungan idea dan penyusunan bahasa untuk menyampaikan mesej tentang pencemaran alam dan memberi kesan kepada pembaca. Penyusunan bahasa merangkumi patah perkataan, baris dan rangkap untuk memberi kesan kepada pembaca. Jadual berikut menunjukkan perincian sajak yang dicipta oleh peserta P5 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau:

Jadual 4.19

*Perincian sajak peserta P5 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| Unsur | Perincian Sajak |
|---|---|
| Pemikiran | Pencemaran alam dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab telah memusnahkan alam sekitar. |
| Bentuk | Bebas |
| Rangkap | 3 rangkap |
| Baris | 6 hingga 8 baris dalam setiap rangkap |
| Patah Perkataan | 3 hingga 7 patah perkataan dalam setiap baris |
| Bunyi | Asonansi – Sungai m*e*nangis t*e*r*e*sak-*e*sak<br>Aliterasi – Tiada jerebu, tiada sesak nafas |
| Gaya bahasa | Personifikasi – Air kotor *hidupan maut*<br>Sinkof – Akibat sikap*mu* yang malas bertanggungjawab<br>Hiperbola – Sungai *menangis teresak-esak* |

Oleh itu, jelaslah bahawa proses menghasilkan dalam pemikiran mencipta berdasarkan penulisan sajak dalam kajian ini adalah merujuk kepada proses menulis atau mencipta sajak. Proses penciptaan sajak ini dilakukan dengan pelbagai cara mengikut pengetahuan, pengalaman dan kemahiran peserta kajian. Produk ataupun hasil kajian ini iaitu sajak adalah bersifat asli yang terhasil daripada proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penggabungan idea dan bahasa bagi membentuk gagasan idea baharu serta memberi kesan yang mendalam kepada pembaca. Proses penghasilan sajak ini melibatkan pengetahuan peserta tentang fakta, konsep dan prosedur tentang penulisan sajak. Oleh itu, peserta kajian perlu mengetahui, memahami dan menguasai setiap pengetahuan berkaitan dengan sajak seperti maksud, ciri-ciri dan cara penulisan sajak terlebih dahulu sebelum mencipta sesebuah sajak.

### 4.2.2 Soalan Kajian 2 : Apakah yang difahami tentang jenis gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom?

Pelbagai jenis gaya bahasa yang digunakan oleh peserta dalam penulisan sajak. Penggunaan gaya bahasa ini adalah untuk memberikan kesan yang lebih mendalam kepada pembaca dan audiens. Berdasarkan analisis dokumen yang dilakukan terhadap sajak yang ditulis oleh peserta berdasarkan dua tema, didapati peserta dapat menggunakan gaya bahasa yang terhasil berdasarkan pemikiran mencipta iaitu gaya bahasa Personifikasi dan metafora. Kedua-dua gaya bahasa berunsurkan pemikiran ini digunakan secara meluas oleh murid dalam penulisan sajak. Oleh itu, dapatan terhadap pemahaman gaya bahasa yang terdapat dalam sajak murid berdasarkan pemikiran mencipta dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson akan dibincangkan berdasarkan dua subtajuk dan dijadikan sebagai tema bagi soalan kajian ini iaitu:

1. Personifikasi; dan
2. Metafora.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam penulisan sajak, gaya bahasa yang dicipta mempunyai bentuk atau pola tertentu berdasarkan fungsinya. Oleh itu, subtema yang berkaitan dengan bentuk dan fungsinya telah dikenal pasti bagi membina kedua-dua tema bagi menjawab soalan kedua kajian ini.

#### 4.2.2.1 Personifikasi

Personifikasi ialah gaya bahasa yang berkaitan unsur perorangan atau penginsanan yang memberi sifat manusia kepada benda bukan hidup. Pemberian sifat ini adalah untuk menggambarkan dengan jelas tentang sesuatu situasi atau keadaan, perasaan, perwatakan dan perbuatan terutama sekali dalam sesebuah puisi seperti sajak. Personifikasi terhasil daripada pemikiran mencipta yang melibatkan gabungan beberapa perkataan yang mempunyai maksud yang berlainan bagi membentuk satu unit makna tertentu.

Dalam kajian ini, peserta kajian didapati cenderung untuk menggunakan personifikasi dalam sajak jika dibandingkan dengan gaya bahasa yang lain. Peserta mencipta gaya bahasa personifikasi dengan menggabungkan beberapa patah perkataan yang terdiri daripada benda bukan hidup dengan perkataan yang menggambarkan sifat benda hidup bagi membina baris dalam sajak. Pemilihan personifikasi ini mempunyai tujuan tertentu berdasarkan tema sajak. Gabungan dua ataupun tiga perkataan yang salah satunya terdiri daripada sifat manusia ataupun benda hidup dalam baris sajak telah menunjukkan peserta kajian mencipta konsep ataupun pengertian yang baharu supaya maksud sajak tersebut dapat disampaikan dengan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan data daripada analisis dokumen yang telah diteliti, didapati semua peserta menggunakan gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak bagi setiap tema sajak. Peserta ini menggabungkan dua hingga empat patah perkataan dengan sepatah hingga dua patah perkataan bagi membentuk gaya bahasa personifikasi. Gabungan perkataan tersebut dilakukan sebelum, selepas ataupun di antara perkataan yang merujuk pada unsur hidup bagi menggambarkan sesuatu perkara, keadaan dan perasaan yang terdapat dalam sajak yang dicipta.

Bagi tema yang pertama iaitu jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan, terdapat 11 ungkapan personifikasi yang dicipta hasil daripada proses pemikiran mencipta oleh peserta kajian dalam penulisan sajak. Peserta P1 menggunakan tiga ungkapan sebagai personifikasi iaitu “Bangunan yang berdiri”, “Titisan darah yang jatuh” dan “Memegang hati rakyat”. Penciptaan tiga ungkapan personifikasi oleh peserta ini adalah hasil gabungan tiga hingga empat perkataan bagi mencipta makna yang baharu. Setiap perkataan mempunyai makna yang berlainan yang mempunyai unsur hidup dan tidak hidup. Berdasarkan penelitian sajak yang dihasilkan, penggunaan personifikasi oleh peserta P1 ini adalah untuk menggambarkan sesuatu perasaan dan keadaan ataupun situasi. Berikut adalah perincian personifikasi yang dicipta oleh peserta P1:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.20

*Gaya bahasa Personifikasi dalam penulisan sajak peserta P1 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| **Personifikasi** | **Objek/Perkara** | **Unsur Hidup** | **Maksud** | **Tujuan** |
|---|---|---|---|---|
| Bangunan yang berdiri | Bangunan yang | berdiri | keadaan yang kukuh dan teguh | Menggambarkan keadaan |
| Titisan darah yang jatuh | Titisan darah yang | jatuh | Banyak darah pejuang yang mengalir kerana terkorban | Menggambarkan situasi |
| Memegang hati rakyat | hati rakyat | Memegang | Memberikan keyakinan kepada rakyat | Menggambarkan perasaan |

Peserta P2 hanya menggunakan satu ungkapan saja sebagai personifikasi iaitu “Keindahan alam memukau pandangan”. Penciptaan personifikasi oleh peserta ini juga melibatkan proses pemikiran mencipta yang terhasil daripada gabungan empat perkataan bagi mencipta makna yang baharu iaitu perasaan terpesona dengan keindahan alam. Perkataan “keindahan”, “alam”, “memukau” dan “pandangan” mempunyai makna asal yang berlainan yang terdiri daripada unsur hidup dan tidak hidup. Berdasarkan penelitian sajak yang dihasilkan, penggunaan personifikasi oleh peserta kedua ini adalah untuk menggambarkan perasaan. Berikut adalah perincian personifikasi yang dicipta oleh peserta P2:

Jadual 4.21

*Gaya bahasa Personifikasi dalam penulisan sajak peserta P2 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| **Personifikasi** | **Objek/Perkara** | **Unsur Hidup** | **Maksud** | **Tujuan** |
|---|---|---|---|---|
| Keindahan alam memukau pandangan | Keindahan alam | Memukau pandangan | Terpesona dengan keindahan alam | Menggambarkan perasaan |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Peserta P3 pula menggunakan ungkapan "Angin berjalan melintasi", "Pohon sentiasa melambai", "Ombak yang tidak akan berhenti mencium pantai" dan "Menggoda mata" sebagai personifikasi. Penciptaan empat ungkapan personifikasi oleh peserta ini adalah hasil gabungan tiga hingga tujuh perkataan bagi mencipta makna yang baharu. Setiap perkataan mempunyai makna yang berlainan yang mempunyai unsur hidup dan tidak hidup. Berdasarkan penelitian sajak yang dihasilkan, penggunaan personifikasi oleh peserta ini adalah untuk menggambarkan tentang sesuatu perasaan dan keadaan. Berikut adalah perincian personifikasi yang dicipta oleh peserta P3:

Jadual 4.22

*Gaya bahasa Personifikasi dalam penulisan sajak peserta P3 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| **Personifikasi** | **Objek/Perkara** | **Unsur Hidup** | **Maksud** | **Tujuan** |
|---|---|---|---|---|
| Angin berjalan melintasi | Angin | Berjalan melintasi | Angin yang bertiup | Menggambarkan keadaan |
| Pohon sentiasa melambai | Pohon | Sentiasa melambai | Pergerakan daun pada pokok | Menggambarkan keadaan |
| Ombak yang tidak akan berhenti mencium pantai | Ombak yang tidak akan berhenti | Mencium pantai | Keindahan di pantai | Menggambarkan suasana |
| Menggoda mata | mata | menggoda | Perasaan kagum dengan keindahan | Menggambarkan perasaan |

Peserta P4 menggunakan hanya satu ungkapan iaitu "Melambai-lambai di tepi pantai" sebagai gaya bahasa personifikasi bagi tema ini. Penciptaan personifikasi ini adalah hasil gabungan empat perkataan iaitu perkataan "melambai-lambai" yang menunjukkan sifat manusia dengan perkataan "di tepi pantai" bagi merujuk maksud yang berkaitan dengan pergerakan daun apabila ditiup angin di tepi pantai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Penggunaan personifikasi oleh peserta P4 ini adalah untuk menggambarkan tentang sesuatu keadaan. Berikut adalah perincian personifikasi yang dicipta oleh peserta P4:

Jadual 4.23

*Gaya bahasa Personifikasi dalam penulisan sajak peserta P4 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| **Personifikasi** | **Objek/Perkara** | **Unsur Hidup** | **Maksud** | **Tujuan** |
|---|---|---|---|---|
| Melambai-lambai di tepi pantai | di tepi pantai | Melambai-lambai | Pergerakan daun ditiup angin di tepi pantai | Menggambarkan suasana yang indah di tepi pantai |

Peserta P5 pula menggunakan hanya dua ungkapan sebagai personifikasi iaitu "Daun kelapa berlambai-lambai" dan "Angin memukul sehingga ke laut kebiruan". Penciptaan personifikasi ini adalah hasil gabungan tiga hingga enam perkataan bagi mencipta makna yang baharu. Perkataan seperti "berlambai-lambai" dan "memukul" ialah perkataan yang merujuk unsur hidup yang digabungkan dengan perkataan unsur bukan hidup seperti perkataan "daun kelapa" dan "angin". Penggunaan personifikasi oleh peserta P5 ini adalah untuk menggambarkan suasana ataupun keadaan. Berikut adalah perincian personifikasi yang dicipta oleh peserta P5:

Jadual 4.24

*Gaya bahasa Personifikasi dalam penulisan sajak peserta P5 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| **Personifikasi** | **Objek/Perkara** | **Unsur Hidup** | **Maksud** | **Tujuan** |
|---|---|---|---|---|
| Daun kelapa berlambai-lambai | Daun kelapa | Berlambai-lambai | Pergerakan daun semasa ditiup oleh angin | Menggambarkan suasana yang indah |
| Angin memukul sehingga ke laut kebiruan | Angin sehingga ke laut kebiruan | memukul | Angin bertiup ke laut yang biru | Menggambarkan suasana yang indah |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Seterusnya, berdasarkan analisis teks yang dilakukan bagi tema yang kedua iaitu alam sekitar dan teknologi hijau, terdapat 14 ungkapan yang dicipta oleh peserta kajian bagi membentuk gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak. Peserta P1 menggunakan tiga ungkapan sebagai personifikasi iaitu “Bumi semakin sedih dan sayu”, “Yang membunuh bumi” dan “Bumi yang nazak”. Penciptaan tiga ungkapan personifikasi oleh peserta ini adalah hasil gabungan tiga dan lima perkataan bagi mencipta makna yang baharu. Setiap perkataan mempunyai makna yang berlainan yang terdiri daripada perkataan yang mempunyai unsur hidup iaitu “sedih dan sayu”, “membunuh” dan “nazak” yang digabungkan dengan perkataan yang tidak mempunyai unsur tidak hidup. Berdasarkan penelitian sajak yang dihasilkan, penggunaan personifikasi oleh peserta P1 ini adalah untuk menggambarkan tentang sesuatu perasaan dan keadaan atau situasi. Berikut adalah perincian personifikasi yang dicipta oleh peserta P1 berdasarkan tema kedua:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.25

*Gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak peserta P1 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| **Personifikasi** | **Objek/Perkara** | **Unsur Hidup** | **Maksud** | **Tujuan** |
|---|---|---|---|---|
| Bumi semakin sedih dan sayu | Bumi semakin | sedih dan sayu | Keadaan bumi yang menyedihkan | Menggambarkan keadaan bumi yang tercemar |
| Yang membunuh bumi | Bumi | Yang membunuh | Yang memusnahkan atau mencemarkan bumi | Menggambarkan sikap manusia yang melakukan pencemaran sehingga memusnahkan bumi |
| Bumi yang nazak | Bumi yang | nazak | Keadaan bumi yang sangat tenat | Menggambarkan keadaan bumi yang semakin serius akibat pencemaran. |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Peserta P2 juga menggunakan tiga ungkapan sebagai personifikasi dalam penulisan sajaknya iaitu “Bumiku menangis”, “Bumi semakin tenat” dan “Kasihankanlah bumi kita”. Penciptaan personifikasi ini adalah hasil gabungan dua dan tiga perkataan yang mempunyai makna yang berlainan dan mempunyai unsur hidup dan tidak hidup. Berdasarkan penelitian sajak yang dihasilkan, penggunaan personifikasi oleh peserta kedua ini adalah untuk menggambarkan perasaan dan sesuatu keadaan. Berikut adalah perincian gaya bahasa personifikasi yang dicipta oleh peserta P2:

Jadual 4.26

*Gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak oleh peserta P2 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| **Personifikasi** | **Objek/Perkara** | **Unsur Hidup** | **Maksud** | **Tujuan** |
|---|---|---|---|---|
| Bumiku menangis | Bumiku | menangis | Keadaan bumi yang menyedihkan | Menggambarkan perasaan |
| Bumi semakin tenat | Bumi semakin | tenat | Pencemaran yang melanda bumi semakin serius | Menggambarkan keadaan |
| Kasihankanlah bumi kita | bumi kita | Kasihankanlah | Perasaan simpati terhadap keadaan bumi yang tercemar | Menggambarkan perasaan |

Peserta P3 juga menggunakan tiga ungkapan personifikasi iaitu “Alam yang sentiasa menghulurkan tangannya”, “Daun pokok yang melambai-lambai” dan “Unggas berumah tangga”. Penciptaan tiga ungkapan personifikasi oleh peserta ini adalah hasil gabungan tiga hingga lima patah perkataan bagi membentuk makna yang baharu. Setiap perkataan mempunyai makna yang berlainan yang mempunyai unsur hidup dan tidak hidup. Berdasarkan penelitian sajak yang dihasilkan, penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


personifikasi oleh peserta P3 ini adalah untuk menggambarkan sesuatu keadaan. Berikut adalah perincian personifikasi yang dicipta oleh peserta P3:

Jadual 4.27

*Gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak oleh peserta P3 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| **Personifikasi** | **Objek/Perkara** | **Unsur Hidup** | **Maksud** | **Tujuan** |
|---|---|---|---|---|
| Alam yang sentiasa menghulurkan tangannya | Alam yang sentiasa | Menghulurkan tangannya | Kita boleh memperoleh sumber alam yang banyak | Menggambarkan keadaan |
| Daun pokok yang melambai-lambai | Daun pokok yang | melambai-lambai | Daun yang bergerak-gerak dtiup angin | Menggambarkan keadaan |
| Unggas berumah tangga | Unggas | berumah tangga | Burung membiak | Menggambarkan keadaan |

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, didapati peserta P4 hanya menggunakan dua ungkapan sahaja sebagai personifikasi berbanding dengan peserta yang lain. Penciptaan personifikasi oleh peserta ini adalah hasil gabungan daripada empat dan enam perkataan yang setiap satu perkataan ini mempunyai makna yang berlainan. Perkataan-perkataan ini terdiri daripada unsur hidup dan unsur tidak hidup yang digabungkan menjadi ungkapan “Bumi sekarang begitu sengsara”, “menangis kesakitan” dan “Alam yang meraung pertolongan”. Berdasarkan penelitian sajak yang dihasilkan, penggunaan personifikasi oleh peserta P4 ini adalah untuk menggambarkan sesuatu keadaan dan perbuatan. Berikut adalah perincian personifikasi yang dicipta oleh peserta P4:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.28

*Gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak peserta P4 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| **Personifikasi** | **Objek/Perkara** | **Unsur Hidup** | **Maksud** | **Tujuan** |
|---|---|---|---|---|
| Bumi sekarang begitu sengsara, menangis kesakitan | Bumi sekarang begitu | sengsara, menangis kesakitan | Keadaan bumi yang sangat menyedihkan | Menggambarkan keadaan |
| Alam yang meraung pertolongan | Alam yang pertolongan | meraung | Bumi meminta bantuan | Menggambarkan sesuatu perbuatan |

Peserta P5 juga turut menggunakan tiga ungkapan sebagai personifikasi dalam penulisan sajaknya iaitu “Sungai gembira mendukung kehidupan”, “Sungai menangis teresak-esak” dan “hidupan maut”. Penciptaan personifikasi ini adalah hasil gabungan tiga dan empat perkataan bagi mencipta makna yang baharu. Perkataan seperti “gembira”, “menangis teresak-esak” dan “maut” ialah perkataan yang mempunyai maksud asal yang tersendiri yang merujuk unsur hidup dan digabungkan dengan perkataan unsur bukan hidup seperti perkataan “sungai gembira mendukung kehidupan”, “Sungai menangis teresak-esak” dan “air kotor hidupan”. Penggunaan personifikasi oleh peserta P5 ini adalah untuk menggambarkan sesuatu keadaan dan peristiwa. Berikut adalah perincian personifikasi yang dicipta oleh peserta P5:

Jadual 4.29

*Gaya bahasa personifikasi dalam penulisan sajak peserta kelima berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| **Personifikasi** | **Objek/Perkara** | **Unsur Hidup** | **Maksud** | **Tujuan** |
|---|---|---|---|---|
| Sungai gembira mendukung kehidupan | Sungai kehidupan | Gembira, mendukung | Keadaan sungai yang bersih dan menyumbang terhadap kehidupan | Menggambarkan keadaan |
| Sungai menangis teresak-esak | Sungai | menangis teresak-esak | Keadaan sungai yang menyedihkan | Menggambarkan keadaan |
| Air kotor hidupan maut | Air kotor hidupan | maut | mati | Menggambarkan peristiwa |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jelaslah bahawa penciptaan gaya bahasa personifikasi adalah hasil daripada penggabungan beberapa perkataan yang berbeza makna bagi membentuk idea ataupun makna yang baharu. Peserta kajian menggabungkan beberapa perkataan yang mempunyai unsur hidup dan tidak hidup bagi membentuk ungkapan ataupun gabungan beberapa perkataan baharu yang membawa makna tertentu seperti gambaran tentang perasaan dan sesuatu keadaan.

#### 4.2.2.2 Metafora

Gaya bahasa berasaskan pemikiran mencipta yang digunakan oleh peserta semasa penulisan sajak juga termasuklah metafora. Metafora ialah gaya bahasa yang menunjukkan perbandingan secara langsung yang dilakukan terhadap sesuatu benda atau perkara dengan benda atau perkara yang lain. Gaya bahasa ini wujud hasil daripada gabungan dua perkataan iaitu satu perkataan berbentuk abstrak dan satu perkataan lagi berbentuk konkrit. Berdasarkan analisis dokumen yang dilakukan, didapati para peserta kajian turut menggunakan gaya bahasa metafora ini dalam penulisan sajak bagi setiap tema untuk membandingkan sesuatu perkara atau peristiwa yang ingin digambarkan dengan perkara yang lain. Namun begitu, penggunaannya agak terhad jika dibandingkan dengan gaya bahasa personifikasi.

Berdasarkan penganalisisan dokumen, metafora digunakan oleh peserta P2, P3 dan P5. Bagi tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan, gaya bahasa ini hanya digunakan oleh peserta P3 sahaja iaitu ungkapan “arus kehidupan”. Ungkapan ini terhasil daripada gabungan perkataan “arus” yang berunsurkan konkrit dengan perkataan berunsurkan abstrak iaitu “kehidupan” bagi membentuk makna yang baharu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


iaitu kehidupan yang berterusan. Berikut adalah perincian metafora yang dicipta oleh peserta P3 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan:

Jadual 4.30

*Gaya bahasa Metafora dalam penulisan sajak oleh peserta P3 berdasarkan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan*

| Metafora | Konkrit | Abstrak | Maksud | Tujuan |
|---|---|---|---|---|
| arus kemodenan | arus | kemodenan | Zaman moden | Menggambarkan masa |

Seterusnya, bagi tema alam sekitar dan teknologi hijau, gaya bahasa Metafora digunakan oleh peserta P2 dan P3. Ungkapan “fenomena sengsara” digunakan oleh P2 dalam penulisan sajak dengan menggabungkan perkataan “fenomena” dan “sengsara”. Perkataan “fenomena” ialah perkataan berunsurkan konkrit dan “sengsara” pula ialah perkataan berunsurkan abstrak. Kedua-dua perkataan ini digabungkan oleh peserta ini bagi mencipta maksud baharu iaitu peristiwa yang membawa penderitaan. Berikut adalah perincian metafora yang dicipta oleh peserta P2 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau:

Jadual 4.31

*Gaya bahasa Metafora dalam penulisan sajak oleh peserta P2 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| Metafora | Konkrit | Abstrak | Maksud | Tujuan |
|---|---|---|---|---|
| fenomena sengsara | Fenomena | sengsara | Keadaan yang penuh dengan penderitaan | Menggambarkan sesuatu keadaan |

Peserta P3 juga menggunakan gaya bahasa metafora dalam penulisan sajak bagi tema ini melalui ungkapan “lautan jerebu”. Perkataan berbentuk konkrit iaitu “lautan” digabungkan dengan perkataan berbentuk abstrak untuk mencipta maksud yang baharu iaitu keadaan jerebu yang sangat serius. Penciptaan ungkapan ini oleh peserta P3 adalah untuk melakukan perbandingan secara terus antara jerebu dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


lautan bagi memberi gambaran tentang keadaan jerebu yang sangat serius. Berikut adalah perincian metafora yang dicipta oleh peserta P3 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau:

Jadual 4.32

*Gaya bahasa Metafora dalam penulisan sajak oleh peserta P3 berdasarkan tema alam sekitar dan teknologi hijau*

| Metafora | Konkrit | Abstrak | Maksud | Tujuan |
|---|---|---|---|---|
| lautan jerebu | lautan | jerebu | Keadaan jerebu yang serius | Menggambarkan sesuatu keadaan |

Oleh itu, jelaslah bahawa penciptaan gaya bahasa metafora adalah hasil daripada penggabungan beberapa perkataan yang berbeza makna bagi membentuk idea ataupun makna yang baharu. Perkataan yang mempunyai maksud konkrit dan abstrak digabungkan bagi membawa makna tertentu seperti gambaran tentang perasaan dan sesuatu keadaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.2.3 Soalan Kajian 3 : Bagaimanakah kaedah pengajaran guru untuk menerapkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua?

Kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah adalah penting bagi memastikan isi pelajaran dan sesuatu kemahiran yang disampaikan dapat difahami oleh murid bagi mencapai objektif pengajaran. Kaedah ini berubah mengikut keadaan, masa, tempat, pelajar dan objektif pengajaran itu sendiri. Dalam kajian ini, temu bual telah dijalankan oleh pengkaji bersama dengan seorang guru bahasa Melayu yang mengajar di kelas peserta kajian dalam kalangan murid. Temu bual ini adalah untuk mendapatkan penjelasan berkenaan kaedah pengajaran dalam memupuk daya pemikiran mencipta dalam kalangan murid. Terdapat pelbagai kaedah yang diamalkan oleh peserta ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk memupuk pemikiran mencipta kepada murid-murid melalui penulisan sajak iaitu pembelajaran berpusatkan bahan, pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran berpusatkan aktiviti dan pembelajaran berpusatkan guru.

#### 4.2.3.1 Pembelajaran berpusatkan bahan

Strategi ini merujuk penggunaan alat-alat bantu bagi memudahkan murid memahami pengajaran guru. Alat bantu ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahan pengajaran yang terdiri daripada bahan yang digunakan oleh guru dan bahan pembelajaran yang digunakan oleh murid. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, didapati kedua-dua strategi ini digunakan oleh peserta kajian. Peserta G1 menggunakan bahan seperti buku teks, bahan maujud seperti gambar dan sumber daripada mata pelajaran lain untuk menjana idea murid-murid dalam penulisan sajak. Jadual berikut menjelaskan strategi pembelajaran berpusatkan bahan yang digunakan oleh peserta G1 dalam menerapkan pemikiran mencipta dalam kalangan murid:

Jadual 4.33

*Pembelajaran berpusatkan bahan*

| Bil | Aktiviti | Proses Pemikiran Mencipta |
|---|---|---|
| 1 | Penggunaan buku teks sebagai rujukan bagi penentuan tema sajak | Menjana Idea |
| 2 | Penggunaan bahan maujud dan gambar dalam membantu murid mencipta sajak. | Menjana Idea |
| 3 | Guru mengaitkan bahan pengajaran dengan mata pelajaran lain. | Menjana Idea |

Berdasarkan jadual 4.1, didapati peserta G1 menggunakan bahan seperti buku teks, bahan maujud seperti gambar dan sumber daripada mata pelajaran lain untuk menjana idea dalam penulisan sajak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**a) Penggunaan buku teks sebagai rujukan**

Berdasarkan temu bual, peserta G1 menggunakan buku teks sebagai rujukan utama dalam penerapan pemikiran mencipta melalui penulisan sajak. Murid-murid dapat merujuk buku teks ini untuk menjana atau menghasilkan idea yang ingin disampaikan melalui penulisan sajak. Hal ini jelas melalui data temu bual berikut:

> "... Kalau mencipta sajak, kita perlu tengok buku teks BM yang digunakan ikut arahan yang ada dalamnya. Kita tengok tema-tema mana yang bersesuaian dalam buku. Saya guna sukatan dalam buku teks. Kalau tak silap saya, tema semangat cintakan negara..."
>
> (G1/TB/KPG)

**b) Penggunaan bahan maujud dan gambar**

Peserta G1 juga menjelaskan bahawa strategi pengajaran beliau dalam penerapan pemikiran mencipta ini juga melibatkan penggunaan bahan rangsangan seperti bahan maujud dan gambar. Antara gambar yang digunakan oleh peserta G1 ini ialah gambar berkaitan dengan semangat cintakan negara dan sambutan hari kemerdekaan. Bahan-bahan ini dimanfaatkan oleh murid-murid untuk menjana idea dalam penulisan sajak mereka. Petikan temu bual berkaitan strategi ini adalah seperti berikut:

> **"...** bahan maujud dan gambar. Macam gambar-gambar yang berkaitan dengan semangat cintakan negara, sambutan hari kemerdekaan..."
>
> (G1/TB/KPG)

Seterusnya peserta ini juga merangsang murid untuk menyampaikan idea dengan lebih berkesan adalah dengan memberi pendedahan kepada mereka tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tempat-tempat menarik di Malaysia yang boleh dikunjungi. Dengan ini, murid dapat menggambarkan tempat-tempat tersebut berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mereka. Data temu bual berikut menjelaskan perkara ini :

> "...tentang tema tanah air itu, kita akan merujuk keistimewaan negara kita ataupun mungkin kita tarik pelajar itu tentang tempat-tempat menarik di negara kita untuk dilawati..."
>
> (G1/TB/KPG)

**c) Guru mengaitkan bahan pengajaran dengan mata pelajaran lain**

Peserta kajian ini juga membantu murid-murid dalam menjana idea dalam penulisan sajak dengan mengaitkan bahan pengajaran dengan sumber daripada mata pelajaran lain seperti Sejarah. Berdasarkan pengetahuan yang dipelajari dalam mata pelajaran Sejarah, murid dapat menjana idea dengan mudah dan berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka sudah mempunyai pengetahuan sedia ada berkaitan dengan idea yang ingin disampaikan dalam sajak mereka seperti digambarkan oleh peserta G1:

> **"...** mereka kan belajar sejarah, belajar tentang pengorbanan pejuang-pejuang untuk mencapai kemerdekaan di Tanah Melayu dulu. Kita pergi kepada subjek sejarah. Mereka tahulah, kemudian kita tanyalah apa pengrobanan mereka yang awak pernah dengar cerita tentang beberapa orang watak di negara kita.. Berkorban, memerdekakan negara, mempertahankan negara daripada penjajahan Inggeris ataupun daripada musuh..."
>
> (G1/TB/KPG)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.2.3.2 Pembelajaran berpusatkan murid

Pembelajaran berpusatkan murid semasa sesi PdPc juga diamalkan oleh peserta G1. Dengan ini, murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran penulisan sajak. Murid juga bebas untuk bertanyakan soalan dan memberi pendapat ataupun idea mereka sendiri. Melalui aktiviti ini, murid akan mudah untuk merancang dan menghasilkan penulisan sajak mereka kerana telah menguasai kedua-dua proses ini. Jadual berikut menjelaskan strategi pembelajaran berpusatkan murid yang digunakan oleh peserta G1 dalam menerapkan pemikiran mencipta kepada murid:

Jadual 4.34

*Strategi pembelajaran berpusatkan murid*

| Bil | Aktiviti | Proses Pemikiran Mencipta |
|---|---|---|
| 1 | Pengajaran berdasarkan pengetahuan sedia murid | Merancang / Menghasilkan |
| 2 | Perkongsian murid tentang cara mendeklamasi sajak | Menghasilkan |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**a) Pengajaran berdasarkan pengetahuan sedia ada murid**

Peserta G1 juga menyatakan bahawa murid-murid mempunyai pengetahuan sedia ada yang berkaitan sajak, ciri-ciri dan cara penulisannya. Pengetahuan sedia ada ini dapat membantu murid untuk merancang medan idea dan bahasa dalam penulisan sajak mereka. Namun begitu, segelintir daripada murid tidak mengingati perkara ini walaupun mereka telah mempelajarinya di tingkatan satu. Hal ini dijelaskan oleh peserta G1 melalui data temu bual berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> **"...** Ya, mereka ada pengetahuan sedia ada.. Cuma mungkin dia lupa, sebab masa Tingkatan 1 pun kita ajar yang sama.. Sajak, pantun.. Mungkin naik Tingkatan 2 tu mungkin dia dah lupa.. Bila kita sebut ya betul.. Dia akui ada belajar tapi dah lupa..."

(G1/TB/KPG)

**b) Perkongsian murid tentang cara mendeklamasi sajak**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, didapati peserta G1 juga melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti pengajarannya. Murid yang pernah mewakili kelas dalam pertandingan deklamasi sajak sudah tentu mempunyai mempunyai pengalaman yang lebih luas berbanding dengan murid yang lain. Peserta G1 telah meminta murid ini untuk mendeklamasikan sajak dengan cara betul. Seterusnya, murid lain akan cuba untuk mendeklamasikan sajak mereka. Perkara ini dijelaskan dalam petikan temu bual berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> **"...** dalam kelas tu ada dua orang yang biasa jadi wakil kelas. Jadi, saya akan pilih salah seorang untuk bacakan sajak mereka...."

(G1/TB/KPG)

**4.2.3.3 Pembelajaran berasaskan aktiviti**

Peserta G1 juga menjalankan PdPc berasaskan aktiviti menerusi pelbagai aktiviti seperti mendeklamasikan sajak, menampal hasil kerja pada buku latihan dan mempamerkan hasil kerja murid pada papan kenyataan di dalam kelas. Aktiviti yang dijalankan oleh guru dan murid merupakan proses terakhir dalam pemikiran mencipta iaitu penghasilan produk iaitu sajak seperti yang terdapat dalam jadual di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.35

*Strategi pembelajaran berasaskan aktiviti*

| Bil | Aktiviti | Proses Pemikiran Mencipta |
|---|---|---|
| 1 | Murid mendeklamasikan sajak di dalam kelas | Menghasilkan |
| 2 | Murid menampal hasil kerja sajak dalam buku latihan | Menghasilkan |
| 3 | Guru mempamerkan hasil kerja sajak pada papan kenyataan di dalam kelas | Menghasilkan |

**a) Murid mendeklamasikan sajak**

Peserta G1 juga menjelaskan bahawa beliau juga menjalankan aktiviti mendeklamasikan sajak semasa pengajaran di dalam kelas. Setelah selesai menulis sajak, beberapa orang murid diberikan peluang untuk mendeklamasikan sajak mereka di hadapan kelas. Hal ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada murid tentang cara mendeklamasikan sajak dengan betul seperti yang digambarkan dalam petikan temu bual di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "...kemudian bagi peluang yang lain untuk cuba sebaik mungkin untuk deklamasikan sajak pelajar tersebut..."

(G1/TB/KPG)

**b) Murid menampal hasil kerja sajak di dalam buku latihan**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, didapati peserta G1 juga melakukan aktiviti pengukuhan selepas proses menghasilkan sajak. Peserta ini meminta murid untuk menampal hasil kerja sajak yang dicipta di dalam buku latihan mereka supaya mereka akan lebih bersemangat untuk mencipta sajak pada masa hadapan. Hal ini jelas dalam petikan temu bual berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


"...ada tampal dalam buku latihan mereka. Bila tengok mereka akan jadi bersemangat..."

(G1/TB/KPG)

**c) Murid menampal hasil kerja pada papan kenyataan kelas**

Seterusnya, peserta G1 memberikan penghargaan kepada daya usaha dan kesungguhan murid untuk mencipta sajak. G1 akan memilih beberapa sajak yang terbaik dan mempamerkan sajak tersebut pada papan kenyataan di dalam kelas untuk dijadikan contoh oleh murid lain dan juga sebagai penghargaan kepada murid berkenaan seperti dijelaskan melalui data yang berikut:

**"**Selain itu, kita juga boleh cipta sajak dan hasil kerja mereka dipamerkan..."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(G1/TB/KPG)

**4.2.3.4 Pembelajaran berpusatkan guru**

Guru memainkan peranan yang penting bagi memastikan objektif pengajaran dapat dicapai dengan sepenuhnya. Selain penggunaan bahan dan aktiviti, guru juga perlu mempunyai kemahiran yang tersendiri seperti kemahiran verbal dalam memberikan penerangan dan penyoalan kepada murid. Peserta G1 ini juga menjalankan pembelajaran berpusatkan guru seperti yang ditunjukkan di dalam jadual berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.36

*Strategi pembelajaran berpusatkan guru*

| Bil | Aktiviti | Proses Pemikiran Mencipta |
|---|---|---|
| 1 | Guru memberi penerangan tentang puisi, sajak, ciri-ciri dan kaedah penciptaan sajak. | Merancang/ Menghasilkan |
| 2 | Guru mencadangkan gaya bahasa yang sesuai. | Merancang/ Menghasilkan |
| 3 | Guru mengajar tentang cara mendeklamasi sajak | Menghasilkan |

**a) Guru memberi penerangan tentang puisi, sajak, ciri-ciri dan kaedah penciptaan sajak**

Sebagai guru, peserta G1 bertanggungjawab untuk mengukuhkan pemahaman murid berkaitan sajak dan ciri-ciri dan proses penciptaannya. Terdapat sebilangan murid yang masih kurang mahir dan menguasai puisi Melayu ini. Oleh itu, G1 menerangkan kepada murid berkaitan puisi, sajak, ciri-ciri dan proses penciptaan sajak. Hal ni jelas berdasarkan data temu bual di bawah:

> " Memang kita beritahulah, apa ciri-ciri sajak ni, beza sajak dengan pantun, kita akan beritahu.. Sebab mereka akan terkeliru antara sajak dengan pantun, kalau sajak ini ciri-ciri dia, kalau pantun, ini ciri-ciri dia..."

(G1/TB/KPG)

Berdasarkan petikan di atas, peserta kajian telah membantu murid-murid untuk memahami ciri-ciri sajak dengan lebih jelas di samping menceritakan permasalahan yang berlaku dalam kalangan mereka dalam mencipta sajak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**b) Guru mencadangkan gaya bahasa yang sesuai**

Semasa proses merancang dan menghasilkan sajak, peserta G1 juga membantu murid-murid dengan cara mencadangkan beberapa gaya bahasa seperti simile yang sesuai untuk digunakan oleh murid semasa mencipta sajak. Peserta G1 memberikan huraian dan panduan untuk memudahkan murid memahami maksud dan tugas sesuatu gaya bahasa itu. Hal ini diperjelas lagi berdasarkan petikan temu bual di bawah:

> **"...** bantulah, saya kata awak dah belajar.. Awak guna unsur-unsur bahasa.. Awak guna yang *simple-simple*, unsur bahasa simile katakan.. Contoh pantai.. Pasir pantai yang cantik ibarat apa.. Gunakan perkataan-perkataan Seperti,... ibarat, bagai, umpama.. Barulah mereka faham sikit.. Unsur anafora itu pengulangan perkataan yang sama..."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(G1/TB/KPG)

Dalam erti kata yang lain, peserta kajian turut terlibat dalam aktiviti penciptaan sajak yang dilakukan oleh murid-murid dengan cara menyediakan buah fikiran iaitu perkataan atau simile yang sesuai digunakan oleh mereka.

**c) Guru mengajar cara mendeklamasi sajak**

Selepas proses penciptaan sajak, murid juga perlu didedahkan dengan aktiviti mendeklamasi sajak yang melibatkan elemen emosi murid. Berdasarkan temu bual, didapati peserta G1 ini juga mengajar dan memberi panduan kepada murid tentang cara mendeklamasikan sajak dengan betul. Oleh itu, murid akan dapat menyalurkan perasaan mereka dengan betul melalui cara deklamasi sajak yang betul seperti yang dijelaskan oleh G1 dalam data temu bual berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> **“** Mereka pun ada bertanya juga, macam mana nak baca sajak cikgu? Jawapan saya, deklamasi sajak ni tak semestinya pekik-pekik. Kalau sedih, nadanya sedih. Tak semestinya nada yang sama sahaja. Kalau sajak bertemakan patriotisme, mestilah bersemangat kan. Kalau kasih sayang, tak perlu. Kita kena ajar mereka sebenarnya...”
>
> (G1/TB/KPG)

Oleh itu, jelaslah bahawa guru sebagai peserta kajian memainkan peranan yang penting sebagai perancang dan pelaksana sesi PdPc Bahasa Melayu, khususnya komsas ketika mengajar tentang penulisan sajak. Data temu bual di atas telah menjelaskan bahawa peserta kajian telah memanfaatkan berbagai-bagai kaedah, strategi dan aktiviti untuk membantu murid-muridnya dalam menjana idea, merancang penulisan dan menghasilkan sajak serta mendeklamasikan sajak di samping memberikan penghargaan atas kesungguhan mereka mencipta sajak. Oleh hal yang demikian, guru bahasa Melayu haruslah memantapkan pengetahuan, penguasaan dan kemahiran berkaitan dengan puisi termasuklah sajak agar dapat memastikan pemikiran mencipta murid dapat ditingkatkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.3 Rajah dapatan kajian

Berdasarkan rajah dapatan kajian di dalam rajah 4.1, dapat dijelaskan bahawa pemikiran mencipta diamalkan oleh murid-murid semasa penulisan sajak. Murid-murid memahami ciri-ciri dan proses penulisan sajak berdasarkan pemikiran mencipta. Dalam proses penulisan sajak, murid dapat menulis sajak menggunakan tiga langkah atau proses yang terdapat dalam pemikiran mencipta berdasarkan Taksonomi Bloom

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Semakan Anderson iaitu menjana, merancang dan menghasilkan. Proses penulisan sajak dimulai dengan proses menjana. Proses menjana idea dalam penulisan sajak ini melibatkan proses menghasilkan medan idea, idea baharu dan mesej serta pengajaran yang akan disampaikan oleh peserta kajian kepada pembaca.

Seterusnya, proses merancang juga diamalkan oleh murid semasa proses mencipta sajak. Murid merancang penulisan sajak dengan pelbagai cara bagi memastikan medan idea dapat diperluas supaya sajak yang dihasilkan akan menepati tema yang telah ditetapkan dan memberi kesan yang mendalam kepada pembaca. Proses terakhir dalam penulisan sajak ini ialah proses menghasilkan sajak. Proses ini adalah penting kerana murid perlu menggabungkan medan idea dan bahasa untuk membentuk baris, rangkap dan seterusnya menjadi sebuah sajak yang lengkap. Penguasaan murid terhadap ketiga-tiga proses dalam penulisan sajak ini menunjukkan bahawa murid-murid telah memahami makna, ciri-ciri dan proses yang terdapat dalam pemikiran mencipta berdasarkan Taksonomi Bloom ini.

Selain penulisan sajak yang lengkap, pemikiran mencipta juga diaplikasikan melalui penciptaan gaya bahasa dalam penulisan sajak. Gaya bahasa ini dihasilkan daripada proses menggabungkan beberapa perkataan bagi membentuk rangkai kata yang mempunyai maksud yang baharu iaitu personifikasi dan metafora. Penguasaan pemikiran mencipta dalam kalangan pelajar juga dipengaruhi oleh pengajaran guru. Melalui dapatan kajian ini didapati guru memainkan peranan penting dalam memupuk pemikiran mencipta ini melalui penulisan sajak. Terdapat pelbagai strategi yang digunakan oleh guru dalam meningkatkan pemahaman murid terhadap penulisan sajak iaitu pembelajaran berasaskan bahan, pembelajaran berasaskan murid, pembelajaran berasaskan aktiviti dan pembelajaran berpusatkan guru. Strategi ini dilihat dapat membantu murid untuk mengaplikasikan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




*Rajah 4.1.* Rajah dapatan kajian



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 4.4 Rumusan

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan maklumat dan data yang telah diperoleh bagi menjawab ketiga-tiga soalan kajian yang telah dinyatakan pada peringkat awal kajian. Proses kajian ini lebih menjurus ke arah pengumpulan data maklumat yang berkisar tentang proses pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Oleh itu, analisis maklumat dan data kajian ini diperoleh daripada hasil dapatan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang dilaksanakan kepada lima orang murid dan seorang guru di salah sebuah sekolah menengah di Negeri Sembilan. Pengkaji telah menganalisis maklumat ini dengan mengikut tatacara penganalisisan data yang telah dirancang pada peringkat awal. Oleh yang demikian, semua data dan maklumat yang diperoleh telah menjawab soalan kajian yang dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 5

# PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

## 5.1 Pengenalan

Penulisan bab lima akan membincangkan hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji. Sehubungan dengan itu, hasil dapatan kajian ini akan digunakan untuk membuat kesimpulan dan menjelaskan beberapa implikasi kajian. Pengkaji juga akan mengemukakan cadangan kajian selanjutnya yang barkait rapat dengan kajian ini secara holistik. Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Oleh itu, kajian ini akan tertumpu kepada amalan pemikiran mencipta yang dipraktikkan oleh murid dalam penulisan sajak berdasarkan Model Taksonomi Bloom Semakan Anderson yang merangkumi makna dan amalan pemikiran mencipta. Proses penulisan sajak oleh murid adalah berdasarkan dua tema bahan rangsangan untuk meneliti makna dan amalan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 5.2 Perbincangan

Keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penulisan sajak adalah amat signifikan dengan pemikiran mencipta yang merupakan aras pemikiran yang tertinggi dalam aras Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Murid memahami makna pemikiran mencipta dan mengamalkan amalan ini melalui penulisan sajak. Berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson ini terdapat dua aras kemahiran berfikir iaitu kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) yang terdiri daripada tahap pemikiran mengingati dan memahami manakala kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pula terdiri daripada mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa bahan ataupun genre komsas seperti sajak adalah penting sebagai alat untuk menerapkan KBAT dalam kalangan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 5.2.1 Makna pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson

Pemikiran mencipta merupakan tahap tertinggi dalam aras KBAT yang perlu dikuasai oleh murid dalam pendidikan pada masa ini. Penguasaan pemikiran mencipta ini adalah untuk melahirkan golongan murid yang kreatif dan inovatif serta mampu bersaing di peringkat global. Setiap murid perlu memahami maksud, ciri-ciri dan proses dalam pemikiran ini, seterusnya menjadikan amalan bukan sahaja dalam PdPc Bahasa Melayu malah dalam kehidupan seharian. Pemikiran mencipta ini adalah proses mengatur atau menyusun idea-idea untuk membentuk satu rumusan yang baharu dan melibatkan proses berfikir. Berdasarkan Model Taksonomi Bloom Semakan Anderson, proses penggabungan ini melibatkan tiga elemen yang penting iaitu menjana, merancang dan menghasilkan. Dalam kajian ini, murid memahami dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengamalkan pemikiran mencipta ini dalam penulisan sajak mereka. Mereka dapat menulis sajak berdasarkan tiga proses ini iaitu menjana idea, merancang dan menghasilkan sajak.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan ini menunjukkan bahawa murid telah memahami dan berjaya mengaplikasi pemikiran mencipta dalam penulisan sajak mereka. Sajak dapat dijadikan sebagai medium untuk meningkatkan penguasaan KBAT murid selain daripada alat pemikiran yang lain. Melalui penulisan sajak ini, murid berupaya menjana idea berdasarkan dua tema bahan rangsangan untuk membentuk medan idea yang ingin disampaikan melalui penulisan sajak. Berdasarkan bahan rangsangan ini, medan idea ini dikembangkan atau diperluas lagi oleh murid berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan imaginasi murid supaya sajak ini dapat memberi kesan kepada pembaca ataupun audiens. Oleh itu, dapatan kajian ini selari dengan dapatan Nik Nur Farihah Nik Harmi (2019) yang mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya komsas boleh dijadikan medium yang berkesan untuk mengajar KBAT dan melahirkan murid yang berfikir secara kritis dan kreatif.

Genre komsas termasuk sajak adalah sesuai untuk dijadikan medium penerapan kemahiran berfikir terutamanya pemikiran mencipta kepada murid dalam aspek seni bahasa dalam bahasa Melayu. Melalui aspek seni bahasa ini, puisi digunakan untuk melakukan aktiviti pembacaan, penulisan dan membuat persembahan untuk melahirkan murid yang aktif dan kreatif. Oleh itu, kajian ini meluaskan dapatan kajian yang dilakukan oleh Roselizam Daud, Roslan Ab Rahman dan Amirah Wahidah Adnan (2020) yang mendapati banyak kajian berkaitan KBAT dalam PdPc sekolah-sekolah di Malaysia banyak dilakukan oleh pengkaji dan telah hampir merangkumi semua mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Seterusnya, murid merancang penulisan sajak dengan membuat lakaran sebagai panduan. Pelbagai cara dan peta pemikiran yang digunakan oleh murid untuk merancang idea dan bahasa yang akan digunakan dalam penulisan sajak termasuklah menggunakan peta minda. Oleh itu, dapatan ini menyokong dapatan Farah Adlina Mokter (2019) iaitu penerapan pemikiran dalam KBAT kepada murid boleh dilakukan dengan pelbagai cara untuk merangsang murid untuk berfikir dan menyelesaikan masalah. Dapatan kajian ini juga menyamai kajian oleh Ahmad Fikri Ab. Rahman dan Zamri Mahamod (2019) yang mendapati bahawa penggunaan teknik lakaran dan peta alir i-Think mampu meningkatkan kemahiran menjana idea dalam penulisan murid dan Siti Halijah Laungeng (2016) yang juga menjelaskan bahawa penggunaan peta konsep dapat meningkatkan kefahaman dan pencapaian pelajar dalam komsas.

### 5.2.2 Gaya bahasa berunsurkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid dapat mencipta gaya bahasa metafora dan personifikasi dalam penulisan sajak berdasarkan pemikiran mencipta seperti yang terdapat dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Namun begitu, murid lebih banyak mencipta gaya bahasa personifikasi berbanding metafora. Secara keseluruhannya, penciptaan gaya bahasa ini adalah hasil daripada proses pemikiran mencipta yang berlaku semasa peserta kajian menulis sajak. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa proses menulis gaya bahasa ini, murid-murid dapat menggabungkan beberapa perkataan tunggal yang mempunyai maksud dan unsur yang berbeza untuk membentuk rangkai kata yang mempunyai gagasan idea yang baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Murid mencipta gaya bahasa personifikasi dengan menggabungkan beberapa patah perkataan yang terdiri daripada benda bukan hidup dengan perkataan yang menggambarkan sifat benda hidup bagi membina baris dalam sajak. Pemilihan personifikasi ini mempunyai tujuan tertentu berdasarkan tema sajak. Gabungan dua ataupun tiga perkataan yang salah satunya terdiri daripada sifat manusia ataupun benda hidup dalam baris sajak telah menunjukkan peserta kajian mencipta konsep ataupun pengertian yang baharu supaya maksud sajak tersebut dapat disampaikan dengan berkesan. Dapatan ini selari dengan Ariff Mohamad & Naffi Mat (2016) yang berpendapat bahawa kata dan ungkapan yang terdapat dalam binaan sajak berunsurkan moden kerana dalam sesebuah sajak, terdapat suasana baru, idea dan sikap yang moden.

Metafora pula ialah gaya bahasa yang menunjukkan perbandingan secara langsung yang dilakukan terhadap sesuatu benda atau perkara dengan benda atau perkara yang lain. Gaya bahasa ini wujud hasil daripada gabungan dua perkataan iaitu satu perkataan berbentuk abstrak dan satu perkataan lagi berbentuk konkrit. Murid menggunakan gaya bahasa metafora ini dalam penulisan sajak bagi setiap tema untuk membandingkan sesuatu perkara atau peristiwa yang ingin digambarkan dengan perkara yang lain. Namun begitu, penggunaannya agak terhad jika dibandingkan dengan gaya bahasa personifikasi. Dapatan ini bertepatan dengan pendapat Ani Omar (2011) yang menyatakan bahawa gaya bahasa metafora adalah untuk membandingkan sesuatu benda dengan benda yang lain secara tidak langsung atau tidak jelas tetapi ringkas dan padat.

Rangkai kata ataupun gabungan perkataan yang membentuk personifikasi dan metafora ini didapati tidak menepati hukum tatabahasa Bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana sudah menjadi kewajaran bahawa sesebuah puisi moden iaitu sajak mempunyai ciri yang melanggar atau menyimpang daripada hukum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tatabahasa kerana sifatnya yang berbentuk bebas dan tidak terikat. Dapatan ini selari dengan dapatan daripada Mohd Saipuddin Suliman (2016) yang menjelaskan bahawa gaya bahasa dan penyimpangan yang dicipta oleh Abdul Ghafar Ibrahim dalam puisi Tri-V banyak menyimpang daripada hukum tatabahasa dan aturan bentuk konvensional.

### 5.2.3 Kaedah pengajaran guru untuk menerapkan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid tingkatan dua?

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kaedah pengajaran guru berada di tahap kualiti yang baik dalam dalam memupuk pemikiran mencipta dalam sajak murid. Terdapat empat strategi yang digunakan oleh guru iaitu pembelajaran berpusatkan bahan, pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran berpusatkan aktiviti dan pembelajaran berpusatkan guru. Dapatan kajian daripada pembelajaran berpusatkan bahan menjelaskan menunjukkan bahawa guru telah melaksanakannya dengan baik dengan menggunakan buku teks sebagai sumber utama, gambar dan sumber pengetahuan daripada mata pelajaran yang lain. Hasil dapatan kajian juga membuktikan guru melaksanakan kaedah pengajaran dengan cara yang tersendiri untuk merangsang penjanaan idea murid, merancang dan menghasilkan sajak.

Walau bagaimanapun, bahan yang digunakan oleh guru ini agak terhad dan perkara ini dikhuatiri akan menyekat kebebasan berfikir murid dalam mengaplikasi pemikiran mencipta ini. Oleh itu, guru-guru bahasa Melayu perlu mempelbagaikan bahan dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti kebolehan, minat, persekitaran dan lain-lain untuk merangsang idea murid supaya murid berfikir. Dapatan ini juga selari dengan dapatan Farah Aziana Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman (2018) yang mencadangkan guru menggunakan modul pengajaran KBAT dan bahan sumber

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang membantu guru menerapkan KBAT termasuk pemikiran mencipta dalam sesi PdPc dan Rozani Ahmad (2017) telah menjelaskan bahawa tahap keupayaan guru menggunakan bahan Komsas sangat mempengaruhi kompetensi pengajaran guru bahasa Melayu.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan guru juga menjalankan kaedah pembelajaran berpusatkan murid untuk memupuk pemikiran mencipta dalam kalangan murid. Berdasarkan kaedah ini, murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran penulisan sajak. Guru memberi kebebasan kepada murid untuk bertanyakan soalan dan memberi pendapat ataupun idea mereka sendiri. Dapatan ini selari dengan Anisah Samingan dan Ruslin Amir (2016) yang berpendapat bahawa kejayaan sesuatu sesi pengajaran dan pemudahcaraan KBAT juga dipengaruhi oleh murid sendiri seperti gaya pembelajaran murid di dalam kelas. Selain itu, guru turut memberi peluang dan galakan kepada murid yang pernah menyertai pertandingan deklamasi untuk mendeklamasikan sajak yang dicipta oleh mereka di hadapan kelas supaya dapat dijadikan panduan oleh murid yang lain.

Dapatan seterusnya menunjukkan guru menjalankan pengajaran berasaskan aktiviti dalam memupuk amalan pemikiran mencipta kepada murid dengan mengadakan aktiviti mendeklamasikan sajak, menampal hasil kerja pada buku latihan dan mempamerkan hasil kerja murid pada papan kenyataan di dalam kelas. Melalui aktiviti ini murid akan diberi pendedahan tentang cara mendeklamasikan sajak dengan betul supaya nilai keyakinan dapat dipupuk dalam kalangan murid. Aktiviti mempamerkan hasil sajak pada papan kenyataan di dalam kelas adalah sebagai penghargaan kepada murid yang berjaya menghasilkan sajak yang terbaik dan memberi semangat kepada murid yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Guru juga menjalankan kaedah pengajaran berpusatkan guru kerana guru tidak bertindak sebagai fasilitator sepenuhnya dalam proses pengajaran berasaskan pemikiran mencipta. Dalam kajian ini, peranan guru agak terhad dan guru hanya memberikan penerangan kepada murid berkaitan dengan ciri-ciri sajak, proses penciptaan sajak dan cara mendeklamasi sajak dengan betul. Penglibatan guru yang terhad ini adalah untuk memberi peluang kepada murid untuk berfikir dengan lebih kreatif, kritis dan inovatif. Oleh itu, dapatan ini memberi penambahbaikan terhadap dapatan kajian Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Mohd Amir Mohd Zahari dan Marlini Idris (2020) yang menjelaskan bahawa berdasarkan amalan KBAT yang wujud dalam pedagogi guru berlaku pada aras pengaplikasian sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa dalam proses PdPc yang menggunakan bahan komsas iaitu sajak, guru menggunakan pedagogi berasaskan pemikiran mencipta yang merupakan aras tertinggi dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 5.3 Kesimpulan

Kesimpulan keseluruhan dapatan kajian berkaitan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson ini adalah merujuk kepada pemahaman dan amalan pemikiran mencipta yang merangkumi menjana, merancang dan menghasilkan dalam penciptaan gaya bahasa dan penulisan sajak. Murid memahami makna pemikiran mencipta dan mengamalkan pemikiran ini dalam penulisan sajak mereka. Semasa proses penulisan sajak, pelajar dapat mengamalkan tiga elemen pemikiran mencipta ini dengan baik bagi menghasilkan gaya bahasa dan sajak secara keseluruhannya yang dapat memberi kesan yang mendalam kepada pembaca ataupun audiens. Selain pelajar, penguasaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


KBAT terutamanya pemikiran mencipta dalam kalangan pelajar juga bergantung pada kaedah pengajaran guru. Guru juga berperanan penting dalam menerapkan pemikiran ini kepada pelajar terutama sekali melalui penggunaan bahan ataupun genre komsas.

Kajian memperlihatkan bahawa murid berjaya memahami makna pemikiran mencipta dan mengamalkannya dalam penulisan sajak. Hal ini menunjukkan bahawa murid memahami bahawa pemikiran mencipta itu wujud melalui gabungan beberapa idea atau produk untuk menghasilkan gagasan idea yang baharu. Produk baharu berdasarkan kajian ini ialah sajak itu sendiri yang terhasil daripada gabungan perkataan, ayat dan perenggan untuk membentuk kesatuan idea yang bermakna untuk memberi kesan kepada pembaca. Murid dapat memahami bahawa pemikiran mencipta berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson ini berlaku berdasarkan tiga elemen yang utama iaitu menjana, merancang dan menghasilkan. Bagi aspek menjana idea yang merangkumi idea baharu dan mesej, murid berjaya menjana idea yang ingin disampaikan dalam sajak mereka berdasarkan empat tema yang dikemukakan. Penjanaan idea oleh murid ini bukan sahaja berlaku berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan sebaliknya lebih daripada itu apabila murid berupaya meluaskan medan idea yang ingin disampaikan melalui pengalaman sendiri dan orang lain, pembacaan dan imaginasi.

Aspek merancang merupakan langkah kedua dalam pemikiran mencipta selepas menjana idea. Kajian ini memperlihatkan bahawa murid berjaya merancang dengan baik sebelum menulis sajak. Pelbagai cara yang digunakan untuk memastikan mereka benar-benar dapat menghasilkan sajak yang berkesan. Seterusnya, aspek menghasilkan sajak merupakan proses terakhir dalam pemikiran mencipta. Semasa penghasilan sajak, pelbagai perkara penting yang dilakukan oleh murid untuk memastikan sajak tersebut menepati tema yang terdapat dalam bahan rangsangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Tambahan pula, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid berjaya mencipta dan menggunakan gaya bahasa berdasarkan pemikiran mencipta iaitu personifikasi dan metafora untuk digunakan semasa penulisan sajak. Dalam proses penciptaan kedua-dua gaya bahasa ini, murid sudah memahami dan dapat mengamalkan pemikiran mencipta ini dengan menggabungkan beberapa perkataan yang mempunyai maksud yang berbeza bagi membentuk maksud yang baharu. Bagi gaya bahasa personifikasi, murid berjaya menggabungkan beberapa perkataan yang terdiri daripada unsur hidup dan bukan hidup untuk membawa maksud perorangan manakala metafora pula, murid menggabungkan beberapa perkataan yang konkrit dan abstrak bagi membentuk perkataan baharu yang membawa maksud yang lain.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kejayaan penguasaan KBAT terutamanya pemikiran mencipta dalam kalangan murid turut dipengaruhi oleh kaedah pengajaran atau pedagogi guru. Guru Bahasa Melayu berjaya menerapkan amalan pemikiran mencipta melalui pelbagai kaedah pengajaran di dalam kelas terutama sekali semasa PdPc komsas. Guru telah menjalankan pelbagai strategi seperti pembelajaran berpusatkan bahan, pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran berpusatkan aktiviti dan pembelajaran berpusatkan guru. Guru juga merancang dan melaksanakan pengajaran menggunakan bahan komsas dengan baik bagi menerapkan pemikiran mencipta ini. Guru juga telah merangsang pelajar untuk menghasilkan dan mengembangkan idea yang ingin digunakan oleh mereka dalam penulisan sajak dengan baik.

Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan panduan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) untuk menggubal kerangka kurikulum Bahasa Melayu yang berkaitan dengan kepentingan dan keperluan penggunaan bahan komsas untuk menerapkan elemen KBAT dalam PdPc Bahasa Melayu. Kajian terhadap pemikiran mencipta dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menggunakan sajak ini dilihat akan dapat merangsang penguasaan KBAT murid. Hal ini menunjukkan bahawa bahan komsas adalah menjadi sumber penting dalam PdPc kemahiran berbahasa dalam Bahasa Melayu. Dengan ini, penetapan matlamat, objektif, kaedah dan pemilihan teks komsas memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju dan matlamat penerapan eleman KBAT melalui penggunaan bahan Komsas.

## 5.4 Implikasi

Kajian ini memberi implikasi yang jelas terhadap peri pentingnya amalan dan penguasaan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid khususnya murid tingkatan dua. Berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson, pemikiran mencipta merupakan aras tertinggi yang merangkumi tiga elemen atau proses yang penting iaitu menjana, merancang dan menghasilkan. Tiga aspek ini akan menjadi panduan yang jelas terhadap penerapan dan amalan KBAT khususnya pemikiran mencipta dalam kalangan murid dan guru. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap aras pemikiran dalam KBAT mempunyai elemen yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini akan menentukan pendekatan ataupun kaedah yang akan digunakan oleh guru untuk menerapkan setiap aras pemikiran ini kepada murid.

Pengetahuan dan amalan pemikiran mencipta berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson ini menjadi kayu ukur untuk menilai penguasaan KBAT dalam kalangan murid. Dengan ini, terbukti bahawa hanya pelajar yang menguasai pemikiran mencipta yang luas akan berupaya menghasilkan gagasan atau idea yang baharu. Selain itu, guru juga berperanan dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi memastikan penerapan elemen KBAT ini dapat dilakukan melalui penggunaan bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Komsas seperti sajak dalam PdPc komsas dalam Bahasa Melayu. Melalui penggunaan penulisan puisi seperti sajak, amalan pemikiran mencipta dapat diterapkan kepada murid bagi melahirkan golongan murid yang mampu mengorganisasikan pemikiran berdasarkan keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta berupaya mencipta sesuatu.

Selain itu, guru Bahasa Melayu juga perlu mempelbagaikan alat atau medium penerapan KBAT terutamanya pemikiran mencipta dengan menggunakan bahan ataupun genre komsas yang lain seperti pantun, syair, gurindam, seloka, drama, cerpen dan novel serta penulisan karangan. Melalui aktiviti menghasilkan bahan-bahan ini, guru akan dapat mendedahkan murid kepada empat aras tertinggi berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Oleh itu, guru perlu bijak dalam memilih, merancang dan melaksanakan aktiviti menggunakan bahan ini agar proses bagi setiap aras pemikiran KBAT dapat dijalankan dengan jayanya.

## 5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Pengkaji telah mengemukakan cadangan yang berikut sebagai kajian lanjutan pada masa akan datang. Oleh sebab kajian ini hanya menggunakan peserta dalam kalangan murid tingkatan dua sahaja, pengkaji mencadangkan supaya kajian yang sama dijalankan bagi murid tingkatan satu, tiga, empat dan lima serta guru yang mengajar murid berkenaan. Dengan itu, maklumat yang menyeluruh yang merangkumi pelbagai tahap murid berkaitan amalan pemikiran mencipta dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penulisan sajak murid dan kaedah pengajaran guru akan diperoleh. Di samping itu, dapatan daripada kajian-kajian tersebut juga boleh digunakan sebagai perbandingan untuk menyokong atau menolak dapatan yang diperoleh daripada kajian ini.

Seterusnya, oleh sebab kajian ini hanya menumpukan kepada penggunaan sajak sebagai alat penerapan pemikiran mencipta sahaja namun sebenarnya terdapat pelbagai bahan komsas lain yang boleh digunakan seperti cerpen, novel, puisi Melayu tradisional dan drama. Genre-genre komsas ini mempunyai keunikan yang tersendiri dan berupaya menjadi medium dalam penerapan amalan KBAT terutama sekali pemikiran mencipta. Oleh itu, dicadangkan supaya kajian-kajian seterusnya akan melibatkan penggunaan bahan genre komsas lain yang dipelajari oleh murid berdasarkan KSSM. Penggunaan bahan komsas tersebut diyakini dapat menambahkan lagi maklumat tentang pengetahuan dan penguasaan KBAT dalam kalangan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, kajian berkaitan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak ini dijalankan berdasarkan dua tema bahan rangsangan yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu tingkatan dua iaitu jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan dan alam sekitar dan teknologi hijau. Penggunaan bahan rangsangan ini adalah berpadukan DSKP Bahasa Melayu tingkatan dua yang memerlukan murid mengaplikasikan pemikiran mencipta dengan menulis sajak berdasarkan bahan rangsangan. Bahan rangsangan ini telah memudahkan murid untuk menjana dan mengembangkan idea yang akan digunakan dalam penulisan sajak mereka. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian terhadap pemikiran mencipta dalam penulisan sajak yang akan datang tidak menggunakan bahan rangsangan sebaliknya memberi kebebasan kepada murid-murid untuk menjana dan mengembangkan idea yang ingin disampaikan. Murid boleh menulis sajak berdasarkan sesuatu keadaan ataupun perasaan yang dialami semasa menghasilkan sajak tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Di samping itu, pengkaji turut mencadangkan kajian yang akan datang menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik. Dengan menggunakan soal selidik, pengkaji akan datang dapat mengumpulkan maklumat penyelidikan dengan lebih menyeluruh yang meliputi skala yang besar dalam kalangan murid dan guru. Seterusnya, kajian ini dimantapkan lagi dengan kesahannya dengan temu bual yang dapat memberikan maklumat menyeluruh agar menghasilkan dapatan yang baik dan kesahan yang tinggi.

Diharapkan dapatan daripada kajian ini dan cadangan kajian lanjutan yang akan dijalankan berkaitan dengan amalan pemikiran mencipta murid dalam penulisan sajak ini dapat dimanfaatkan untuk meluaskan lagi penguasaan pemikiran mencipta murid melalui penggunaan puisi seperti sajak. Di samping itu, kaedah pengajaran guru dalam penerapan KBAT terutamanya pemikiran mencipta dapat dimantapkan lagi melalui penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar agar melahirkan golongan murid yang berupaya untuk berfikir dengan kreatif, kritis dan berupaya menyelesaikan sesuatu masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 5.6 Rumusan

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperoleh dan huraian yang jelas tentang pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson ini, pengkaji berkeyakinan bahawa ketiga-tiga soalan kajian dapat dijawab. Kajian ini berjaya menunjukkan bahawa pemikiran mencipta boleh dikuasai oleh murid menggunakan genre komsas iaitu penulisan sajak. Penguasaan pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid memberikan impak yang positif terhadap penguasaan KBAT dan murid secara keseluruhan. Jelaslah bahawa penguasaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pemikiran mencipta ini akan menghasilkan golongan murid yang berupaya membuat keputusan melalui penaakulan dan menilai sesuatu secara logik dan rasional, menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi, membuat pertimbangan secara logik serta berfikir secara berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi dalam kehidupan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**RUJUKAN**

A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah, & Zamri Mahamod. (2015). Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam Salak Didik dengan elemen nyanyian dan pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, *5*(Mei), 53–60. https://doi.org/10.1002/wcs.1336

Abdul Halim Ali. (2004). *Di Sekitar puisi Melayu moden*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ahmad Fikri Ab Rahman, & Zamri Mahamod. (2019). Teknik lakaran bersama peta alir i-Think meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, *9*(Mei), 12–22.

Ainon Mohd, & Abdullah Hassan. (1997). *Motivasi belajar berfikir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Anderson, L.W. & Krathwohl, D.R. (Eds.). (2014). *Kerangka Landasan untuk Pembelajaran, Pengajaran dan Asesmen* (Agung Prihantoro, Trans.). Pustaka Pelajar. (Original work published 2001).

Ani Omar. (2011). *Apresiasi teori Kesusateraan Melayu*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Mohd Amir Mohd Zahari, & Marlini Idris. (2020). Analisis Pelaksanaan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah Orang Asli. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, *10*(April), 48–63.

Anisah Samingan, & Ruslin Amir. (2016). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *International Conference on Education and Regional Development 2016*, *2016*(November), 71–79.

Arfah Ahamad, Fadzilah Amzah, & Rohizani Yaakub. (2019). Tahap Awal Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Murid Kesusasteraan Melayu : Satu kajian tinjauan. *Junal Penyelidikan Khazanah*, *21*, 3–16.

Ariff Mohamad. (2012). *Interpretasi dan pedagogi Bahasa Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ariff Mohamad, & Naffi Mat. (2016). *Pengajaran komponen sastera dalam Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Muhibbah Publications.

Ariff Mohamad, & Siti Khariah Mohd Zubir. (2009). *Kesusasteraan dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Azmi Rahman. (2016). *Sastera siber penciptaan dan apresiasi puisi*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Azraai Othman, Dani Asmadi Ibrahim, & Othman Talib. (2015). Taksonomi Bloom Asal Taksonomi Bloom Baharu, *8*, 12–21.

Bahagian Pembangunan Kurikulum, K. P. M. (2014). *Kemahiran berfikir aras tinggi aplikasi di sekolah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014a). *Elemen KBAT dalam kurikulum*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014b). *Elemen KBAT dalam pedagogi*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *PISA 2016 Programme for international student assessment*. Putrajaya: Bahagian perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pencapaian Malaysia dalam PISA 2019*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bavani Nandakumal. (2016). *Penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi menerusi pembelajaran mata pelajaran Sejarah dalam kalangan pelajar tingkatan empat*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Bloom, B. S., Max D., E., Edward, J., F., Walker H., H., & David R., K. (1956). *Taxonamy of educational objectives: the classification of Educational goals; Handbook I: cognitive domain*. New York: Longmans.

Brahim Ampuan Tengah. (2006). *Fungsi Sastera*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chew, F.P, & Shashipriya Nadaraja. (2014). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif Dan Kritis Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komsas Di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *4*(2), 10–24.

Chew, F. P., & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, *8*(1), 2180–4842.

Creswell, J., & Poth, C. (2013). *QualitativeInguiry Research Design*. *Journal of Chemical Information and Modeling* (Vol. 53). https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Creswell, J. W. (2014). *Research design: qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Los Angeles: Sage Publications.

Creswell J. W, & Poth N. C. (2018). *Qualitative inquiry and research design*. United Kongdom: Sage Publications.

Dharmawijaya. (1989). *Berkenalan dengan puisi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Fadilla Anak Layang, & Zamri Mahamod. (2019). Tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran peta pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *44*(1), 37–44.

Farah Adlina Mokter. (2019). Keberkesanan Pembelejaran Berasaskan Masalah Terhadap Pencapaian dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *9*(1), 33–46. https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004

Farah Aziana Abdul Aziz, & Fadzilah Abd Rahman. (2018). Sorotan Kajian Kesediaan Dan Keperluan Guru Bahasa Melayu Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Bilik Darjah. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, *9*, 80–101. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.7.2017

Harry Daniels. (2016). *Vygotsky and pedagogy*. London: Routledge Taylor & Francis Group.

Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Yusoff. (2008). *Kesusasteraan Melayu lama dan baru*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Jafry Mohd Daud. (2017). *Kesan intergrasi Model Salmon dan Teori Konstruktivisme Lima Fasa Needham terhadap pencapaian pelajar dalam e-pembelajaran Sains Komputer*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Junaidy Mohamad Hashim. (2017). *Paradigma baharu guru Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

Kamus Dewan. (2019). *Kamus Dewan Edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Pengumuman analisis keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pengumuman analisis keputusan peperiksaan SPM 2018*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Krathwohl, D. R. (2010). A revision of Bloom's Taxonomy: An Overview. *American Journal of Psychology*, *41*(4), 212–218. https://doi.org/10.1207/s15430421tip4104

Krathwohl, David R. (2010). A Revision of Bloom ' s Taxonomy :, *5841*(2002). https://doi.org/10.1207/s15430421tip4104

Kurikulum Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Dokumen Standard dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 2*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Marohaini Mohd Yusoff (Ed.). (2016). *Penyelidikan kualitatif: pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mazlan Ismail. (2016). *Didik hibur dalam seni bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative reaseach a guide to design and implementation*. San Fransisco: Jossey-Bass.

Mohd Nasrudin Basar, & Siti Halimah Md Yassin. (2012). *Kemahiran berfikir kritis, kreatif, inovatif*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.

Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha, Nik Azimah Nik Yusuff, & Rosnidar Mansor. (2017). Pembangunan Modul Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di dalam Mata Pelajaran Sains Sekolah Rendah: Analisis Keperluan Guru. *Sains Humanika*, *9*(1–5), 119–125. https://doi.org/10.11113/sh.v9n1-5.1185

Mohd Saipuddin Suliman. (2016). *Penerapan teori Stilistik dan Teksdealisme bagi menganalisis puisi Tri-V Ghafar Ibrahim*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd Taib Osman. (1977). *Pengajaran bahasa dan kesusatraan Malaysia: kertaskerja-kertaskerja seminar anjuran Jabatan Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Hassan. (2007). *Teori pendidikan pemikiran global*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendikan Idris.

Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Mohamad, W. M. R. W., & Melor Md Yunus. (2018). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Karangan UPSR oleh Guru Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes. *Sains Humanika*, *10*(3–2), 27–37. https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-2.1485

N.S Rajendran. (2017). *Pengajaran dan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi: teori dan amalan*. (Mohd Mustamam Abd Karim (Terj.), Ed.). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendikan Idris (Karya asal diterbitkan pada 2008).

Nadia Hamid. (2017). Hasilkan graduan masa depan. *Berita Harian*. Retrieved from https://www.bharian.com.my/

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Nasyimah Ismail, & Zamri Mahamod. (2016). Sikap dan kesediaan pelajar sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran Komsas bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.

Nik Nur Farihah Nik Harmi. (2019). Keberkesanan kaedah peta pemikiran i-Think terhadap pencapaian dan sikap murid dalam pembelajaran Komsas. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) AMALAN*, *9*(Mei), 23–32.

Noor Aini Ahmad. (2016). *Senario menjalankan kajian inkuiri naratif*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Norafidah Noralidin. (2017). *Pembinaan model pengajaran kemahiran menulis karangan berdasarkan teori Konstruktivisme*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nordiana Ab Jabar. (2015). *Keunggulan unsur falsafah pendidikan kebangsaan dalam puisi melayu tradisional Komsas*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Norliza Abdullah. (2018). *Kesan pendekatan kemahiran berfikir aras tinggi terhadap skor penulisan karangan murid*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nurul Husna Muhammad. (2012). *Pembangunan modul ICTL berasaskan pendekatan pengajaran langsung dan teori kontruktivisme untuk pelajar orang asli*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan Kualitatif*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Othman Puteh. (1998). *Tanggapan terhadap kesusasteraan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pranee Liamputtong. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif. (Haliza Mohd Riji & Shamsuddin Ahmad, Terj.)*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Pres.

Pusat Perkembangan Kurikulum, K. P. M. (2000). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 26.

Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan istilah sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Rahman Shaari. (2018). *Bahasa dan sastera dalam pendidikan*. Ampang: Pekan Ilmu Publications.

Ratna Farida, Amru Alba, Rudi Kurniawan, & Zainuddin, Z. (2019). Pengembangan model pembelajaran Flipped Classroom dengan Taksonomi Bloom pada mata kuliah Sistem Politik Indonesia. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, *07*(02), 104–122.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Roselizam Daud, Roslan Ab Rahman, & Amirah Wahidah Adnan. (2020). Keberkesanan Peta Pemikiran I-Think Dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ( KBAT). *International Social Science and Humanities Journal*, *3*(1), 64–78.

Rozaiman Makmun. (2008). *BAHTERA : Bahan sastera dalam pengajaran bahasa*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rozani Ahmad. (2017). Keupayaan Menggunakan KOMSAS sebagai Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *7*(2), 65–76.

Shamsudin Othman, Ghazali Lateh, & Nurul Faidzah Ab Hadi. (2014). Penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah MENENGAH. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *4*(1), 59–64.

Shukran Abdul Rahman, & Nor Faridah Abdul Manaf. (2017). A Critical Analysis of Bloom's Taxonomy in Teaching Creative and Critical Thinking Skills in Malaysia through English Literature. *English Language Teaching*, *10*(9), 245. https://doi.org/10.5539/elt.v10n9p245

Silverman, D. (2013). *Doing qualitative research: A practical Handbook*. Thousand Oaks: Sage Publications.

Siti Halijah Laungeng. (2016). Strategi Peta Konsep dan Strategi Tradisional terhadap Pencapain Komsas dalam Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ*, *6*(Mei), 30–37.

Siti Khariah Mohd Zubir. (2016). *pengajaran Komsas berpusatkan murid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.

Smith, J. A., Flowers, P., & Larkin, M. (2009). *Interpretative phenomenologikal analysis: theory, method and research*. London: Sage Publications Ltd.

Sulaiman Masri, Abdullah Yusof, & Mohd Ra'in Shaari. (2006). *Bahasa Melayu dimensi pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Syahida Nadia Zakaria. (2015). Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera bahasa melayu. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*.

Tajularipin Sulaiman, & Aminuddin Hassan. (2009). *Peranan minda dalam kemahiran berfikir*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**LAMPIRAN A**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
ARAS 1-4, BLOK E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

TEL : 0388846591
FAKS : 0388846579

**Ruj. Kami** : KPM.600-3/2/3-eras(8019)
**Tarikh** : 8 September 2020

**ZARINA BINTI ABU HASSAN**
**NO. KP : 730208025704**

115, JALAN SERI PANDAN 4, TAMAN SERI PANDAN, SIKAMAT
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN 70400 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN

Tuan,

**KELULUSAN BERSYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN :**
**PEMIKIRAN MENCIPTA DALAM PENULISAN SAJAK MURID BERDASARKAN TAKSONOMI BLOOM**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti di bawah telah diluluskan dengan syarat :

**" 1.KELULUSAN INI BERGANTUNG KEPADA PERTIMBANGAN PENTADBIR SEKOLAH. 2.HANYA TEMUBUAL SAHAJA DIBENARKAN. 3.PEMERHATIAN SERTA RAKAMAN VIDEO AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MURID DI DALAM BILIK DARJAH TIDAK DIBENARKAN. "**

3. Kelulusan adalah berdasarkan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua / Guru Besar yang berkenaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **1 September 2020** hingga **28 Februari 2021**

5. Tuan dikehendaki menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat pdf dalam CD kepada Bahagian ini.Tuan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak diterbitkan di mana-mana forum, seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Penyelidikan dan Penilaian Dasar
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

salinan kepada:-

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

* SURAT INI DIJANA OLEH KOMPUTER DAN TIADA TANDATANGAN DIPERLUKAN *

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**LAMPIRAN B**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah,
Karung Berkunci No. 6,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-7653100
Faks : 06-7639969
Laman Web : jpnns.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNS.SPS.PM.100-2/5 Jld. 4(24)
Tarikh : 18 SEPTEMBER 2020

**ZARINA BINTI ABU HASSAN**
**NO.KP: 730208025704**

115, Jalan Seri Pandan 4,
Taman Seri Pandan, Sikamat
70400 Seremban
Negeri Sembilan

Tuan,

**KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN KE SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Saya dengan segala hormatnya memaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian bertajuk: **Pemikiran Mencipta Dalam Penulisan Sajak Murid Berdasarkan Taksonomi Bloom.**

2. Tuan hendaklah menghubungi dengan Pengetua sekolah berkenaan untuk meminta persetujuan dan membincangkan kajian tersebut di tempat seperti berikut:

i. **SMK KING GEORGE V**

3. Dimaklumkan bahawa kebenaran ini diberikan berdasarkan surat kelulusan dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, nombor rujukan KPM.600-3/2/3-eras (8019) bertarikh 8 September 2020 dan **sah digunakan bermula dari 01 September 2020 hingga 28 Februari 2021.**

4. Tuan hendaklah menghantar satu naskah hasil kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat Pdf di dalam CD ke Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (u.p : Unit Menengah dan Tingkatan Enam).

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**
**'BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI MD FIAH BIN MD JAMIN)**
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

**Nota** :- Sila beri satu salinan surat kelulusan semasa membuat kajian di sekolah

05-45068

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**LAMPIRAN C**

Zarina binti Abu Hassan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900, Tanjong Malim,
Perak.

---

Pengetua,
SMK King George V,
Jalan Zaaba,
70100, Seremban,
Negeri Sembilan.

30 September 2020

Tuan,

**PERMOHONAN KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DI SMK KING GEORGE V**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya, Zarina binti Abu Hassan, pelajar Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ingin memohon kebenaran pihak tuan untuk menjalankan kajian di SMK King George V, Seremban, Negeri Sembilan untuk menyiapkan tesis yang bertajuk **PEMIKIRAN MENCIPTA DALAM PENULISAN SAJAK MURID BERDASARKAN TAKSONOMI BLOOM.**

3. Untuk makluman pihak tuan, kajian ini akan melibatkan lima orang murid cemerlang tingkatan dua dan seorang guru Bahasa Melayu sebagai peserta kajian. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual yang akan dijalankan di luar sesi Pdpc.

05-45068

4. Bersama-sama ini juga dilampirkan dokumen berikut untuk rujukan pihak tuan.

3.1 Surat kelulusan menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia.
3.2 Surat kelulusan menjalankan kajian daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS)
3.3 Surat pengesahan pelajar
3.4 Jadual pelaksanaan kajian

5. Jika terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi saya di talian 0129356819 atau e-mel: aniraz730208@gmail.com. Kerjasama daripada pihak tuan amat saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**(ZARINA BINTI ABU HASSAN)**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**LAMPIRAN D**

Zarina binti Abu Hassan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900, Tanjong Malim,
Perak.

Kepada :

2 Oktober 2020

Ibu bapa/penjaga peserta kajian
SMK King George V,
Jalan Zaaba,
70100, Seremban,
Negeri Sembilan.

Tuan,

**PENGLIBATAN ANAK SEBAGAI PESERTA KAJIAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa anak tuan telah terpilih sebagai peserta dalam kajian yang bertajuk PEMIKIRAN MENCIPTA DALAM PENULISAN SAJAK MURID BERDASARKAN TAKSONOMI BLOOM di SMK King George V, Seremban, Negeri Sembilan.

3. Untuk makluman pihak tuan, kajian ini dijalankan selama sebulan iaitu bermula dari 1 hingga 30 Oktober 2020 pada waktu persekolahan. Dalam kajian ini, anak tuan akan menjalani empat kali sesi pemerhatian dan sekali sesi temu bual pada akhir kajian.

4. Bersama-sama ini disertakan borang kebenaran ibu bapa/penjaga dan borang persetujuan penglibatan sebagai peserta kajian untuk dilengkapkan dan dikembalikan kepada saya. Jika terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi saya di talian 0129356819 atau e-mel aniraz730208@gmail.com

5. Kerjasama daripada pihak tuan amat saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
**(ZARINA BINTI ABU HASSAN)**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**LAMPIRAN E**

**BORANG KEBENARAN IBU BAPA / PENJAGA**

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ialah keupayaan seseorang murid untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Tujuan KBAT diperkenalkan adalah untuk menyediakan murid ke arah melahirkan tenaga kerja yang mampu mendepani cabaran baharu agar tidak terpinggir dalam era digital ini. Penerapan KBAT di sekolah dilakukan dengan pelbagai cara supaya elemen ini menjadi amalan dalam diri murid. Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, elemen KBAT juga ini diterapkan oleh guru melalui Pdpc Komsas seperti penulisan sajak.

Oleh itu, kajian ini akan meneroka amalan pemikiran mencipta iaitu tahap tertinggi dalam aras KBAT melalui penulisan sajak dalam kalangan murid tingkatan dua. Berdasarkan penulisan sajak ini, elemen pemikiran mencipta seperti merancang, menyusun atur, menyatukan diksi dan menjana idea bagi membentuk sebuah sajak akan diteliti. Selain itu, kajian ini juga akan menganalisis gaya bahasa yang digunakan oleh murid agar sajak yang dihasilkan dapat memberi kesan kepada pembaca.

Penglibatan anak tuan dalam kajian ini memerlukan anak tuan mencipta sebuah sajak berdasarkan empat tema yang terdapat dalam bahan rangsangan dan dijalankan di luar sesi Pdpc. Perlakuan anak tuan semasa menulis sajak ini akan diperhatikan dan dirakam dalam bentuk video. Selain itu, anak tuan juga akan ditemu bual dan dirakam secara audio bagi tujuan transkripsi dan analisis data kajian.

Penyertaan anak tuan dalam kajian ini adalah secara sukarela. Bagi mematuhi etika penyelidikan, identiti dan maklumat peribadi anak tuan adalah dirahsiakan. Jika tuan mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan penyertaan anak tuan dalam kajian ini, tuan boleh menghubungi Zarina Abu Hassan di talian 012-9356819 ataupun e-mel: aniraz730208@gmail.com.

**KEBENARAN IBU BAPA / PENJAGA**

Saya _____ ibu bapa / penjaga kepada

_____ dari tingkatan _____

*Membenarkan / tidak membenarkan anak saya terlibat sebagai peserta dalam kajian ini.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

No. Telefon : _____

*Potong yang tidak berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**LAMPIRAN F**

**BORANG PERSETUJUAN MURID**

Saya maklum bahawa ibu bapa/penjaga saya telah memberi kebenaran kepada saya untuk terlibat sebagai peserta kajian yang bertajuk “Pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid berdasarkan Taksonomi Bloom”.

Saya faham bahawa saya perlu menulis empat buah sajak berdasarkan bahan rangsangan. Saya juga perlu menyuarakan pendapat berkaitan penulisan sajak apabila temu bual dijalankan. Penglibatan saya dalam kajian ini adalah secara sukarela iaitu tanpa paksaan dan saya boleh menarik diri daripada terlibat dalam kajian ini pada bila-bila masa. Sekiranya saya memilih untuk tidak menyertai kajian ini, keputusan ini tidak akan menjejaskan gred pencapaian saya di sekolah. Jika hasil kajian ini diterbitkan, identiti saya tidak akan didedahkan dan segala maklumat peribadi saya akan dirahsiakan.

Saya juga faham bahawa perlakuan saya semasa proses menulis sajak ini akan diperhatikan dan dirakam oleh pengkaji untuk ditranskripsi dan dianalisis. Saya juga memahami prosedur kajian yang akan dijalankan seperti di bawah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prosedur Kajian

1. Anda diminta mencipta sebuah sajak berdasarkan bahan rangsangan yang telah ditetapkan pada setiap kali pemerhatian. Penulisan ini bukanlah satu ujian dan tiada markah yang akan diberikan.
2. Anda akan ditemu bual selepas sesi pemerhatian ke-4 untuk mendapatkan beberapa penjelasan berkaitan proses anda menulis sajak.
3. Proses anda menulis sajak akan dirakam secara video dan sesi temu bual akan dirakam secara audio untuk mendapatkan gambaran yang tepat tentang perkara yang anda suarakan dan lakukan semasa penulisan sajak tersebut. Seterusnya, anda akan diminta untuk mengesahkan semua transkrip perbualan berkaitan rakaman ini.
4. Selepas kajian tamat, kandungan rakaman ini akan disimpan dengan baik dalam tempoh tertentu kemudian akan dilupuskan.
5. Kandungan rakaman ini hanya digunakan untuk tujuan kajian sahaja dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak.
6. Nama dan identiti anda juga akan dirahsiakan dalam kajian ini dan akan digantikan dengan nama samaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**PERSETUJUAN MURID**

Dengan ini, saya *bersetuju / tidak bersetuju untuk terlibat sebagai peserta dalam kajian ini.

Nama Murid : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

No. Telefon (Jika ada): _____

*Potong bahagian yang tidak berkenaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**LAMPIRAN G**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel : 605 450 5482, 450 5480, 450 5485, 450 5490, 450 5473, 450 5494, 450 5495
Fax : 605 459 4649
http://ips.upsi.edu.my Email : ips@upsi.edu.my

Institut Pengajian Siswazah

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/IPS-3/475.5 Jilid 15
Tarikh : 5 Mac 2020
10 Rejab 1441 H

Dr. Ghazali bin Din
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak

YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn.,

**PELANTIKAN PAKAR PENILAI INSTRUMEN KAJIAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pelajar seperti butiran di bawah merupakan pelajar Program Pengajian Siswazah bagi Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu) di bawah seliaan Dr. Ariff bin Mohamad di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI):

| | |
|---|---|
| Nama Pelajar | **Zarina Binti Abu Hassan** |
| Matrik No | **M20181000751** |
| Fakulti | **Fakulti Bahasa dan Komunikasi** |
| Tajuk Kajian | **Pemikiran Mencipta dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui Penulisan Sajak Murid Tingkatan Dua** |

05-45068 upsi

3 Sehubungan itu, saya ingin memohon khidmat kepakaran YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn. dalam membantu penyelidikan beliau supaya ia lebih signifikan dan relevan. Bersama-sama ini disertakan dokumen berkaitan untuk tindakan dan perhatian YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn. selanjutnya. Sebarang pertanyaan atau kesulitan boleh menghubungi penyelidik di talian **0129356819** atau alamat emel ke **aniraz73@yahoo.com**.

4. Kerjasama dan kesudian pihak YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn. berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**'UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(PROFESOR MADYA DR. RAMLEE BIN ISMAIL)**
Dekan, Institut Pengajian Siswazah
05-4505487
s.k. Fail Pelajar
Fail : UPSI/IPS-3/475.5 Jilid 15

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**LAMPIRAN H**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel : 605 450 5482, 450 5480, 450 5485, 450 5490, 450 5473, 450 5494, 450 5495
Fax : 605 459 4649
http://ips.upsi.edu.my Email : ips@upsi.edu.my

Institut Pengajian Siswazah

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/IPS-3/475.5 Jilid 15
Tarikh : 5 Mac 2020
10 Rejab 1441 H

Profesor Madya Dr. Dahlia binti Janan
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak

YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn.,

**PELANTIKAN PAKAR PENILAI INSTRUMEN KAJIAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pelajar seperti butiran di bawah merupakan pelajar Program Pengajian Siswazah bagi Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu) di bawah seliaan Dr. Ariff bin Mohamad di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

| | |
|---|---|
| Nama Pelajar | **Zarina Binti Abu Hassan** |
| Matrik No. | **M20181000751** |
| Fakulti | **Fakulti Bahasa dan Komunikasi** |
| Tajuk Kajian | **Pemikiran Mencipta dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui Penulisan Sajak Murid Tingkatan Dua** |

05-45068 tbupsi

3. Sehubungan itu, saya ingin memohon khidmat kepakaran YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn. dalam membantu penyelidikan beliau supaya ia lebih signifikan dan relevan. Bersama-sama ini disertakan dokumen berkaitan untuk tindakan dan perhatian YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn. selanjutnya. Sebarang pertanyaan atau kesulitan boleh menghubungi penyelidik di talian **0129356819** atau alamat emel ke **aniraz73@yahoo.com.**

4. Kerjasama dan kesudian pihak YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn. berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**'UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(PROFESOR MADYA DR. RAMLEE BIN ISMAIL)**
Dekan, Institut Pengajian Siswazah
05-4505487
s.k. Fail Pelajar
Fail : UPSI/IPS-3/475.5 Jilid 15

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**LAMPIRAN I**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel : 605 450 5482, 450 5480, 450 5485, 450 5490, 450 5473, 450 5494, 450 5495
Fax : 605 459 4649
http://ips.upsi.edu.my Email : ips@upsi.edu.my

Institut Pengajian Siswazah

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/IPS-3/475 5 Jilid 36
Tarikh : 4 September 2020
19 Muharam 1442 H

Dr. Mohd Mursyid Bin Arshad
Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan.

YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn.,

**PELANTIKAN SEBAGAI PAKAR KESAHAN INSTRUMEN KAJIAN.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pelajar seperti butiran di bawah merupakan pelajar Program Pengajian Siswazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

| | |
|---|---|
| Nama | : **Zarina Binti Abu Hassan** |
| No. Matrik | **M20181000751** |
| Fakulti | : **Fakulti Bahasa dan Komunikasi** |
| Tajuk Kajian | **Pemikiran mencipta dalam penulisan sajak murid berdasarkan Taksonomi Bloom.** |

3. Sehubungan itu, saya ingin memohon khidmat kepakaran YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn. dalam membantu penyelidikan beliau supaya ia lebih signifikan dan relevan. Bersama-sama ini disertakan dokumen berkaitan untuk tindakan dan perhatian YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn. selanjutnya. Sebarang pertanyaan atau kesulitan boleh menghubungi penyelidik di talian **0129366819** atau alamat emel ke **aniraz73@yahoo.com**.

4. Kerjasama dan kesudian pihak YBhg.Prof./Prof.Madya/Dr./Tn./Pn. berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**'UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(PROFESOR MADYA DR. RAMLEE BIN ISMAIL)**
Dekan, Institut Pengajian Siswazah
05-4505487

s.k. Fail Pelajar

05-45068 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**LAMPIRAN J**

## BORANG PROTOKOL PEMERHATIAN

Nama Murid : _____ Pemerhatian : 1 / 2 / 3 / 4

Tarikh : _____ Masa : _____

| ELEMEN MENYUSUN ATUR | | |
|---|---|---|
| **Proses** | **Nota Refleksi** | **Ulasan** |
| 1. Menyediakan medan bahasa berdasarkan tema bahan rangsangan<br>a. Menyenaraikan<br>b. Melakarkan<br>c. Menulis semula | | |
| 2. Pemilihan perkataan berdasarkan :<br>a. Bahan rangsangan<br>b. Tema<br>c. Pengetahuan sendiri<br>d. Pengalaman sendiri<br>e. Emosi | | |
| 3. Golongan Perkataan<br>a. Bahasa Melayu standard<br>b. gaya bahasa<br>c. Laras bahasa<br>d. Bahasa Emotif | | |
| 4. Menyusun dan mengolah medan makna supaya selari dengan susunan idea untuk membentuk baris dan rangkap, seterusnya sajak. | | |
| 5. Membuat suntingan<br>a. Menulis semula<br>b. Menambahkan perkataan baharu<br>c. Menggugurkan perkataan | | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| d. Menggantikan dengan perkataan yang lebih sesuai | | |

| ELEMEN MENJANA IDEA | | |
|---|---|---|
| **Proses** | **Nota Refleksi** | **Ulasan** |
| 1. Mengembangkan medan idea berdasarkan :<br>a. bahan rangsangan<br>b. Sumber lain<br>c. Bermakna<br>d. Berkesan | | |
| 2. Idea baharu | | |
| 3. Mesej dan pengajaran<br>a. Diri sendiri<br>b. Orang lain | | |
| 4. Perasaan/emosi | | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**LAMPIRAN K**

**PROTOKOL TEMU BUAL (MURID)**

| SEKSYEN | PERKARA / SOALAN | CATATAN |
|---|---|---|
| A | **Latar Belakang Temu bual**<br>Pengkaji menjelaskan tujuan kajian, keizinan untuk mendapatkan maklumat serta merekodkan perbualan secara audio.<br><br>**Maklumat Demografi**<br>Nama :<br>Umur :<br>Tingkatan :<br>Pencapaian BM : | |
| B | **Soalan Temu bual separa struktur**<br><br>1. Apakah yang anda faham tentang sajak?<br><br>2. Biasanya, apakah yang ada dalam sesebuah sajak yang anda tahu?<br><br>3. Apakah perkara pertama yang anda lakukan apabila menulis sajak?<br><br>4. Bagaimanakah anda memperoleh perkataan yang akan anda gunakan dalam penulisan sajak?<br><br>5. Bolehkah terangkan cara anda menyusun perkataan menjadi sebuah sajak.<br><br>6. Bagaimanakah cara anda mengembangkan lagi idea daripada bahan rangsangan?<br><br>7. Dari manakah anda memperoleh idea tersebut?<br><br>8. Adakah terdapat pengajaran yang anda ingin sampaikan melalui sajak? Bagaimanakah sajak yang anda tulis ini boleh menyampaikan pengajaran?<br><br>9. Adakah sajak yang anda tulis itu menggambarkan perasaan anda? Jika ya, mengapa?<br><br>10. Selepas siap menulis sajak, adakah anda menyemak sajak semula?<br><br>11. Apakah yang anda hadapi semasa anda menulis sajak? | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| | 12. Adakah guru anda memberi bimbingan semasa menulis sajak? Jika ya, bimbingan dari segi apa dan bagaimana dijalankan?<br><br>13. Adakah bimbingan guru akan dapat membantu anda menghasilkan sajak yang baik? | |
| C | **Penutup**<br><br>1. Apakah perasaan anda apabila berjaya menulis sebuah sajak?<br><br>2. Adakah anda berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti penulisan sajak apabila dewasa nanti?<br><br>3. Terima kasih saya ucapkan dan izinkan saya untuk berjumpa lagi dengan anda untuk melakukan pengesahan dan penjelasan data). | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**LAMPIRAN L**

**PROTOKOL TEMU BUAL (GURU)**

| SEKSYEN | PERKARA / SOALAN | CATATAN |
|---|---|---|
| A | Pengkaji menjelaskan tujuan kajian, keizinan untuk mendapatkan maklumat serta merekodkan perbualan secara audio.<br><br>**Maklumat Demografi**<br><br>1. Boleh anda nyatakan maklumat berkenaan diri anda?<br><br>Nama :<br>Umur :<br>Jawatan (Dalam panitia Bahasa Melayu) :<br>Kelulusan akademik/ikhtisas :<br>Pengalaman mengajar Bahasa Melayu :<br>Penglibatan dalam aktiviti koakademik BM : | |
| B | **Soalan Temu bual separa struktur**<br><br>1. Apakah yang anda faham tentang Kemahiran berfikir aras tinggi(KBAT)?<br><br>2. Berdasarkan pengetahuan ada, apakah jenis-jenis tahap pemikiran yang terdapat dalam KBAT?<br><br>3. Tahap yang manakah yang selalu anda aplikasikan dalam Pdpc?<br><br>4. Apakah yang anda faham tentang tahap pemikiran mencipta?<br><br>5. Adakah anda selalu mengaplikasi pemikiran mencipta dalam Pdpc Komsas anda? Jika ya, pada subtopik yang manakah?<br><br>6. Pernahkan anda mengaplikasikan pemikiran mencipta dalam aktiviti penulisan sajak? Jika pernah, mengapakah anda memilih untuk menggunakan tahap pemikiran mencipta ini berbanding dengan tahap pemikiran yang lain?<br><br>7. Bagaimanakah cara atau kaedah yang anda gunakan sebelum aktiviti penulisan sajak | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| | dijalankan bagi mengaplikasikan pemikiran mencipta ini?<br><br>8. Adakah anda menyediakan bahan rangsangan kepada murid untuk menulis sajak? Jika ya, dari manakah sumber bahan rangsangan tersebut?<br><br>9. Bagaimanakah cara atau kaedah yang anda gunakan semasa aktiviti penulisan sajak dijalankan bagi merangsang murid untuk menyampaikan idea yang berkesan?<br><br>10. Adakah anda memberi bimbingan tentang cara penulisan sajak kepada murid. Jika ya, nyatakan caranya.<br><br>11. Adakah murid anda mengetahui ciri-ciri sajak terlebih dahulu sebelum aktiviti penulisan sajak dijalankan? Jika ya, dari sumber manakah?<br><br>12. Bagaimanakah cara atau kaedah yang anda gunakan untuk menggalakkan murid menggunakan gaya bahasa yang indah dan puitis semasa menulis sajak?<br><br>13. Bagaimanakah cara atau kaedah yang anda gunakan supaya sajak yang ditulis oleh murid dapat menggambarkan perasaan mereka?<br><br>14. Apakah aktiviti yang dilakukan selepas penulisan sajak? Contohnya adakah murid mendeklamasikan sajak, hasil penulisan sajak dipaparkan dan sebagainya?<br><br>15. Ada pendapat yang mengatakan bahawa pemikiran mencipta ini hanyalah sesuai untuk murid yang cemerlang sahaja. Apakah pandangan anda terhadap perkara ini?<br><br>16. Pada pendapat anda, apakah implikasi kemampuan murid menguasai pemikiran mencipta dalam penulisan karya kreatif (puisi) ataupun semasa berhadapan dengan sesuatu situasi terhadap kehidupan murid pada masa hadapan? | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| C | **Penutup**<br><br>1. Terima kasih saya ucapkan dan izinkan saya untuk berjumpa lagi dengan anda untuk melakukan pengesahan dan penjelasan data. | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**LAMPIRAN M**

## BORANG SENARAI SEMAK

Tema : _____ Analisis : 1 / 2 / 3 / 4
Peserta : _____

**OBJEKTIF 1**

| BIL | CIRI-CIRI | PERINCIAN DALAM SAJAK |
|---|---|---|
| **1** | Pemikiran | |
| 2 | Bentuk | |
| 3 | Rangkap | |
| 4 | Baris | |
| 5 | Patah Perkataan | |
| 6 | Asonansi | |
| 7 | Aliterasi | |
| 8 | Gaya Bahasa | |

**OBJEKTIF 2**

| BIL | JENIS GAYA BAHASA | SENARAI DALAM SAJAK | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Personifikasi | | |
| 2 | Metafora | | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**LAMPIRAN N**

# Keistimewaan Tanah Airku

Seni Bahasa

Aktiviti

Berdasarkan bahan, hasilkan sajak yang bertemakan keistimewaan tanah airku.

Malaysia merupakan negara yang istimewa. Sekeping gambar boleh membawa seribu satu cerita tentang keistimewaan Malaysia.



Deruan air mengasyikkan



Keindahan pantai memukau



Warisan terjuh berdiri



Keindahan alam menggamit kenangan



Memelihara warisan pinfluns




Budaya ialah cinta bangsaku

05-45068 ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-45068 tbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**LAMPIRAN O**

**BORANG LAKARAN SAJAK**

TEMA : 1 / 2 / 3 / 4 PESERTA : _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**LAMPIRAN P**

**BORANG PENULISAN SAJAK**

TEMA : 1 / 2 PESERTA : _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi